

**29 MAC 2017 (RABU)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2017**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 29 MAC 2017 (RABU)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

**29 MAC 2017 (RABU)**

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

**29 MAC 2017 (RABU)**

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**  
Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

**Pelapor Perbahasan**  
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas pada hari yang ketiga 29 Mac 2017 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat:

- v. Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2017
  - Penyata Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Usul Nombor 20 Tahun 2016 di Bawah Peraturan-Peraturan Tetap 26 (1)(P) untuk merujuk Yang Berhormat Dato' Mat Nazeri Bin Ahmad Dahlan, ADUN Batang Kali ke Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Berdasarkan Ucapan beliau di Dewan Negeri Selangor pada 1hb November 2016.
- vi. Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2017
  - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan JPK Pembasmian Kemiskinan Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Penjaja Tanpa Lesen di Petaling Jaya Selatan PJS1, PJS2, PJS3 dan PJS4.
- vii. Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2017
  - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah JP Padat Berhubung Status Tanah PKNS dan Tanah Di Taman Permata Dengkil di kawasan Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah di Selangor.

**III. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi Yang Berhormat semua, Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tuan Speaker, soalan nombor 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN**  
**(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK: KREMATORIUM**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan semua krematorium milik kerajaan di Negeri Selangor, bersama dengan kos pembakaran mayat.
- b) Mengikut kajian Kerajaan Negeri, adakah bilangan ini mencukupi?
- c) Apa rancangan Kerajaan Negeri untuk menambahkan bilangan krematorium?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing, Tuan Speaker terdapat 6 buah krematorium yang di selenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor. Pertama di PBT MBSA, Krematorium *Blist Garden* diselenggara oleh Twin Valley Holding Berhad sebagai Projek Penswastaan lokasi di Kompleks Perkuburan di atas lot 2720 Jalan Setia Makmur U14/49 Seksyen U14. Tahun dibina 2015, kos selenggaraan bagi tahun 2016 RM164,592.00. Kos pembakaran mayat di kawasan tersebut adalah penduduk Shah Alam dikenakan RM200.00, bukan penduduk Shah Alam dikenakan RM600.00. Dalam pada itu di kawasan MBSA juga krematorium yang selain itu adalah Nirvana Memorial Park yang di selenggara oleh Nirvana Memorial Park Shah Alam Sdn Bhd sebagai Projek Penswastaan lokasi sebahagian tanah kubur seksyen 21, tahun dibina 2006 kos selenggaraan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM274,320.00, kos pembakaran mayat adalah bagi penduduk Shah Alam RM200.00 bagi bukan penduduk Shah Alam RM700.00. Bagi kawasan MBPJ adalah krematorium di kawasan kampung Tunku sebenarnya ada 4 krematorium satu dan dua dibina pada tahun 1990 yang digunakan melalui pembakaran gas pada bagi krematorium yang dibina pada tahun 2007 dan 2014 ada 3 dan 4 di yang digunakan diesel, so kos penyelenggaraan untuk empat-empat ini adalah sebanyak RM180,000.00 dan kos pembakaran mayat adalah sebanyak RM180.00 untuk semua. Bagi kawasan MBPJ bukan MPSJ lot bagi satu krematorium di kawasan lot 7374 bangunan krematorium MPSJ Batu 14 Puchong. Tahun dibina tahun 2011 kos selenggaraan bagi tahun 2016 adalah RM36,146.00 dan charge bagi pembakaran mayat adalah sebanyak warganegara RM180.00 bukan

## **29 MAC 2017 (RABU)**

warganegara RM250.00. Bagi kawasan MPK krematorium Majlis Perbandaran Klang di kawasan bulatan simpang lima tahun dibina tahun 2004 kos selenggaraan bagi tahun 2016 adalah RM45,681.80 dan kos pembakaran mayat adalah bagi hari Isnin hingga Jumaat dikenakan RM150.00 dan Sabtu Ahad dan cuti umum dikenakan RM180.00. Bagi kawasan seperti MPS Sepang, Selayang, Kajang, Ampang Jaya dan Kuala Selangor, Kuala Langat, Sabak Bernam Dan Hulu Selangor tiada krematorium setakat ini. Sehingga kini tiada kajian khusus berkenaan keperluan krematorium dijalankan di setiap pihak berkuasa tempatan. Namun, setiap permohonan yang diterima akan dibincangkan dalam Mesyuarat Hal Ehwal Selain Islam untuk diangkat ke mesyuarat Akaun Amanah Perkuburan bagi mendapatkan kelulusan. Pada masa ini satu kelulusan membina krematorium di Kajang telah diluluskan dengan kos sebanyak RM2,000,000.00. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri berhasrat menambahkan bilangan krematorium mengikut permohonan dan peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor dari masa ke semasa.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat EXCO bahawa krematorium yang berada di kawasan Tun Taman Medan tapi dikatakan sebagai Kampung Tunku sebenarnya telah beroperasi di atas dengan menggunakan sistem diesel. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, adakah mungkin pada masa yang akan datang krematorium yang akan dibina termasuk krematorium yang akan dibina di Kajang seperti apa yang dikatakan tadi akan menggunakan sistem gas asli dan ini untuk memastikan pembakaran mayat itu diadakan dengan cara yang lebih lengkap dan efisien. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Kampung Tunku, sebenarnya di MBPJ memang dinyatakan sebagai masih lagi Kampung Tunku juga itu krematorium. Bagaimanapun cadangan tersebut menggunakan gas asli adalah satu cadangan yang baik ia adalah untuk UPEN untuk mengkaji dengan cadangan tersebut. Saya percaya cadangan itu akan diutarakan dalam Hal Ehwal Selain Islam dalam permohonan akan datang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Tuan Speaker, soalan saya No. 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : MASALAH PARIT DAN TEKANAN AIR KAMPUNG**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bilakah JKR atau Pejabat Tanah Gombak dapat mewujudkan longkang yang sesuai bagi menghalang banjir di jalan MP1 sehingga MP3?
- b) Bilakah Syabas akan memulakan program air akibat dari masalah tekanan air dan masalah sambungan "spegetti" di kawasan kediaman sekitar MP1?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera Tuan Speaker, terima kasih pada Paya Jaras. Pihak Majlis Perbandaran Selayang telah pun membuat jajaran longkang-longkang yang dimaksudkan dan sedang dalam proses menunggu pelan jajaran daripada pihak juruukur. Setelah itu Majlis Perbandaran Selayang akan menyediakan kertas cadangan pelebaran longkang berdasarkan pelan jajaran longkang tersebut dan tempoh masa untuk proses awal ini kurang lebih 2 hingga 3 minggu. Setelah kelulusan cadangan diperolehi, baru lah kontraktor yang dilantik akan menjalankan kerja-kerja naik taraf longkang-longkang tersebut dan keseluruhan proses ini dijangka akan siap dalam tempoh 8 minggu dari tarikh lantikan dan bergantung pada keadaan semasa. Berkaitan dengan penggantian paip utama dan paip komunikasi bagi kawasan Kampung Paya Jaras iaitu sepanjang 7.8 KM, Kampung Merbau Sempak 8.6 KM dan Kampung Kubu Gajah 16.8 KM dalam peringkat menyediakan reka bentuk oleh juru perunding yang dilantik oleh Air Selangor untuk penyediaan dokumen tender bagi tahun 2017. Manakala penggantian paip lama untuk Kampung Paya Jaras ianya di bawah juru perunding Angkasa Consulting Services Sdn Bhd dan penggantian paip ini dijangka akan siap pada penghujung 2019. Manakala bagi Kampung Merbau Sempak dan Kampung Kubu Gajah pula di bawah juru perunding Ranhill Consultant Sdn Bhd dijangka akan siap pada tahun 2018 - 2019.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Soalan tambahan saya.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**29 MAC 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya rasa soalan saya itu bilakah JKR nak mula, saya tak tanya apakah proses 2016 ke-2017 18 ke, silakan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Paya Jaras dan ianya bukan di bawah JKR.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Tetap tak menjawab soalan saya tu. Bila jangkaan tak kiralah siapa lah, bilakah jangkaan mula?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Seperti mana yang saya telah nyatakan proses yang tadi ada beberapa tempoh yang telah saya nyatakan yang dijangka akan siapa dalam tempoh 5 bulan ke hadapan. Terima kasih

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya minta maaf, soalan saya berbunyi bilakah JKR ataupun Pejabat Tanah Gombak dapat mewujudkan longkang yang sesuai, tempat tu tak ada longkang lagi, Matang Pagar 1 sehingga Matang Pagar 3, kawasan tersebut belum ada pagar, macam mana nak siap. Soalan saya bila nak mula?.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Ok, terima kasih Paya Jaras. Apa yang saya faham daripada soalan ini banjir berlaku di jalan utama oleh sebab seperti mana yang disebutkan di jalan MP1 dan MP3 itu masih lagi belum ada longkang tetapi di sana ada saliran-saliran yang telah pun tersedia wujud menyebabkan air mengalir ke jalan utama. Jadi di peringkat Majlis Perbandaran Selayang ia akan menaik taraf longkang di jalan utama terlebih dahulu. Dan bila itu saya sebutkan tadilah dalam tempoh 5 bulan ke hadapan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan Ijok No. 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK: PUSAT DIALISIS NEGERI**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Siapakah yang sepatutnya yang memutuskan dan menentukan kelayakan pesakit-pesakit yang menjalani rawatan Dialisis di pusat tersebut?
- b) Bagaimanakah pengurusan dan pengendalian pesakit-pesakit yang menerima rawatan Dialisis dijalankan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Ijok, Tuan Speaker, Kerajaan Negeri mengambil berat bahawa kos rawatan dialisis amat membebankan para pesakit. Kos rawatan yang tinggi manakala pesakit tidak dapat bekerja untuk menampung kos sara hidup keluarga. *National Renal Transplant Registry* 2014 melaporkan terdapat 6890 orang pesakit dialisis di Negeri Selangor. Kelazimannya setiap pesakit perlu menjalani rawatan sebanyak 13 kali sebulan. Sebagai sebuah kerajaan yang peduli rakyat untuk tahun 2017 Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan sehingga sejumlah RM5,000,000.00 berbanding RM1.5 juta pada tahun 2016. Ini adalah untuk membiayai bantuan kos rawatan dialisis kepada lebih ramai pesakit yang layak. Oleh itu, setiap permohonan bantuan dialisis adalah melalui Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor akan disemak dan disyorkan oleh pihak UPEN dan diluluskan oleh YB EXCO Kesihatan. Pesakit yang layak untuk menerima bantuan Sihat Selangor ini bagi menjalani rawatan dialisis perlulah mematuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan iaitu Warganegara Malaysia dan lahir atau telah menetap di Negeri Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun, yang keduanya pendapatan bagi isi rumah adalah RM3,000.00 sebulah ke bawah. Semua permohonan perlulah dibuat secara atas talian *online* dilaman web bantuansihat.selangor.gov.my dan mengemukakan dokumen kepada pihak UPEN. Setiap permohonan yang menepati syarat kelayakan akan dipertimbangkan untuk menerima bantuan Sihat Selangor. Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang tidak menerima sebarang bantuan dari mana-mana pihak dan mempunyai tanggungan yang ramai ketua ataupun ketua keluarga meninggal dunia, atau ahli keluarga yang sakit atau golongan orang kurang upaya. Jumlah kelulusan pembiayaan yang akan diberikan adalah sehingga RM5,000.00. Namun, bagi pemohon yang telah mendapat bantuan daripada pihak lain seperti dari Lembaga Zakat Selangor, daripada SOCSO daripada, Kementerian Kesihatan Malaysia, daripada JPA mereka masih layak untuk memohon dan bantuan kelulusan adalah mengikut kadar yang dipertimbangkan. Untuk B, pesakit yang layak dan diluluskan untuk menerima bantuan Sihat Selangor akan menjalani lawatan dialisis pada panel dialisis yang berdaftar berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan. Panel dialisis akan membuat tuntutan pembayaran kepada pihak UPEN setelah pesakit menggunakan keseluruhan peruntukan yang diluluskan. Terima kasih.

**YB TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**YB TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Ijok ingin bertanya rujukan pesakit-pesakit kepada program dialisis ini daripada doktor-doktor. Adakah semua doktor-doktor rujukan mereka akan diterima atau separuh doktor yang dilantik oleh negeri atau doktor-doktor pakar sahaja yang boleh merujuk pesakit-pesakit ini untuk mendapatkan rawatan.

**YB PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Ijok. Rujukan biasanya kita akan mendapat daripada Pusat Rawatan Dialisis kepada pihak UPEN. Jadi segala dokumen dan juga keperluan yang diperlukan oleh pihak UPEN untuk meneliti kelayakan mereka akan kita lihat dan sekiranya mereka ini layak ia nya akan diluluskan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan saya berkenaan dengan jawapan EXCO tadi berkenaan tentang dialisis, cara permohonan iaitu mestilah atas talian ‘online’ tetapi masih apa yang saya masih dapat masih ada ramai yang kurang mahir, pesakit-pesakit ini mereka sukar untuk berinteraksi dengan ‘online’ ini, ada apa cara selain daripada ini untuk membantu mereka. Sekian, terima kasih.

**YB PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Sekinchan. Tuan Speaker, permohonan secara atas talian sememangnya telah dimulakan sejak 2017, Januari dan kita memang ke arah permohonan secara ‘online’ maka, sebab itulah pihak Pejabat Pusat Khidmat DUN di semua DUN perlu membantu para pesakit ini dan mereka boleh datang ke Pejabat Pusat Khidmat DUN. Para pegawai di Pejabat Pusat Khidmat DUN telah pun diberikan latihan untuk melaksanakan sistem ‘online’ ini. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Tuan Speaker yang baik hati, kain basah sudah dibilas, soalan saya Nombor 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: BANTUAN KEPADA SEKOLAH RENDAH**

16. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah bantuan kepada SRK, SRJKC, dan SRJKT dari 2014-2016.
- b) Nyatakan jumlah permohonan bantuan yang ditolak pada tahun 2016.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih YB Sungai Panjang. Tentang jumlah bantuan kepada Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dari 2014 sehingga 2016 untuk makluman, kita di bawah program bantuan sekolah Kerajaan Negeri kita memberi kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Menengah Persendirian Cina dan kita tambah pada tahun 2017 ini kepada Sekolah Mualigh dan juga Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah Persendirian pada tahun 2014 kita telah memberikan bantuan sejumlah RM5,030,000.00, 2015 - RM6,000,000.00, 2016 – RM5,990,000.00. Jumlah keseluruhannya ialah sebanyak RM17,020,000.00 bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah Persendirian di antara 2014 sehingga 2016. Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil jumlah yang telah kita sampaikan pada tahun 2014, 2015 dan 2016 ialah RM4,000,000.00 tiap-tiap tahun menjadikan jumlahnya antara 2014 sehingga 2016 sebanyak RM12,000,000.00. Bagi bantuan yang ditolak pada tahun 2016 adalah sebanyak 241 permohonan dengan perincian berikut bagi Sekolah Agama Rakyat bagi bantuan fasa pertama 2016 kita menerima 333 permohonan dan kita telah menolak 59 permohonan bagi fasa kedua kita telah menerima 274 permohonan dan kita telah menolak 125 permohonan. Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, kita telah menerima 107 permohonan bagi Fasa 1, 2016 dan kita telah menolak 17 permohonan. Bagi Fasa Ke-2, kita menerima 88 permohonan dan kita telah menolak sebanyak 29 permohonan. Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil bagi bantuan Fasa 1, 2016 kita menerima 94 permohonan dan tiada yang ditolak bagi Fasa 1. Bagi Fasa 2, kita telah menerima 25 permohonan dan kita telah menolak sebanyak 11 permohonan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Terima kasih.

**YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Soalan tambahan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Kriteria terima dan tolak ini, sebenarnya apa asas ukuran?.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Kita meminta tiap-tiap sekolah untuk mengisi borang dan kita juga menilai rekod penerimaan mereka pada tahun-tahun sebelum itu. Jadi kalau sekolah itu telah menerima bantuan pada tahun lepas, mereka bukan berada dalam prioriti utama untuk menerima bantuan pada tahun ini sekiranya kita tidak mempunyai peruntukan yang cukup. Kita juga melihat kepada bilangan pelajar dan keperluan apa yang mereka minta. Sekiranya perkara yang diminta itu ialah perkara yang sangat mendesak, maka kita akan mendahulukan keperluan sekolah tersebut.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah langkah-langkah yang kita boleh lakukan untuk mempertingkatkan sistem ataupun cara pemilihan ini supaya ia nya lebih canggih daripada apa yang digunakan atau apa yang berlaku di peringkat Persekutuan di mana sebanyak RM50,000,000.00 yang diperuntukkan untuk tahun 2015 tidak kesampaian ke tangan SJKC pada tahun berkenaan dan terpaksa ditangguhkan pada tahun 2017. Jadi sebagai Kerajaan Negeri Selangor yang jauh lebih canggih, saya kira itu adalah satu kelebihan kepada Selangor mengikut apa yang diperjelaskan oleh YB tadi. Apa yang boleh kita lakukan untuk memastikan sistem pemilihan itu lebih ke depan berbanding dengan apa yang di praktis oleh kerajaan Persekutuan.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Jadi, kita memang cuba memastikan bahawa setiap wang yang kita peruntukan kalau sebelum ini misalnya untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah Persendirian kita peruntukan sebanyak RM6,000,000.00 dan sekarang kita telah peruntukan sebanyak RM7,000,000.00 maka kita cuba memastikan bahawa setiap wang yang diperuntukkan itu sampai ke sekolah-sekolah tersebut. Untuk Sekolah Agama Rakyat misalnya daripada RM6,000,000.00 kita telah tingkatkan kepada RM9,000,000.00. Jadi, cuma kita meninggalkan sedikit *buffer* kerana kita melihat kadang-kadang ada bencana sebagainya, jadi kita menggunakan wang baki tersebut untuk disumbangkan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**YB PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Puan Speaker, Soalan No.17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK: PENGANTIAN PAIP AIR LAMA DI SELANGOR**

17. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah projek penggantian paip air lama yang telah diluluskan serta kos penggantian dan panjang paip mengikut daerah pentadbiran Air Selangor sejak tahun 2016.
- b) Nyatakan langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan penggantian paip air lama mengikut perancangan tanpa kelewatan.

**YB TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kuala Kubu Baharu. Berkaitan jumlah projek penggantian paip air lama yang telah diluluskan serta kos penggantian dan panjang paip mengikut daerah pentadbiran air Selangor sejak tahun 2016 kita akan beri dalam bentuk Lampiran. Air Selangor akan sentiasa memberikan laporan kepada Kerajaan Negeri berkaitan dengan status kerja-kerja penggantian paip di 84 kawasan *hotspot* yang telah pun dikenal pasti. Pada tahun 2017, sebanyak 57 tapak *hotspot* akan dilancarkan. Perancangan pelaksanaan projek sedang berjalan dengan kerja-kerja reka bentuk yang disasarkan akan disiapkan pada bulan April 2017 dan kontraktor-kontraktor dilantik pada bulan Julai 2017. Air Selangor akan berunding dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga JKR untuk mendapatkan kelulusan permit mengorek sebelum pelantikan kontraktor lagi supaya kerja penggantian dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Semua PBT yang terlibat telah pun dimaklumkan terlebih dahulu lebih awal oleh Air Selangor mengenai projek penggantian paip air di kawasan masing-masing. Untuk mengekalkan kualiti kerja, Jurutera-jurutera perunding dilantik untuk mengawasi kerja-kerja pemasangan paip tersebut selain daripada kakitangan Air Selangor yang turut mengawasi kerja-kerja ditapak dengan kerjasama PBT juga memberikan kebenaran untuk Air Selangor mendapatkan permit korekan pada waktu yang ditetapkan serta pengawasan berterusan oleh Air Selangor.

**YB PUAN LEE KEE HIONG:** Soalan tambahan.

**YB TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**YB PUAN LEE KEE HIONG:** Saya nak tanya, macam mana kita memastikan penggantian paip itu tanpa kelewatan kerana saya dapati, saya ambil contoh satu kawasan yang menggantikan paip hanya 3.5 km tapi mengambil masa 1 tahun. Bila saya tanya kontraktor bila nak siapkan, dia kata 1 tahun. Adakah ini terlalu lama untuk 3.5 km itu mengambil masa 1 tahun. Adakah kita mempunyai 1 SOP. 1 km kena digantikan dalam masa tempoh 2 bulan ke macam mana.

**YB TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih, Kuala Kubu. Di sana ada sedikit kekangan sebelum ini berkaitan dengan permit korekan, yang mana kalau sebelum ini setelah kontraktor dilantik baru diuruskan permit korekan. Jadi, itu dan juga di sana setiap PBT mempunyai prosedur yang berbeza dan Alhamdulillah perkara ini telah pun diuruskan dalam perbincangan di antara UPEN, PBT dan juga JKR. Antara pendekatan yang diambil adalah yang pertama sekali, permit-permit korekan itu akan dimohon sebelum pelantikan kontraktor lagi. Kalau sebelum ini selepas daripada kontraktor baru akan dimohon permit korekan. Begitu juga dan penyelarasan berkaitan dengan permit korekan dan juga wang cagaran itu akan atau sekarang dalam proses penyelarasan di peringkat Kerajaan Negeri Selangor.

**YB TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Ya dalam proses pemasangan paip ini kita ucapkan tahniah lah kerana kerajaan telah bertungkus-lumus melalui Air Selangor. Tapi apa yang saya nampak dalam konteks ini ialah selepas kerja-kerja pemasangan itu banyak aduan daripada pengguna tentang proses nak menambah baik dan menyebabkan jalan itu berlubang-lubang di sana adalah disebabkan oleh kerja-kerja seperti ini. Apakah tindakan yang sewajarnya pemantauan dilakukan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Sekinchan. Itu juga yang menjadi fokus kepada PBT-PBT yang mengenakan wang cagaran dan sebagainya seperti mana yang saya jawab tadi bahawa perkara itu memang dalam perhatian dan telah pun diambil kira dan ditambah baik dan di mana kita telah pun melantik jurutera-jurutera perunding untuk mengawasi kerja-kerja pemasangan paip air selain daripada kakitangan Air Selangor sendiri yang turut berada di tapak untuk memastikan berkaitan aduan seperti mana yang dinyatakan oleh Sekinchan.

**YB TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**YB TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker, sejak senarai 84 *hotspot* dibuat pada tahun 2016, sekarang kita ada banyak *hotspot* baru seperti contohnya Seksyen 14, Petaling Jaya di mana pada bulan ini telah ada 10 kes paip pecah yang mengganggu bekalan air dan di sepanjang tahun lepas ada 31 kes paip pecah lebih teruk daripada *hotspot-hotspot* yang ada dalam senarai 84 itu. Jadi adakah Kerajaan Negeri akan mengambil kira *hotspot-hotspot* baru yang timbul sekarang untuk penggantian paip dengan kadar yang segera.

**YB TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih, Bukit Gasing, memang kewujudan *hotspot-hotspot* baru selain daripada 84 *hotspot* ini memang dalam senarai dan telah pun dikenal pasti. Cuma kita sekarang ini terbatas dengan kelulusan yang asal untuk kita habiskan tempoh penggantian sehingga 2019 dengan 422.5 km dengan nilai RM363,000,000.00. Sekiranya penggantian ini dapat kita laksanakan dengan cepat, maka di sana ada kemungkinan untuk kita teruskan kepada lebihan daripada 84 *hotspot* yang telah pun kita kenal pasti untuk disiapkan dalam tempoh sehingga 2019.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**YB TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** YB EXCO saya tidak ada masalah dengan menghabiskan 84 *hotspot* mesti dibuat 84 itu, jangan berhentikannya tapi yang baru timbul itu pun kena ambil perhatian. Jadi saya minta kita menyediakan kertas-kertas kerja untuk mendapatkan peruntukan mungkin daripada PAP ataupun peruntukan dalaman Kerajaan Negeri supaya ia dapat disegerakan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**YB TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Bukit Gasing, seperti yang saya maklumkan memang dalam proses. Pertama, mengenal pasti *hotspot-hotspot* selain daripada 84 *hotspot* memang kita ada senarai yang telah pun dibuat bancian dan sebagainya dan juga fokus kita sekarang adalah untuk menyelesaikan 422.5 km dengan bajet seperti yang saya sebutkan tadi dan kiranya ia dapat dilaksanakan dengan baik dan ada, dapat dilaksanakan dengan cepat dan sebagainya kita akan teruskan dengan *hotspot-hotspot* yang seterusnya.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya iaitu tentang bajet, Yang Berhormat EXCO bercakap tentang bajet. Saya ingin bertanya adakah mungkin kalau kita mengadakan bajet ataupun perbelanjaan tambahan untuk memasukkan *hotspot-hotspot* baru ini ke dalam projek ini, ke dalam kepala ini supaya memastikan bahawa kerja-kerja menukar gantian paip-paip lama ini boleh dijalankan dengan lebih cepat, lebih berkesan mengikut keperluan kerana saya lihat sekiranya kita terlalu terkongkong dengan bajet-bajet tambahan ini maka sekiranya kita terlalu terkongkong dengan 84 *hot spot* sahaja dan berlakunya *hotspot-hotspot* tambahan dan berlakunya keadaan di mana kalau kita tambah bajet itu, tambah bajet bekalan tambahan ianya boleh di atasi maka saya rasa bahawa itu adalah satu percubaan yang boleh dilakukan oleh Yang Berhormat EXCO jadi saya ingin bertanya adakah itu, mungkinkah itu boleh dilakukan pada masa yang terdekat ini. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kampung Tunku. Seperti mana yang saya jawabkan pada peringkat awal tadi saya kira itu satu cadangan yang baik yang kita boleh mengambil kira subjek ataupun dengan izin kepada pelaksanaan apa yang telah pun kita rangkakan terlebih dahulu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan saya tambahan. Saya soalan tambahan saya ialah adakah mungkin Yang Berhormat EXCO membangkitkan isu ini ke dalam Mesyuarat EXCO yang akan datang supaya ianya ditangani dengan kadar yang segera, yang paling segera untuk memastikan bahawa isu ini dapat di atasi dalam tempoh terpendek , terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya pohon izin Yang Berhormat Speaker untuk membantu menjawab persoalan Kampung Tunku dan juga Yang Berhormat Taman Templer. Pada prinsipnya Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk tidak mengadakan sebarang belanjawan tambahan. Prinsip ini kita akan pertahankan kerana apabila kita membentangkan belanjawan dalam Sidang Dewan ini kita telah menyusun dan merancang dengan cukup rapi tentang unjuran perbelanjaan yang perlu dibelanjakan bagi tahun yang berikutnya. Yang kedua, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Kampung Tunku dan Yang Berhormat Bukit Gasing supaya paip-paip lama ini digantikan dengan segera. Persoalannya bukan dana peruntukan soalnya kapasiti yang ada apabila belanjawan itu diberikan maka Air Selangor mempunyai keupayaan untuk menyiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Dalam unjuran yang telah kita bincang dengan Air Selangor kita mempunyai kapasiti pada tahun ini untuk mengendalikan sekian kilometer penggantian paip maka itulah peruntukan yang telah kita berikan. Pada masa yang sama selain

daripada menyelesaikan masalah 84 *hotspot* ini kita juga mengambil maklum wujudnya *hotspot-hotspot* baru yang perlu diberikan perhatian. Yang ini dalam fasa yang berikutnya yang memang dalam *pipeline* ataupun perancangan Kerajaan Negeri untuk menyegerakan supaya ke semua *hotspot* ataupun kawasan yang telah dikenal pasti ini dapat diselenggarakan dengan segera dan dalam perancangan yang baik mengikut kapasiti yang ada bagi dipihak Air Selangor.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sudah tiga Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, terpaksa-terpaksa. Ini isu rakyat.

**TUAN SPEAKER:** Nanti bangkitkan dalam perbahasan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Perbahasan sudah ada isi yang lain.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Okay terima kasih.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD. RIDZWAN:** Tuan Speaker, soalan nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD. RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : SKIM KESIHATAN SELANGOR**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah peruntukan telah dikeluarkan untuk membayai permohonan tersebut dan jumlah pesakit yang telah menerima mengikut DUN?
- b) Adakah terdapat masalah dalam menjalankan Program Peduli Sihat di peringkat klinik-klinik panel?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Gombak Setia. Tuan Speaker saya memohon untuk menjawab soalan nombor 18 bersekali dengan soalan nombor 25

daripada Teratai, 76 Taman Medan, 81 Kinrara, 133 Sekinchan dan 152 Dengkil berkaitan Skim Peduli Sihat. Seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor dalam Sidang DUN yang lepas. Bermula 1 Januari 2017, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan satu skim yang dinamakan sebagai Skim Peduli Sihat iaitu Skim Perlindungan, Perubatan Dan Kesihatan Asas kepada rakyat kumpulan *bottom 40* iaitu B40 sebagai sasaran dengan peruntukan sebanyak RM125 juta. Kumpulan B40 dikategori sebagai kumpulan masyarakat daripada kalangan 40% pendapatan isi rumah terendah. Dianggarkan sebanyak lebih kurang 250,000 keluarga atau melebih 1,000,000 rakyat yang berpendapatan isi rumah RM3,000.00 ke bawah akan mendapat manfaat daripada skim ini. Skim Perlindungan Perubatan Dan Kesihatan Asas Negeri Selangor atau Skim Peduli Sihat ini membolehkan golongan sasar menerima rawatan kesihatan dan perubatan asas daripada klinik panel yang terdiri daripada klinik ataupun hospital swasta dengan kos tertentu yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Skim ini diwujudkan dengan matlamat :-

- a) Untuk meringankan beban kos sara hidup yang tinggi di kalangan kumpulan B40 terutama bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan asas.
- b) Meningkatkan akses kumpulan B40 untuk mendapat rawatan kesihatan dan perubatan daripada penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta.
- c) Mengurangkan pergantungan rakyat terhadap hospital dan klinik kerajaan untuk kesihatan perubatan.
- d) Menzahirkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap taraf kesihatan dan kualiti taraf hidup rakyat Negeri Selangor.

Negeri Selangor telah menjadi negeri pertama di Malaysia yang mempunyai Skim Perlindungan Perubatan dan Kesihatan Asas sebegini dan ianya adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk Membangun Bangsa dan Memakmur Negeri yang mana inilah hanya satu-satunya di Selangor dan terunggul di Malaysia. Sehingga 14 Mac 2017 seramai 68,579 orang telah memohon untuk menjadi peserta Skim Peduli Sihat sejak ianya dilancarkan pada awal tahun ini. Jumlah pendaftaran Skim Peduli Sihat mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut :-

Kaum	Jumlah	Peratus
1) Melayu	47,697	69.55%
2) Cina	9,258	13.5%
3) India	11,477	16.74%
4) Lain-lain	147	0.21%

Dalam tempoh yang sama sebanyak 889 klinik telah memohon untuk menjadi klinik panel Skim Peduli Sihat dan daripada jumlah ini sebanyak 650 klinik telah menyerahkan dokumen yang lengkap dan diluluskan sebagai klinik panel. Jumlah kos rawatan yang telah digunakan oleh peserta Skim Peduli Sihat di panel-panel klinik berdaftar pula adalah sebanyak RM21,525.30 dan jumlah pesakit yang terlibat adalah sebanyak 513 orang. Proses pendaftaran permohonan Skim Peduli Sihat secara atas talian boleh dipermudahkan dengan memastikan setiap permohonan telah memuat naik dokumen sokongan seperti kad pengenalan, slip gaji dan lain-lain dokumen yang diperlukan. Sekiranya dokumen sokongan tidak dilampirkan permohonan tidak akan dapat diluluskan. Dokumen yang disertakan akan memudahkan pihak Pusat Khidmat Masyarakat untuk membuat pengesahan dan semakan permohonan dengan segera. Pemohon juga boleh mengemukakan borang permohonan dan dokumen lengkap kepada Pusat Khidmat Masyarakat bagi membantu untuk mengisi permohonan secara *online*. Kaedah ini adalah untuk memberikan pilihan kepada mereka yang tidak mempunyai akses Internet dan tidak mempunyai kemahiran untuk menggunakan Internet. Prosedur permohonan kelulusan Skim Peduli Sihat bermula dengan :-

- 1) Pemohon berdaftar secara atas talian atau permohonan dihantar ke Pejabat Ahli Dewan Negeri atau Penyelaras Dewan Negeri. Pemohon harus menepati kriteria berikut :-
  - i) Warganegara Malaysia
  - ii) Lahir di Selangor atau tinggal di Selangor melebihi 10 tahun
  - iii) Pendapatan isi rumah di bawah RM3,000.00 sebulan untuk kategori keluarga, atau di bawah RM1,500.00 untuk kategori individu
- 2) Ahli Dewan Negeri atau Penyelaras Dewan Negeri akan mengesahkan permohonan tersebut melalui sistem.
- 3) Maklumat permohonan yang disahkan akan dimasukkan ke dalam sistem atau Kad Peduli Sihat akan dicetak.
- 4) Kad Peduli Sihat akan diedarkan kepada pemohon oleh Ahli Dewan Negeri ataupun Penyelaras Dewan Negeri. Tempoh pemprosesan dijangka mengambil masa sekitar 2 minggu daripada pengesahan sehingga penerimaan kad Peduli Sihat ke Pejabat DUN.

Sekiranya terdapat sebarang aduan berkaitan pelaksanaan Skim Peduli Sihat aduan tersebut akan disiasat oleh pihak Selgate Corporation Sdn. Bhd. Dalam tempoh 7 hari bekerja. Laporan tindakan pembetulan yang telah diambil akan dimaklumkan kepada

pihak UPEN dan pengadu dalam kadar yang segera. Semua klinik panel yang dilantik dinasihat i untuk mengenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan dan tidak membebankan peserta Skim Peduli Sihat yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah. Klinik juga diberi latihan untuk mengakses sistem secara atas talian untuk Skim Peduli Sihat bagi urusan pengesahan peserta yang layak, pengesahan baki gunaan peserta dan juga bagi tuntutan klinik panel. Kerajaan Negeri juga turut mewujudkan satu kategori khas bagi penerima Skim Peduli Sihat ini kepada penerima yang layak di bawah kategori ASNAF dan fakir miskin di bawah pengurusan Lembaga Zakat Selangor serta penerima bantuan am di bawah pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor termasuk golongan Orang Kurang Upaya serta daripada pihak YAWAS, daripada peserta Skim Mesra Usia Emas. Sekian.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, tahniah kepada EXCO dan Kerajaan Negeri melaksanakannya tetapi saya ingin bertanyakan soalan tambahan B. Kita dapat bahawa panel-panel yang telah dilantik sekarang ini telah menggunakan kos yang agak berbeza daripada satu panel ke satu panel. Sekarang ini saya dapat aduan kadang *range* ataupun jumlah perbezaan itu daripada RM15 kepada RM20. Ada yang mengenakan rawatan yang sama tetapi RM65, ada rawatan yang sama RM45. Jadi soalan saya apakah kriteria yang digunakan oleh Kerajaan untuk menentukan satu-satu klinik swasta itu layak menjadi panel Rakyat Peduli Sihat. Itu soalan saya, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih kepada Batu Tiga. Tentang kriteria yang dilihat oleh pihak untuk menjadi panel Kerajaan Negeri, pihak ketiga iaitu pihak Selgate telah pun mempunyai kriteria mereka untuk memastikan klinik-klinik ini menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sebab itu sekiranya ada aduan daripada pesakit ataupun sampai kepada pihak DUN, boleh dinyatakan atau dipanjangkan kepada pihak Selgate untuk mereka membuat penyiasatan dan juga membuat pembetulan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO sama ada sedar ke tidak sebab apabila program ini dilancarkan diumumkan pada tahun yang lalu, ianya telah dibangkitkan di Dewan Negeri Johor dan diperlekehkan oleh Menteri Besar Johor bahawa ini tidak setanding dengan Klinik Wakaf Annur yang

dianjurkan oleh KPJ. Saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat EXCO sama ada Yang Berhormat EXCO bercadang untuk menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar dari Johor untuk melawat pelaksanaan Skim Peduli Sihat Selangor ini dan memastikan bahawa beliau memahami sepenuhnya operasi Skim Peduli Sihat ini di mana kita ada ratusan klinik panel berbanding dengan hanya tak sampai 20 klinik panel Klinik Wakaf Annur KPJ di Johor.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku ini cadangan atau soalan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan juga, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO sama ada Yang Berhormat EXCO dan Kerajaan Negeri sudi menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar dari Johor dari Barisan Nasional untuk melawat ke Negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kampung Tunku. Saya kira jawapan orang yang boleh memberi jawapan tersebut adalah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor sendiri untuk menjemput rakan sejawat beliau dari Johor ke Negeri Selangor untuk melihat sendiri program Skim Peduli Sihat yang kita telah laksanakan yang begitu popular di kalangan rakyat di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, soalan nombor 17, eh 19 minta maaf.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL**  
**(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK: PENSTRUKTURAN KAMPUNG TRADISI**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah pihak KNS mempunyai rancangan khusus untuk menstrukturkan semula Kampung Tradisi yang menghadapi banyak permasalahan disebabkan pembangunan pesat di kawasan sekitar?
- b) Bagaimana KNS menyelesaikan isu kemudahan awam yang tidak mencukupi yang sering dibangkitkan, seperti padang rekreasi, gerai-gerai yang lebih tersusun?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker. Batu Tiga menanyakan penstrukturran Kampung Tradisi. Pada tahun 2016 Kerajaan Negeri telah meminta supaya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor menyediakan Kajian Perancangan Fizikal Desa Negeri Selangor. Kajian tersebut telah mula pada 1 Mei 2016 dan dijangka selesai pada 30 April 2017. Perkara ini adalah selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri sebagaimana di dalam Pembentangan Belanjawan 2016 Negeri Selangor, Kerajaan Negeri komited untuk menyuntik ekonomi, sosial dan infrastruktur di luar bandar. Untuk makluman kajian ini akan menghasilkan Pelan Hala Tuju Strategik Desa Negeri Selangor yang akan memandu Kerajaan Negeri dalam menentukan Hala Tuju Pembangunan di kawasan desa di Negeri Selangor termasuklah juga kampung-kampung tradisi.

Melalui pelan hala tuju strategi ini nanti Kerajaan Negeri akan mengenal pasti tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk memastikan kelangsungan kampung-kampung tradisi di Negeri Selangor termasuklah penstrukturran semula kampung yang antara lain pengenalpastian sumber dan tahap ekonomi ketersediaan dan cadangan penambahbaikan kemudahan infrastruktur setiap kampung tradisi untuk memastikan kampung-kampung ini tidak terjejas dan tidak ketinggalan dalam kepesatan pembangunan di kawasan sekitar.

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras untuk memastikan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat kampung-kampung tradisi adalah setanding dengan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat di bandar. Pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk menaiktaraf kemudahan awam dan asas desa bagi kampung-kampung di Negeri Selangor yang ini merupakan penambahan RM5 juta daripada peruntukkan 2016. Selain itu Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta untuk projek menaiktarafkan infrastruktur sukan di bawah EXCO Belia dan Sukan Negeri Selangor. Terima kasih.

**YB. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih. Saya ingin bertanya kalau kita telah pun membuat satu pelan hala tuju tradisi yang dinyatakan oleh EXCO tadi apakah sebenarnya mekanisme yang diguna pakai supaya semua terlibat dalam penyediaan pelan tindakan tersebut. Sebab yang saya dapat sehingga kini kampung-kampung terutamanya kampung-kampung macam di Batu Tiga sendiri di Padang Jawa yang sekelilingnya pesat membangun tetapi pemimpin-pemimpin tempatan tidak dilibatkan bersama di dalam mengorak, merangka dan meletakkan hala tuju dan yang kita dapat

bahawa akan berakhir pada 23 April 2017. Jadi soalan saya tadi apakah mekanisme yang diguna pakai bila hala tuju itu ingin dirangka. Sekian.

**YB. DATO' DR .AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Batu Tiga. Saya kira dalam proses kajian yang dilakukan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, dia telah melibatkan semua daerah Negeri Selangor dengan melibatkan juga beberapa agensi termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga organisasi masyarakat termasuklah ketua-ketua kampung, ketua-ketua komuniti dan juga tok batin-tok batin di kampung-kampung orang Asli. Yang mana saya lihat sebahagian daripadanya juga melibatkan ADN-ADN tempatan cuma kalau tadi ada berlaku terlepas pandang, ada ADN-ADN ataupun yang tidak terlibat saya kira sehingga penghujung bulan ini yang mana akan keluar dasar ini masih boleh juga diutarkan kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa untuk juga mungkin dipertimbangkan ataupun mungkin walaupun kita ada akan menghasilkan satu pelan hala tuju strategi desa Negeri Selangor nanti beberapa juga mungkin pendekatan-pendekatan yang dilihat baik boleh dilihat oleh Kerajaan Negeri untuk kita terapkan di dalam perancangan ataupun pembangunan kampung-kampung tradisi di negeri Selangor ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara

**YB. TUAN NG SZE HAN:** Soalan 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK: RUMAH SELANGORKU**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek-projek Rumah Selangorku yang telah mendapat serahan milikan kosong (VP) dan perakuan siap dan pematuhan (CCC).
- b) Nyatakan projek Rumah Selangorku yang gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan tiada penangguhan siap kerja projek rumah Selangorku?

**YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Assallamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera, Bismillahir Rahmahnir Rahim, terima kasih kepada Kinrara. Jumlah rumah Selangorku yang telah siap dibina dan telah pun diserahkan kunci mengikut jenis adalah sebanyak 665 unit iaitu satu projek di kawasan Majlis Perbandaran, Majlis Bandaraya Shah Alam, sebanyak 536 unit rumah jenis C iaitu di

U10, dan satu projek di kawasan Majlis Daerah Hulu Selangor iaitu rumah jenis D iaitu sebanyak 129 unit di Antara Gapi oleh PKNS. Untuk soalan selanjutnya iaitu berapakah unit atau projek rumah Selangor ku yang gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Untuk makluman YB bahawa untuk projek berstrata tempoh untuk disiapkan mengikut *Sales and Purchase Agreement* dengan izin, ataupun perjanjian jual beli adalah selama 36 bulan ataupun selama 3 tahun. Jadi kita, kalau kita lihat ke belakang projek yang dalam pembinaan sekarang ini pada tahun 2016 adalah satu projek iaitu 260 unit. Yang ini belum lagi masanya untuk disiapkan. Tahun 2015 sebanyak 20 unit iaitu 19,365, pada yang dimulakan pada tahun 2014 adalah sebanyak 3 unit 1050. Jadi untuk menjawab pertanyaan daripada YB iaitu ada 24 projek yang sedang disiapkan yang merangkumi 20,675. Rata-rata projek ini belum lagi sepatutnya disiapkan kalau menurut *Sales And Purchase Agreement*. Apakah tindakan Kerajaan Negeri adalah Kerajaan Negeri sentiasa memantau projek-projek Rumah Selangorku ini melalui satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku yang mana fungsinya adalah seperti berikut:

1. Melaporkan status pembangunan Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh MMKN daripada 2014 hingga kini khususnya yang masih belum mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang di PBT.
2. Mengenal pasti isu-isu berbangkit yang mengakibatkan pemaju masih gagal mengemukakan pelan kebenaran merancang.
3. Menyelaras dan memudah cara proses-proses pengurusan Rumah Selangorku di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi.
4. Mengadakan lawatan tapak secara berkala dan melaporkan kepada jawatankuasa.
5. Memohon pemaju untuk mengemukakan jadual kemajuan kerja di tapak setiap 6 bulan sekali.
6. Mengesyorkan arahan pembukuan atau *stock book holder* bagi pembangunan berkaitan sebelum diangkat untuk persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Untuk makluman YB sekalian bahawa Rumah Selangorku sekiranya dimohonkan kebenaran merancang perlu dibina bersama-sama dengan rumah jenis lain atau perlu dibina terlebih dahulu. Kita tidak mahu pemaju membina rumah kos lain jenis lain tetapi meninggalkan Rumah Selangorku di peringkat yang akhir. Mereka perlu bina sekali dengan rumah-rumah kos yang lain. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih YB EXCO Perumahan. Mengenai dengan Rumah Selangorku, semalam Kota Damansara membuat kenyataan kepada Media bahawa Kerajaan Negeri hanya membina 600 rumah Selangorku walaupun telah mengumumkan 20,000 akan dibina dan Permatang berkata itu hanya janji. Apakah penjelasan YB?

**YB DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Kita memulakan insentif pada tahun 2014. Daripada 2014 hingga sekarang ada 665 unit yang siap. Untuk perumahan berstrata jumlah ataupun tempoh untuk siap adalah 36 bulan. Jadi bermakna daripada 2014 kita telah ataupun projek yang dalam pembinaan adalah sebanyak 24 projek, 20675. Ini *real on site*. Boleh pergi tengok. Semalam selepas Dewan minta *figures* saya telah *WhatsApp figure* tu kepada YB. Dah dia dah jawab dah. Sudah jawab, jadi buktinya adalah 24 projek, 20675...boleh pergi turun *site* tengok dengan saya kalau nak.

**TUAN SPEAKER:** Ada soalan lagi? Balakong.

**YB. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih. Soalan saya no. 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK: WIFI SELANGORKU**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan jumlah *hotspot Wifi* Selangorku mengikut kawasan DUN
- Jelaskan adakah perlaksanaan projek ini menepati KPI.

**YB. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih YB Balakong. Jumlah *Hotspot Wifi Smart* Selangor mengikut kawasan DUN adalah seperti berikut:

DUN	JUMLAH HOTSPOT
Sungai Air Tawar	6
Sabak	38
Sg. Panjang	39
Sekinchan	49
Hulu Bernam	4
Kuala Kubu Bharu	11
Batang Kali	4
Sg Burong	8

Permatang	5
Bukit Melawati	7
Ijok	17
Jeram	10
Kuang	2
Rawang	17
Taman Templer	4
Batu Caves	69
Gombak Setia	7
Hulu Kelang	33
Bukit Antarabangsa	5
Lembah Jaya	83
Chempaka	7
Dusun Tua	2
Semenyih	20
Kajang	265
Bangi	149
Balakong	41
Seri Kembangan	74
Sri Serdang	2
Kinrara	166
Subang Jaya	287
Seri Setia	47
Taman Medan	43
Bukit Gasing	123
Kampung Tunku	5
Damansara Utama	196
Bukit Lanjan	4
Paya Jaras	8
Kota Damansara	76
Kota Anggerik	491
Batu Tiga	55
Meru	119
Sementa	2
Selat Klang	4
Pelabuhan Klang	33
Pandamaran	69
Kota Alam Shah	8
Seri Andalas	5

Seri Muda	8
Sijangkang	2
Teluk Datuk	3
Morib	28
Tanjung Sepat	5
Dengkil	214
Sungai Pelek	2
<b>JUMLAH</b>	<b>2981</b>

Bagi jawapan bahagian kedua, adakah pelaksanaan projek ini menepati KPI; pelaksanaan projek *WiFi Smart* Selangor telah menepati KPI di mana sebanyak 2,981 *hotspot WiFi Smart* Selangor telah selesai dipasang pada penghujung tahun 2015. Walau bagaimanapun apa yang boleh ditambahbaikkan ialah capaian ke kawasan luar Bandar yang kita rasa masih lagi boleh diperbaiki.

**YB. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARUNALANDAM:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas

**YB. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARUNALANDAM:** Terima kasih. Saya memang, memang saya cemburulah dengan Kota Anggerik ini....empat ratus lebih saya dapat lima sahaja. Saya nak tanya EXCO ni macam mana kiraan gerak kerja ini, macam mana ni saya tak faham. Macam mana dia orang *estimate* untuk satu tempat empat ratus lebih, satu ada dua ratus tiga ratus satu lima, enam, tujuh, lapan. So saya ingat ini tak...ada dua. So I think saya nak jawapan daripada EXCO macam mana kiraan kawasan-kawasan ni yang gunakan ni.

**YB. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih. Dalam kita mengenal pasti *hotspot WiFi* untuk dipasang kita melihat permintaan daripada kawasan setempat, pertama. Kedua ialah infrastruktur Internet yang sedia ada di kawasan tersebut. Jika ada masalah capaian dan sebagainya ia akan mengehadkan berapa banyak *hotspot* yang boleh dipasang di sesuatu kawasan tersebut.

**YB. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**YB. PUAN YEO BEE YIN:** Ini amat menarik ini jawapan. Seratus lebih *WiFi hotspot*. Saya tau tiga saja di kawasan saya. Yang setahu saya tiga atau lima. Boleh tak kita dapatkan butir-butir untuk semua Ahli Dewan Undangan Negeri. Kita hairan *hotspot* terlalu banyak di kawasan kita tapi kita tidak tahu.

**29 MAC 2017 (RABU)**

**YB. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Boleh ada...saya percaya ada salah satu soalan bertulis daripada seorang ADN tentang *detail* semua *hotspot* di seluruh negeri Selangor. Saya akan berikan secara bertulis kepada semua ADN di dalam Dewan ini.

**TUAN SPEAKER:** Tolong jangan tanya kenapa kawasan DUN masing-masing tak cukup ya. Ada soalan tambahan yang berlainan.

**YB. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Balakong dulu.

**YB. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada YB EXCO. Tadi YB EXCO mengatakan pemilihan kawasan *hotspot* adalah berdasarkan permintaan setempat. Bagaimakah permintaan tersebut ditentukan. Adakah penduduk yang akan menulis surat kepada Kerajaan Negeri untuk memohon atau apakah caranya. Dan bilakah sasaran Kerajaan Negeri supaya semua, sekiranya kami dalam Negeri Selangor kami boleh menggunakan WiFi Selangorku tanpa putus di seluruh Selangor. Terima kasih.

**YB TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Saya ingat saya jawab satu je ya, Yang Berhormat Speaker. Tentang bila kita nak bagi akses sepenuhnya kepada seluruh negeri, sekarang memang ada masalah kerana bukan semua kawasan di negeri Selangor mendapat akses kepada siber optik kerana capaian paling laju ialah kawasan yang dicapai oleh siber optik. Ada beberapa kawasan yang di luar bandar misalnya masih lagi bergantung kepada capaian kuprum dan kita telah tetap menyediakan capaian kepada kawasan-kawasan tersebut cuma aksesnya lebih perlahan berbanding dengan kawasan yang ada siber optik. Jadi yang itu kita kena bincang dengan pihak TM yang menyediakan infrastruktur tersebut untuk melihat bila kita boleh memberikan capaian yang sepenuhnya kepada seluruh negeri Selangor.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**YB PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang dulu.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Seri Serdang dulu ya.

**YB PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan yang dikemukakan, bagaimakah cara untuk memohon? Seri Serdang adalah kawasan yang luas tetapi dapat dua sahaja WiFi. Ini tidak adil Ya, ini tidak adil.

**29 MAC 2017 (RABU)**

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Kampung Tunku ada lima.

**YB PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Jadi, pedalaman! Ada pedalaman, pinggir desa, pinggir kota. Semua ada ya. Jadi di mana letaknya keadilan tu? Yang letakkan dua hanya untuk Seri Serdang. Jadi ini tidak adil! Tolong jawab.

**YB TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Terima kasih Seri Serdang. Saya simpati dengan Seri Serdang. Tetapi kita juga harus maklum Seri Serdang sebenarnya kawasan bandar yang pesat membangun. Ya, jadi tetapi kita akan ambil maklum tentang apa yang dimaklumkan oleh Seri Serdang tersebut. Dan sekiranya ada peruntukan untuk menambah *hotspot* bagi negeri Selangor, kita akan memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang tidak mempunyai *hotspot* yang tinggi pada waktu ini.

**TUAN SPEAKER:** Seri Setia, soalan Seri Serdang, bagaimanakah nak mohon?

**YB TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Bagaimana nak mohon, boleh berhubung terus dengan pejabat saya. Surat rasmi bukan wasap ya.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya juga menerima aduan bagi mereka yang menggunakan *WiFi* ini, sedang dalam penggunaan selalu terputus. Dia ada limit kepada penggunaannya. Bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini.

**YB TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Setiap pengguna dihadkan akses kepada sejumlah *bandwidth* dan diberikan akses selama 30 minit. Ini untuk membolehkan capaian ini digunakan oleh seramai mungkin pengguna. Jadi contohnya kalau di kawasan itu ada lebih, dia maksimum 30 pengguna dan setiap pengguna diberikan 30 minit dan apabila *queue* itu berakhir dia boleh masuk kembali untuk menggunakan *WiFi Smart Selangor* ini untuk memastikan seramai mungkin rakyat dapat menggunakan perkhidmatan tersebut dan tidak dibazirkan untuk laman sosial dan sebagainya. Yang akan menghabiskan masa dan *bandwidth* yang tinggi.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**29 MAC 2017 (RABU)**

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kalau kita lihat berapa bilangan ADN yang bertanya kita tahu bahawa memang itu satu permintaan yang tinggi. Soalan saya Yang Berhormat Speaker iaitu tentang *Down Time*. Sistem WiFi Selangorku ini apakah *down time* nya dan saya memohon supaya jawapan ini diberi dengan khusus kerana di kawasan saya memang berlaku perkhidmatan itu tergendala bukan satu hari atau dua hari tetapi berbulan-bulan. Dan seterusnya apa yang kita boleh lakukan untuk memastikan bahawa kita dapat menggunakan data daripada WiFi Selangorku ini untuk kegunaan Kerajaan Negeri Selangor di bawah konsep *Big Data*. Contohnya :- *make it easier to join a network and encrypt the network. Priorities your traffic provide enough coverage size your pipe to your need.* Itu ialah soalan saya. Terlalu tinggi ya.

**YB TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Tentang *down time* itu satu soalan spesifik, jadi saya akan bagi..

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya mohon jawapan bertulis kalau boleh.

**YB TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Ya, saya akan kasi jawapan bertulis.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**YB PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Nombor 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK: TEMPAT TAKUNGAN BANJIR DI BAWAH TALIAN ELEKTRIK TAMAN SERDANG JAYA**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah tiada pemantauan dibuat di tempat takungan banjir di bawah talian elektrik Taman Serdang Jaya sehingga semakin ramai membuat aktiviti haram seperti menanam sayur serta penternakan di sana?
- b) Ada atau tidak penyelenggaraan dilakukan secara berkala di kawasan berikut?

**29 MAC 2017 (RABU)**

**YB TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Seri Serdang. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran, JPS Negeri Selangor melalui JPS Daerah Petaling sentiasa membuat pemantauan dan telah mengambil maklum berkaitan dengan aktiviti haram seperti penanaman sayur-sayuran serta penternakan yang dilakukan di kawasan dataran banjir di bawah talian rentas elektrik TNB, Taman Serdang Jaya. Pentadbir Tanah Daerah iaitu Pejabat Daerah Tahan Petaling dan JPS Negeri Selangor telah membuat perobohan bagi struktur dan pembersihan kawasan penanaman sayur pada tahun 2015. Namun begitu pihak berkenaan masuk semula untuk mengusahakan tanaman dan penternakan. JPS Selangor akan terus menghantar permohonan untuk penguatkuasaan kepada Pejabat Daerah Tanah Petaling untuk tindakan selanjutnya. Untuk makluman kawasan tempat takungan banjir ini hanya akan berfungsi sebagai kolam takungan sekiranya hujan lebat berlaku kerana air akan disalurkan ke dalam kolam. Manakala akan sentiasa kering sekiranya hujan lebat tidak berlaku. Ini menyebabkan pengusaha tanaman haram boleh menguasakan kawasan takungan banjir seperti yang dimaklumkan. Bagi pihak JPS Daerah Petaling akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala di kawasan dataran banjir di bawah talian rentis elektrik TNB, Tanam Serdang Jaya bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan komponen dataran banjir sebagai takungan banjir semasa hujan lebat dan air dari anak Sungai Kuyuh dan juga Sungai Jimah yang tinggi. Antara butiran kerja penyelenggaraan kawasan dataran banjir dan parit takungan serta lain kerja-kerja yang berkaitan di Taman Seri Kembangan, Seri Kembang Sari dekat Serdang Daerah Petaling. Yang telah pun dianugerahkan kontrak kepada syarikat Wisma untuk tempoh lima pusingan kerja Mac hingga Disember 2017. Antaranya adalah kerja pemotongan rumput, pembersihan saliran bagi mengeluarkan air dari kolam takungan Sungai Kuyuh.

**YB PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**YB PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Bilakah pemantauan terakhir di buat sebab dua hari yang lalu banjir kilat berlaku di tempat berkenaan.

**YB TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Seri Serdang. Bagi soalan yang spesifik itu saya akan mendapatkan jawapan untuk dimaklumkan kepada Seri Serdang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**YB TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, Bukit Lanjan berhati mulia, soalan saya 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI KAWASAN LUAR BANDAR**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah usaha kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan pelancongan di luar bandar?
- b) Di manakah kawasan luar bandar yang menjadi tumpuan kerajaan untuk usaha-usaha ini?
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk pembangunan program ini?

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tiba-tiba ada pantun. Terima kasih Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat Kota Anggerik. Usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan kawasan-kawasan pelancongan di luar bandar adalah melalui beberapa usaha seperti promosi acara dan khasnya memberi peruntukan pembangunan produk-produk kecil. Jadi Kerajaan Negeri bukan sahaja melihat pembangunan pelancongan di Negeri Selangor secara menyeluruh tetapi kita juga fokus khasnya pengagihan peruntukan untuk projek-projek pembangunan kecil di kawasan luar bandar khasnya untuk aktiviti ataupun tapak-tapak pelancongan seperti pelancongan Eco, pelancongan warisan dan pelancongan sukan. Kerajaan Negeri memberi peruntukan berjumlah RM2.5 juta setiap tahun untuk pembangunan khasnya dan selain daripada itu juga kita membantu dari segi mempromosikan untuk membuat produk *update* dengan izin bersama dengan Tourism Selangor Sdn. Bhd.

**YB TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUANSPEAKER:** Ijok.

**YB TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih. Saya nak tanya EXCO bahawa baru-baru ini kita sudah melawat kawasan HORAS 600 kawasan tercantik. Saya nak tanya. Ijok nak tanya sama ada Kerajaan Negeri ada rancangan untuk membangun kawasan itu yang luas dan cantik untuk sebagai kawasan pelancongan buat seperti *golf course* ke, sukan memancing, sukan *water sport* dan lain-lain.

**29 MAC 2017 (RABU)**

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Ijok. Dalam pelan induk pembangunan sumber-sumber air khasnya di HORAS, di Batang Berjuntai, Kuala Selangor yang telah dibentangkan oleh Lembaga Urus Air Selangor memang ada satu komponen pelancongan/ rekreasi tetapi pada masa ini matlamat utama adalah untuk memastikan bahawa sumber air mentah mencukupi di kawasan HORAS. Tetapi memang ada dalam rancangan.

**YB TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**YB TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya cadangkan Tourism Selangor belajar.....

**TUAN SPEAKER:** Soalan tambahan, tak boleh bagi cadangan.

**YB TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sebelum soalan itu, belajar dengan Sekinchan bagaimana Sekinchan majukan kawasan luar bandar. Soalan saya adalah boleh tak cadangan saya, boleh tak Tourism Selangor jadikan Pulau Indah satu kawasan tourism yang baru saya rasa akan jadi tempat yang menarik.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Pulau Indah ada potensi, kita tidak boleh menafikan cuma ini, kawasan tersebut memerlukan beberapa kerjasama antara pelbagai pihak termasuk daripada Yang Berhormat Sungai Pinang melalui Invest Selangor kerana di sana ada beberapa projek-projek besar dan juga Majlis Perbandaran Kelang.

**TUAN SPEAKER:** Semenyih, tidak hadir.

**YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Yang tak hadir dalam dewan saya tak benarkan soalan diambil ya. Soalan 25 telah dijawab bersekali dengan soalan 18 tadi. Lembah Jaya.

**YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker soalan nombor 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : BOLA SEPAK**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor:-

- a) Kemelut bola sepak Selangor, nyatakan status terkini.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker. Saya mohon izin untuk menjawab soalan 26 daripada Lembah Jaya ini bersekali dengan soalan 196. Soalan yang dikemukakan oleh Hulu Kelang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Untuk soalan Lembah Jaya. Pertamanya, suka saya maklumkan tidak berlakulah apa yang dikatakan krisis ataupun kemelut tentang bola sepak negeri Selangor. Ia hanyalah perubahan arah Kerajaan Negeri untuk menjaga dan menyokong pasukan PKNS berbanding daripada memberikan sokongan penuh sahaja pasukan FAS dalam musim tahun 2017 ini. Apa yang tersurat dan tersiratnya, saya rasa tidak ada yang tersirat tetapi yang jelasnya sebagaimana yang dimaklumkan dalam beberapa kenyataan dan pendirian Kerajaan Negeri dan sesuai dengan keputusan yang telah diputuskan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang telah mensyaratkan agar semua pasukan-pasukan bola sepak mendapat status kelab *licensing* ataupun secara mudahkan diswastakan dan diuruskan secara mandiri. Bermakna pengurusan daripada presidennya ataupun ketuanya haruslah mempunyai keputusan dan pengurusan yang *Independent* dan mengelakkan kalau boleh yang mampu penggantungan terhadap mana-mana jabatan terutamanya agensi kerajaan ataupun individu. Ahli Yang Berhormat sekalian sebab itu langkah pertama yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sewaktu menjadi presiden adalah untuk menyeferakan proses penswastaan tersebut. Namun begitu ada beberapa kelambatan kita kenal pasti pada pihak FAS dan pada pihak presiden mengusulkan tentang beberapa perkara namun maklum balas yang diberikan kepada mereka bukan sahaja mereka menolak mentah-mentah tetapi mereka mengambil tindakan untuk keluar daripada mesyuarat tanpa mahu berbincang dengan serius pada pihak Kerajaan Negeri. Begitu, pihak negeri menganggap tindakan ini sangat kurang ajar dan biadab dan Kerajaan Negeri mengambil sikap untuk memutuskan hubungan dan mengambil pendirian untuk menyokong PKNS sebagai wakil Kerajaan Negeri. Itu yang pertama. Yang kedua, setelah kita meneliti beberapa peraturan PKNS hanya memerlukan beberapa langkah saja lagi terutama daripada segi dokumentasi untuk melengkapkan proses penswastaan. Tetapi untuk melengkapkan proses penswastaan itu antara halangan paling besar ialah kedudukan MB kita. Ataupun Yang Amat Berhormat selaku presiden FAS dan beliau juga merupakan pengurus PKNS. Daripada segi pemilikan kelab ini bertentangan kerana ia mengganggu kepada proses perlawanannya secara adil kerana dua-dua dimiliki oleh orang yang sama. Jadi atas kapasiti selaku Menteri Besar, prioriti dan keutamaannya selaku pengurus PKNS diteruskan dan melepaskan jawatan selaku presiden FAS dan biarlah FAS mencari jalan sendiri untuk proses penswastaan

dan pelaksanaan mereka. Ketiga, setelah beberapa tahun kita membantu mereka dengan corak, dengan corak bantuan yang seratus-peratus daripada Kerajaan Negeri nampak gayanya mereka tidak mampu, FAS untuk menjana kewangan sendiri dan berusaha untuk menjana kewangan sendiri. Dan kita beri ruang kepada mereka untuk menjana kewangan sendiri dengan tahap kerana kita memberikan fokus dan penelitian kepada pembangunan sukan yang secara menyeluruh dan komprehensif. Itu sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**YB TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, adakah bermaksud Kerajaan Negeri melepaskan terus FAS ini. Kalau ini hak FAS ini adalah hak rakyat mengapa kita tidak lawan dengan apa *angle* yang kita ada untuk kita kembalikan hak kita itu.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih. Banyak perkara yang agak terperinci harus saya jelaskan ya. Pertamanya FAS tubuh dengan kewujudan hampir 100 kelab di dalam badan gabungan FAS tersebut. Dan sampai sekarang saya percaya tidak ada audit tertentu untuk menentukan siapakah kelab-kelab yang aktif yang mempunyai pasukan ini. Justeru, pada pandangan kita terlalu sukar sebenarnya. Sesiapa pun bagi saya agak sukar untuk mengubah FAS itu selagi tidak ada perubahan daripada reformasi yang menyeluruh termasuk perubahan di kalangan EXCO-EXCO dan di kalangan anggota yang terdiri badan gabungan FAS tersebut. Kita pun tak pasti daripada 100 kelab berapa ramai kelab yang benar-benar aktif. Dan, apakah yang dibenarkan diuruskan secara telus dan apakah kelab-kelab itu wujud ataupun kelab-kelab itu wujud daripada sudut proksi *code, uncode* dengan izin sahaja. Jadi sebab itu bagi kita FAS adalah satu NGO yang selama ini kita dibantu ia sama tarafnya dengan Persatuan Tekwando Negeri Selangor, ia sama tarafnya dengan Persatuan Sepak Takraw Negeri Selangor dan maraton persatuan-persatuan lain jadi walaupun ia mendapat sokongan yang besar terutamanya bola sepak, namun kita ada satu lagi Badan namanya PKNS yang mempunyai ruang dan luaran untuk dipertingkatkan. Jadi Kerajaan Negeri bersedia untuk bekerja kepada pihak dan mereka-mereka yang bersedia bekerjasama erat dengan pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 27 tidak hadir ya. Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK: PEMBINAAN DAN MENAIKTARAF SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA)**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri sudah melaksanakan perubahan yang signifikan kepada SRA selari dengan perkembangan pembelajaran digital?
- b) Nyatakan jumlah SRA yang akan dibina dan dinaiktaraf pada tahun 2017.
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menyediakan guru SRA yang memahami tentang pendekatan pembelajaran Abad 21?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker. Hulu Bernam bertanyakan berkaitan dengan pembinaan dan juga naik taraf Sekolah Rendah Agama.

- a) Kerajaan Negeri sudah melaksanakan perubahan perkembangan pembelajaran digital melalui perubahan Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor ataupun TBANS dan sekarang telah dinaiktarafkan kepada Institut Murabia Antarabangsa Negeri Selangor ataupun IMANS. Di mana guru-guru diberikan pendedahan dengan menghadiri kursus jangka pendek sebagaimana pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab menggunakan IT. IMANS menawarkan kursus jangka pendek kepada semua murid di peringkat sekolah rendah bagi pendedahan pembelajaran digital. Jabatan Agama Islam Selangor merancang mengadakan projek rintis penggunaan tablet kepada guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Projek rintis akan dilaksanakan di Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi ataupun MITS Alam Impian Klang.
- b) Sebanyak 3 buah Sekolah Rendah Agama (SRA) yang dirancang untuk dibina pada tahun 2017 telah pun bermula iaitu:
  - (1) SRA Bandar Couthy Homes, Gombak dijangka tender pada bulan April 2017.
  - (2) SRA Denai Alam, Petaling dijangka tender pada bulan April 2017.

## **29 MAC 2017 (RABU)**

- (3) SRA Kota Damansara Damai, Petaling telah pun dalam proses pembinaan.

Tiada projek SRA yang akan dinaiktaraf pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, setakat ini, setakat Mac 2017, sebanyak 47 buah sekolah telah diluluskan untuk dibaikpulih pada tahun 2017.

- c) Perancangan Kerajaan Negeri bagi menyediakan guru di bawah pengurusan JAIS bagi memahami tentang pembelajaran Abad 21 ataupun TAK21 adalah melalui kursus-kursus TAK21 yang bersifat *training of trainers* kepada pegawai di Bahagian Pendidikan Islam, Unit Pendidikan Islam Daerah, Pengetua dan Guru Besar untuk dikembangkan di pelbagai peringkat. Kursus ini dikendalikan sepenuhnya oleh Pensyarah-pensyarah daripada Institut-institut Aminuddin Baki dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Terima kasih.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Soalan tambahan.

**TUA SPEAKER:** Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Ya. Adakah model peperiksaan di SRA akan dirombak bagi memastikan ia terus relevan ye dan sesuai dengan keadaan semasa. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Setakat ini tidak ada perancangan itu. Walau bagaimanapun, di Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam JAIS akan sentiasa melihat setiap masa kemungkinan-kemungkinan bila ada keperluannya. Dan sebenarnya untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan, sistem pendidikan Sekolah Rendah Agama kita di negeri Selangor ini juga menjadi rujukan kepada negeri-negeri lain, hatta Kelantan juga baru melihat bagaimana sistem pendidikan SRA di negeri Selangor ini dijadikan sebagai rujukan. Dan kita juga menggunakan sistem pendidikan sekolah rendah agama ini yang mana kita lebar luaskan ke Kemboja yang mana ia juga sebagai satu sistem pendidikan untuk pendidikan pelajar-pelajar Islam di Kemboja sana. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SEHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PARIT BESAR DI BELAKANG PANTAI HOSPITAL KLANG**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah yang bertanggungjawab atas parit tersebut?
- b) Tanah di belakang bangunan beralamat No. 263, Persiaran Raja Muda Musa telah dihakiskan dengan sangat serius sehingga telah hilang kebanyakan tanahnya dan membahayakan bangunan tersebut. Apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Pandamaran.

- a) Majlis Perbandaran Klang yang bertanggungjawab untuk mengawal dan mengurus parit besar di belakang Pantai Hospital Klang.
- b) MPK dalam cadangan membina batu *gabion* bagi pengukuhan tebing tanah supaya kejadian tanah runtuh ataupun hakisan tidak berlaku. Penyediaan kelulusan dan cadangan reka bentuk mengikut kesesuaian di tapak sedang dilaksanakan. Anggaran kos projek adalah RM365,000.00. Projek ini dijangka akan bermula pada bulan Mei tahun ini dan tempoh projek dianggarkan adalah dua bulan. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Tuan Speaker, soalan saya nombor 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ISU PEMATUHAN PEMAJU PERUMAHAN TERHADAP UNDANG-UNDANG / PERATURAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang melakukan penguatkuasaan yang lebih tegas bagi menjamin pemaju-pemaju mematuhi undang-undang, berikutan banyak kes ketidakpatuhan yang mengakibatkan berlaku kes penganiayaan terhadap pembeli lot, banjir lumpur dan pencemaran sungai.
- b) Jika ya, nyatakan langkahnya dan jika tidak, apakah rancangan kerajaan?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih kepada Dusun Tua yang bertanya tentang Isu Pematuhan Pemaju Perumahan Terhadap Undang-Undang Peraturan Pembangunan Perumahan.

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sebarang pembangunan pemajuan perlu memperolehi kelulusan kebenaran merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah dinilai oleh jabatan-jabatan teknikal di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan seperti Jabatan Pembangunan, Jabatan Penilaian dan Jabatan Perancangan. Penguatkuasaan berdasarkan perundangan sering kali dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan mahupun Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun masih terdapat projek-projek yang tidak berlesen dibuat di tapak-tapak tanah pertanian yang berukuran kurang daripada SATU (1) ekar setiap satu. Ianya agak sukar untuk dipantau kerana sering kali urusan tukar syarat tanah dilaksanakan. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan sentiasa memastikan pihak pemaju mematuhi segala syarat Kebenaran Merancang (KM) dan juga Pelan Bangunan (BP) yang telah diluluskan bagi mengelakkan tindakan perundangan dibuat ke atas pemaju-pemaju yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- b) Selain dari itu, kesedaran pembeli juga perlu memandangkan mereka hendaklah memastikan pemaju berlesen dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui penetapan syarat yang telah ditetapkan. Tindakan perundangan terhadap pemaju-pemaju berlesen boleh dilaksanakan mengikut peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) yang telah memperuntukkan seksyen-seksyen tertentu yang melibatkan penalti kesalahan sekiranya pemaju-pemaju tersebut dengan sengaja ataupun tidak melanggar ataupun melanggar syarat-syarat yang telah diluluskan. Kesedaran pembeli juga penting kerana kegagalan pembeli mengetahui hak masing-masing bakal menyumbang kepada masalah berhubung pengurusan, kejiranan dan kehidupan sosial pada masa hadapan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAMMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI**  
**(N50 SRI MUDA)**

**TAJUK: DENGGI**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kes yang direkodkan sepanjang tahun 2016 mengikut daerah?
- b) Berapakah jumlah kes yang mengakibatkan kematian sepanjang tahun 2016 bagi seluruh negeri Selangor?
- c) Apakah langkah terbaru yang dicadang oleh kerajaan bagi tahun 2017?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Sri Muda. Tuan Speaker, izinkan saya menjawab bersama soalan 150 daripada Lembah Jaya.

Tuan Speaker, kes demam denggi di Negeri Selangor untuk tahun 2016, jumlah kes adalah sebanyak 51,652 tetapi ini adalah penurunan sebanyak 18% berbanding tahun 2015 iaitu 63,198 kes. Manakala kadar kematian bagi tahun 2016 adalah 78 kes, berbanding pada tahun 2016 adalah sebanyak 127 kes iaitu penurunan sebanyak 39%. Sehingga 11 Mac 2017, Negeri Selangor telah mencatatkan sebanyak 9,719 kes iaitu pengurangan sebanyak 38% kes demam denggi berbanding tahun 2016 iaitu 15,699 bagi tempoh yang sama dan pengurangan sebanyak 59% kes kematian daripada 27 kes kepada 11 kes.

Kejayaan ini adalah hasil daripada pelbagai usaha yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bersama semua pihak yang terlibat termasuk Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Kesihatan Daerah dan pemimpin masyarakat. Di antara usaha yang dilaksanakan bagi tahun 2016 yang menyebabkan penurunan ini adalah:

## **29 MAC 2017 (RABU)**

Yang pertama; Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Negeri secara Dwi-Bulanan, Dwi Mingguan, Dua minggu sekali, sebulan dua kali untuk membincangkan masalah denggi dan dasar-dasar baru yang akan dilaksanakan di semua peringkat.

Keduanya; Mesyuarat Denggi Peringkat Daerah pada setiap minggu yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya. Mesyuarat ini melibatkan semua agensi di daerah tersebut termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), wakil hospital, Ibu Pejabat Polis Daerah, Pejabat Agama Islam Daerah, Ahli Majlis dan Penghulu dan juga, kita juga menjemput wakil daripada Pejabat Pusat Khidmat DUN juga untuk bersama membincangkan kaedah penyelesaian sesuatu isu di kawasan wabak terutamanya *hotspot* dan tindakan segera yang perlu dilakukan.

Ketiga; penyediaan *blueprint* menangani wabak denggi yang telah mengenal pasti 8 garis panduan untuk tindakan semua PBT dan akan melibatkan semua agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Keempat; mewujudkan Unit Tindakan Denggi (UTD) yang akan, yang diwujudkan di PBT yang mempunyai kawalan kawasan *hotspot* berpanjangan dengan menempatkan beberapa petugas denggi di kawasan tersebut bagi mengesan dan mengawal punca penularan kes. Petugas ini akan melakukan pemeriksaan tempat pemberian PTP, *Forging* dan *Larva siding* dalam tempoh yang ditetapkan sehinggalah tiada kes dicatatkan di kawasan tersebut.

Yang Kelima; menggalakkan penglibatan Ahli Majlis di peringkat PBT dalam melaksanakan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing.

Keenam; melibatkan Ahli Dewan Negeri juga dengan memberikan peruntukan sebanyak RM10,000.00 setiap kawasan setahun bagi menjalankan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing.

Ketujuh; melantik *Pest Control Operator* (PCO) bagi PBT yang berkemampuan untuk membantu melakukan aktiviti kawalan penularan denggi dan menurunkan jumlah kes denggi di kawasan wabak *hot spot*.

Kesembilan; mengadakan. Kelapan; menetapkan setiap pemaju perumahan melantik *Pest Control Operator* (PCO) dan melaporkan tindakan pencegahan yang dijalankan setiap bulan sehingga projek pembangunan siap.

## **29 MAC 2017 (RABU)**

Kesembilan; mengadakan taklimat denggi kepada semua pemaju dan syarikat PCO di tapak di setiap PBT bagi menerangkan kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya pembedakan jentik-jentik.

Kesepuluh; mengadakan taklimat kepada kontraktor pembersihan di kawasan sekolah-sekolah dan kawasan PBT bagi menerangkan kawasan-kawasan yang perlu di ambil perhatian semasa membuat pembersihan dan kaedah menghapuskan tempat pembedakan aedes.

Kesebelas; mengeluarkan notis pembersihan kepada pemilik tanah persendirian dan premis kotor yang berpotensi berlaku pembedakan jentik-jentik supaya tidak menjadi tempat pembedakan pembuangan sampah haram dan tempat pembedakan aedes.

Kedua belas; melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas 4 kategori premis seperti tapak bina,

**TUAN SPEAKER:** Sementa, boleh ringkaskan tak. Boleh ringkaskan, supaya kita boleh ambil soalan tambahan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok. Premis barang lusuh serta tapak semaihan komersial sedang digiatkan bagi penemuan jentik-jentik di tapak bina, tindakan penutupan selama 2 minggu dikenakan.

Untuk menjawab soalan Sri Muda juga daerah-daerah yang didaftarkan mempunyai kes denggi untuk 2016, Petaling, yang ini saya akan berikan kepada Sri Muda ya, data-data ini.

Untuk (c) pihak Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi tahun 2017 bagi program kawalan dan pencegahan denggi. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 32.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN (N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: SKIM CERIA**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pencapaian Skim CERIA dari tahun 2014-2016.
- b) Nyatakan peruntukan untuk melaksanakan Skim CERIA dari 2014-2016.

**TUAN SPEAKER:** Chempaka.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalannya adalah pencapaian Skim CERIA dari tahun 2014 hingga 2016. Untuk makluman, manfaat Skim CERIA dari 2014 hingga 2016 telah dinikmati oleh 104 pangsapuri dengan anggaran kos perbelanjaan sebanyak RM47,710,676.76 iaitu 47.710.676.76 bagi tujuan baik pulih kerosakan harta bersama. Bantuan Skim CERIA bagi tempoh tersebut dianggarkan telah dapat dinikmati oleh tidak kurang daripada 40,000 orang penduduk. Terima kasih.

### **III. USUL**

**(Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih Ke atas Titah Ucapan DYMM Sultan Selangor)**

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, saya persilakan YB Sabak untuk meneruskan perbahasan.

**YB TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera, selamat pagi.

Dalam ucapan saya semalam dalam isu yang kedua, saya telah membangkitkan tentang keprihatinan Tuanku dalam ucapan baginda berkaitan dengan masalah pemantapan akidah *Ahli Sunah Wal Jamaah* dan saya telah mengaitkan soal kemantapan akidah *Ahli Sunah Wal Jamaah* ini. Ianya mesti hanya melalui pemantapan ilmu di kalangan rakyat terutama sekali yang beragama Islam di negeri Selangor. Oleh sebab itu, dalam misi untuk kita membina kekuatan akidah *Ahli Sunah Wal Jamaah* ini, maka sudah tentulah di antaranya pelajar-pelajar yang kita hantar untuk mengikuti pengajian terutama dalam bidang agama, terutama sekali ialah mereka-mereka yang mengikuti pengajian sama ada bidang agama dalam negeri ataupun luar negeri, mereka akan menjadi *anchor* yang paling penting dalam

memperjelaskan dan memperkuatkan kefahaman terhadap akidah *Ahli Sunah Wal Jamaah* dalam negeri kita khususnya.

Namun beberapa masalah berlaku pada hari ini ialah apabila kita menghentikan untuk membuat tajaan kepada terutama sekali melalui zakat kepada pelajar-pelajar kita yang mengikuti pengajian di Mesir dan juga pengajian di universiti-universiti Islam di Timur Tengah terutama sekali. Saya percaya penghentian ini kemungkinan besar mempunyai asas-asas dan alasan-alasan yang tersendiri. Namun masih lagi tidak boleh menggugurkan bahawa mereka adalah di antara asnaf yang termasuk di dalam kalangan asnaf yang berhak untuk menerima zakat di Negeri Selangor.

Oleh sebab itu, kemungkinan ada lebih baiknya kalau kita kalau ada masalah, kita tidak menghentikan tetapi mengurangkan jumlah. Kalau perlu kutipan zakat sejumlah RM700 juta (hampir RM700 juta) setahun yang kita telah kutip pada tahun lepas, kita kurangkan jumlah tetapi tidak menghentikan. Saya berpandangan sedemikian kerana dengan kita masih terus membuat tajaan ini menjadi satu *point* kita, menjadi satu ikatan kita dengan pelajar-pelajar untuk kita sentiasa memantau keadaan, memantau kehidupan dan kegiatan beliau ketika waktunya mereka berada di pusat pengajian sama ada di Mesir, Jordan dan sebagainya. Dan saya lebih bimbang apabila kita melepaskan terus mereka tanpa sebarang tajaan yang mereka ini sukar daripada pemantauan-pemantauan kita. Kerana tidak ada apa-apa ikatan, tidak ada apa-apa pegangan yang kita boleh lakukan untuk kita memantau kehidupan mereka.

Begini juga pelajar-pelajar kita di Madinah. Seingatan saya, kita telah pun mempunyai telah pun menerima ataupun meluluskan penghantaran 10 pelajar (paling kurang) dalam Program G2G antara kerajaan Selangor dengan kerajaan Arab Saudi yang menerima (paling kurang) 10 pelajar kita untuk kita hantar pada setiap tahun yang sebahagian pelajar, sebahagian tanggungannya ditanggung oleh kerajaan Saudi dan sebahagian lagi ditanggung oleh kerajaan Selangor sama ada melalui negeri ataupun zakat. Dan ingatan ini kerana saya sendiri yang pada ketika itu yang terlibat dalam mewakili Menteri Besar untuk menandatangani satu MOU dengan pihak Universiti Islam Madinah yang kita lakukan di Riyadh di hadapan Menteri Pendidikan Saudi pada ketika itu. Namun saya difahamkan dalam dua tahun terakhir ini, kita sudah tidak menghantar lagi. Namun kita tidak dapat mengelak daripada pelajar-pelajar kita di Selangor masih juga terus untuk pergi belajar di Madinah melalui perbelanjaan persendirian mereka dan melalui tanggungan dan tajaan terus daripada sebahagian daripada kerajaan Saudi.

Ini juga menjadi satu kebimbangan juga bahawa kegiatan mereka ataupun mereka ataupun Kerajaan Negeri tidak dapat melakukan satu pemantauan secara khusus terhadap kegiatan ataupun apa sahaja fahaman-fahaman mereka. Dalam waktu yang

kita bercakap hari ini tentang Selangor, kita hendak membersihkan supaya ataupun kita nak mengelakkan daripada berlakunya pengaruh terhadap fahaman-fahaman *wahabi* yang hanya akan mengganggu proses permuafakatan masyarakat Islam di negeri Selangor ini. Maka oleh sebab itu, program G2G yang kita telah luluskan yang kita telah terima dahulu saya fikir ini bukan sekadar dapat mengikat hubungan antara Kerajaan Negeri dengan pelajar-pelajar yang kita hantar, tetapi juga menjadi satu alasan untuk kita menjadi satu ikatan untuk kita memantau sentiasa, mengenal pasti terhadap *progress* pembelajaran pelajar-pelajar kita di bumi Madinah dan juga termasuk juga di Jordan, termasuk juga di Mesir dan di tempat yang lain.

Jadi, sudah tentu ini menjadi satu lorong untuk kita memastikan bahawa pelajar-pelajar kita yang kita hantar ini bila mereka balik, mereka tidak membawa unsur-unsur yang boleh mengganggu ataupun yang boleh memecahkan, mencelarukan proses ibadah ataupun proses pegangan terhadap sama ada kemantapan akidah *ahli sunah wal jamaah* itu sendiri ataupun pegangan terhadap kefahaman kita yang berpegang selama ini dengan Mazhab Shafie dalam soalan pengamalan ibadah kita di negeri kita.

Jadi, saya fikir dan saya juga turut nak mencadang supaya dipantau sekali lagi, dilihat sekali lagi tentang cadangan ini supaya kalau boleh biarlah kita terus memberikan bantuan umum sekurang-kurangnya dermasiswa ataupun bantuan umum ataupun dua-duanya sekali walaupun kita perlu untuk mengurangkan jumlah kepada mereka. Dan begitu juga kalau tidak pun boleh jadi kita boleh lihat bagaimana negeri-negeri yang lain sebab macam negeri Perak umpamanya, walaupun pungutan zakatnya lebih kurang dalam RM200juta lebih satu tahun tetapi pelajar-pelajar tahun lepas seramai 100 lebih pelajar yang dihantar semua mendapat tajaan daripada zakat Kerajaan Negeri walaupun tidak banyak tetapi sekurang-kurang mereka boleh RM5,000 untuk pelajar yang buat jurusan agama dan juga RM10,000 hingga RM20,000 bagi pelajar yang buat *medic* dan ataupun perubatan. Ini sekurang-kurangnya dapat mengikat antara kita dengan pelajar.

Dan saya nak berpindah kepada isu yang ketiga pada pagi ini ialah berkaitan dengan isu di Sabak Bernam sebab saban tahun saya membangkitkan soal beberapa perkara untuk dilihat oleh Kerajaan Negeri dalam membantu masyarakat luar bandar terutama sekali untuk membangunkan dan sekali gus ianya sesuai dengan apa yang pernah disebut oleh YAB Dato' Menteri Besar bahawa kita hendak supaya pembangunan di Lembah Klang ini turut mengalir dirasai oleh masyarakat di luar bandar. Saya pernah membangkit soal Pekan Bagan Terap yang akan dibangunkan sebagai pekan ataupun pembangunan kedai-kedai PLB untuk dibangunkan sebagai Kedai Smart Selangor.

**TUAN SPEAKER:** YB Sabak, saya bagi 20 minit lagi ya.

**YB TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** 20 minit? Saya akan cuba semuanya ataupun sebahagiannya saya boleh kongsi dengan kawan-kawan lain.

Dalam isu yang ketiga ini, saya pernah membangkitkan tentang Pekan Bagan Terap yang satu ketika dulu nampak semacam ada satu signal bahawa kita telah meluluskan untuk membangunkan satu Kedai Smart Selangor di Pekan Bagan Terap. Saya melihat Pekan Bagan Terap ini sebab pertama sekali Pekan Bagan Terap ataupun Bagan terap ini adalah kawasan yang UMNO paling kuat dalam dunia. Ini boleh tanya Sungai Panjanglah. Paling kuat dalam dunia. Tapi saya fikir tempat inilah yang perlu kita bangunkan, bukan kerana

**YB TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Boleh mencelah? Adakah Yang Berhormat setuju kawasan yang UMNO paling kuat dalam dunia itu adalah kawasan paling mundur sekali dalam dunia?

**YB TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Kota Anggerik. Sebab itu saya minta supaya kawasan ini dibangunkan sebab masyarakat yang lebih terbuka. Umpamanya capaian WiFi. Capaian WiFi ini antara sampai tak sampai saja walaupun itu boleh jadi termasuk dalam *hot spot* yang disebut. Tapi saya tak tahulah macam mana nak penentuan *hotspot* ini sama ada dia betul-betul *hotspot* ke *coolspot* ke saya pun tak tahu. Tapi dalam keadaan WiFi tak berapa kuat, tak berapa nak sampai, masyarakat tak boleh nak akses Internet dengan baik, maklumat yang sukar untuk sampai, apatah lagi masyarakat yang kurang membaca untuk mendapatkan maklumat-maklumat.

Jadi, kawasan-kawasan ini yang saya fikir ada kaitan dengan soal saya sebut antara tempat yang UMNO paling kuatlah. Mungkin kerana pembawaan lama sejak daripada dulu dan saya pernah juga membangkitkan dulu bila saya jumpa seorang tua, saya maklumkan bahawa harga minyak sudah naik. Dia kata “*tak ada! (dia kata) Tak naik! Sama saja. Dulu RM3 GST, sekarang RM3. Tak pernah naik harga minyak*” dia kata. Jadi, orang tempat sinilah yang saya sebutkan dahulu. Jadi, apa yang saya nak maklum ialah kita minta supaya dibangunkan tempat ini dan cuma setakat hari ini saya belum mendapat satu keyakinan apakah benar-benar kita nak bangunkan sekali gus yang saya kira tidaklah memerlukan satu belanja yang besar. Saya fikir dalam sekitar RM10 juta kita boleh bangunkan. Kalau nak kurang pun boleh jadi kita boleh turun RM8 juta untuk kita bangunkan Bagan Terap ini untuk menjadi pilot kepada Kedai Smart Selangor yang kita telah setuju untuk dilaksanakan di negeri Selangor ini.

## **29 MAC 2017 (RABU)**

Walaupun kita menyedari saya sebut tadi ianya adalah tempat pembangkang negeri Selangor yang kuat, tetapi kerana kita melihat apa yang saya sebut tentang keperluan maslahat rakyat itu jauh lebih penting daripada kita melayan kerennah. Sebab ini akan mendekatkan kita dengan terus pertolongan daripada Allah. Kita tidak hendak mengulangi sejarah-sejarah yang lalu yang mana kalau dia kuat pembangkang terutama sekali sebelum daripada 2008 dulu, kawasan ini yang agak dibiarkan daripada menerima pembangunan. Kita tidak hendak begitu, apatah lagi dengan perintah Allah dengan seruan Allah yang kita dokong sebagai asas kepada membangunkan kerajaan. Firman Allah (dengan izin) “*walayajidil mannakum syanna'an kaumin alla ta'dilu. I'dilu hu aqrobulil taqwa*”. Allah menyebut “*janganlah disebabkan kebencian kamu kepada satu-satu kaum menyebabkan kamu tidak berlaku adil kepada mereka. Kaum mana pun yang kita benci yang kita tidak suka, jangan menghalang kita untuk kita berlaku adil kepada mereka. Berlaku adillah kerana adil itu hampir kepada ketakwaan.*”

Sebab itu saya menyebut sebab ada fakta. Kita (saya sendiri) duduk dalam Dewan ini pernah berada pada dua zaman (zaman kita menjadi pembangkang, zaman kita berada dalam kerajaan). Dan saya menilai bahawa layanan. Saya cukup cemburu sekarang ini dengan layanan Kerajaan Negeri kepada pihak pembangkang yang cukup-cukup meletakkan mereka sebagai *first class* lah dalam layanan Kerajaan Negeri berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Disanjung tinggi.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Walaupun layanan *first class* dilayan kepada pembangkang, tetapi sehingga sekarang belum ada lagi Ketua Pembangkang. Apa masalahnya dengan pembangkang sekarang? Soalan saya.

**YB TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Kita bagi peluang dululah untuk dia lantik Ketua Pembangkang. Kalau tak ada lepas *election* akan datang, langsung tak payah pembangkang pun tak apa. (Ahli-ahli Dewan ketawa)

**YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Lepas *election* jadi kerajaan. (Ahli-ahli Dewan ketawa)

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih. Saya tak pasti apa masalah mungkin kerana masalah dalaman sehingga tiada ada ketua pembangkang atau pun tapi ini kita serahkan pihak pembangkang untuk mencarilah sama ada, ada yang layak untuk Ketua Pembangkang. Sebab itu saya nak sebut bahawa kita nak membangun

tempat ini untuk kita jadikan sebagai pilot, kita telah bersetuju dulu untuk kita bangunkan. Di kawasan ini bukan sekadar bukan yang kawasan luar bandar tetapi sekarang telah menempatkan dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sebab rajin turun ke Bagan Terap ataupun beberapa kali telah turun ke bandar ini pekan ini paling kurang EXCO Pembangunan Luar Bandar telah pun membantu dalam membangunkan beberapa prasarana terhadap pembangunan pekan Bagan Terap tapi keseluruhannya pengalaman kita dalam beberapa bulan sebelum kita sidang DUN pada hari ini telah berlaku kebakaran telah saya sebutkan tiga empat lot kedai telah pun terbakar. Di sebaris ini sebab satunya selagi berstatus kedai yang lama walaupun dibuat *wiring* bagaimanapun ia terdedah pada soal keselamatan dan saya tidak mengenal pasti tetapi dari segi maklumat dan laporan puncanya adalah kerana litar pintas puncanya kerana *aircon* puncanya ialah kerana bangunan yang tak berapa selamat lagi untuk didiami. Oleh sebab itu hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan pekan Bagan Terap ini sebagai pilot terhadap pembangunan kedai yang baik di Negeri Selangor ini saya fikir boleh disegerakan dan boleh dipercepatkan supaya rakyat Bagan Terap dapat bukan sekadar dapat menikmati pembangunan rakyat Sabak kerana disinilah ditempatkan Mahad Integrasi Tahfiz Turas yang besar di Negeri Selangor dan di pekan ini lah budak-budak ataupun pelajar-pelajar kita mendapatkan keperluan yang agak sekarang agak kurang dari sudut bekalan-bekalan yang diperlukan keseluruhan pelajar-pelajar dan di sinilah ada 4 - 3 sekolah menengah dan di sini ada 2 sekolah rendah, sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah agama dan ianya tidak dapat dielakkan untuk didiami oleh masyarakat tetapi dalam keadaan yang kita kurang bersedia untuk membangunkan pekan Bagan Terap ini sebagai pekan yang dapat berdiri sama tinggi dengan tempat-tempat yang lain di Negeri Selangor ini. Jadi ini kita isu yang ketiga dan sekali gus dalam isu ini juga saya turut untuk membangkitkan tentang rungutan-rungutan di kalangan masyarakat di kalangan masyarakat di luar bandar tentang jalan-jalan ladang yang banyak menghantar gambar kepada saya banyak menghantar surat kepada kita yang banyak datang ke pejabat merungut kita sebab kesukaran mereka untuk mengeluarkan hasil. Hasil daripada ladang kerana jalan yang tidak di baik yang tidak di selenggara dengan baik. Saya maklumi bahawa jalan-jalan ladang ini paling kurang kalau dia tidak pun dapat di kita premis tetapi perlu untuk diberikan pasaran tetapi kebanyakannya terutama daripada belia walaupun ini kawasan saya berkongsi dengan kawasan Sungai Panjang sukar untuk masyarakat mengeluarkan hasil-hasil ladang mereka kerana masalah jalan apatah lagi bila waktu hujan lori tidak dapat nak masuk kerana terbenam tayar dan sebagainya. Jadi ada di antara mereka yang terpaksa membayar upah tambahan, kos tambahan untuk dibayar kepada pemandu lori, pengangkut dan sebagainya yang mereka tidak berbaloi pula dengan hasil dengan harga pasaran buah-buahan yang mereka yang mereka terima. Maka sebab itu kita nak supaya dipantau dan dilihat dan di selenggara terhadap jalan-jalan ladang ini dilihat semula supaya kita ada standard kepada semua jalan-jalan

ladang. Kalau kita standard, standard kita hendak meletakkan pasaran maka kita perlu melihat bahawa tidak ada lagi jalan ladang ini yang berstatus masih lagi tanah merah semua perlu diletakkan *transplant* untuk jalan-jalan ladang jadi ini saya fikir akan saya percaya akan dapat membantu dan dapat menggembirakan terutama sekali kepada penduduk luar bandar atau pun mereka yang mempunyai ladang yang perlu untuk mengeluarkan hasil mereka. Dan begitu juga saya pernah membangkitkan saya tidak pernah jemu untuk terus membangkitkan dalam sidang ini tentang terutama sekali penyenggaraan terhadap persekitaran di stadium Sabak. Ini rungutan apatah lagi sekarang ini kita telah menerima program klinik bola sepak pada setiap hujung minggu Sabtu Ahad kita ada klinik bola sepak yang di hadiri yang didatangi oleh pelajar-pelajar kita budak-budak kita pasukan yang telah disenaraikan dengan juru latih mempunyai taraf pengiktirafan peringkat antarabangsa mereka buat klinik bola sepak setiap hari pada hari di Stadium pada hujung minggu Sabtu dan Ahad di stadium Sabak. Namun keadaan Stadium Sabak Bernam agak masih lagi serba keuzuran. Keuzuran bila melihat persekitarannya mempunyai kawasan yang luas yang boleh dibangunkan dengan minat di kalangan masyarakat-masyarakat dan belia di Sabak Bernam. Saya telah bangkitkan dahulu tentang keinginan supaya kita kalau boleh bangunkan kita mempunyai satu pusat renang sendiri kita mempunyai tempat untuk kita pelajar atau kita anak-anak muda kita main boling untuk sekurang-kurangnya sama dengan tempat lain. Ada di Kuala Selangor ada di Petaling Jaya juga kita nak supaya ada di Sabak Bernam. Dan yang lebih pentingnya ialah kerana Sabak Bernam ini menjadi pintu masuk daripada negeri Perak, masuk sahaja mereka akan datang dulu ke Sabak Bernam dan bila melihat Sabak itulah sentuhan pertama mereka inilah dia inilah dia negeri Selangor. Tetapi bila melihat stadium Sabak Bernam tempat destinasi pertama yang dia akan dia akan sampai trafik *light* yang pertama selepas turun saja jambatan dia akan jumpa trafik light di Sabak bila pandang sebelah kanan tengok Stadium, kawasan stadium persekitaran stadium itu mungkin mereka akan sedikit mereka sedikit bingung atau pun mereka tak dapat sama ada ini zoo atau pun ini stadium ini yang jadi kita menjawab.

**Y.B. TUAN LAU WEN SAN:** Minta penjelasan

**TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku minta, silakan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WEN SAN:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat Sabak bahawa isu ini sebenarnya adalah satu isu yang agak menarik dan telah dibangkitkan bukan kali pertama tapi banyak kali di dalam dewan yang mulia ini. Agaknya berapa banyak yang diperlukan untuk menaik taraf Stadium Sabak ini? Kalau ada angkanya.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Saya fikir angka ini telah pun disebut ataupun atau dirangka Majlis Daerah Sabak Bernam itu sendiri. Sabak bukan sekadar Stadium tetapi keseluruhan Sabak dalam Rancangan Tempatan telah pun diluluskan hingga 2025 termasuk juga pembangunan di stadium. Cuma untuk khusus stadium saya fikir

kalau kita ada RM15 juta sekurang-kurangnya kita boleh bangunkan stadium Sabak ini untuk menjadi bukan sekadar untuk rakyat Negeri Selangor rakyat Sabak Bernam tetapi juga untuk orang-orang di sebelah Perak dapat menumpang kasih kepada Kerajaan Negeri dan juga menjadi satu pembeza antara dua kerajaan antara kerajaan Perak dan kerajaan Selangor yang mudah-mudahan kerajaan Perak juga akan membangunkan di utara negeri Perak berhampiran dengan Selangor juga. Jadi ini saya fikir boleh lakukan dan saya tidak jemu untuk menyebut perkara ini dalam dewan ini supaya mudah-mudahan Menteri Besar juga tidak jemu mendengar dan akhirnya dalam sidang kali ini terus memutuskan tanpa pandang kiri kanan untuk membuat bahawa hari ini saya luluskan 15 juta untuk Stadium Sabak Bernam.

**Y.B. TUAN LAU WEN SAN:** Yang Berhormat saya sokong, RM15 juta.

**Y.B. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Sungai Panjang mohon sokong.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Saya sokong belum habis lagi ni. Baik jadi itu isu. Kemudian isu yang kelima dalam yang saya akan bangkitkan dalam ucapan ini juga merujuk kepada keinginan supaya Tuanku ingin melihat rakyat Selangor ini hidup dalam harmoni. Ini sudah barang tentu apatah lagi kita mempunyai seorang Raja yang sangat *consent* terhadap perpaduan masyarakat lebih lagi keperluan ini dilihat bahawa komposisi masyarakat dan kaum dalam negeri kita ini serba rencah. Apatah lagi lebih lagi Selangor menjadi pusat untuk didatangi bukan sekadar masyarakat dan penduduk dalam Malaysia tetapi juga menjadi pusat tempat warga-warga asing berada di Negeri Selangor ini. Sudah tentu pengaruh-pengaruh budaya, pengaruh-pengaruh hidup dan sebagainya, ini mudah mempengaruhi dalam kehidupan kita di Selangor. Apa yang boleh membina kekuatan keharmonian ini ketahanan ini dia tidak dia yang paling penting adalah berasas kepada ilmu. Ilmu inilah yang menjadi *backup* yang paling kuat dan bekalan yang paling kuat untuk membina keharmonian dan sudah tentu dalam konteks ini Tuanku melihat apabila Tuanku berkeinginan melihat keharmonian ini maka sama ada wakil rakyat semua pihak mendukung dan hasrat dan cita-cita apatah lagi apabila melihat masjid kita mesti menjadi wahana untuk menyampaikan dan menyebarkan ilmu. Saya melihat bahawa tidak ada masalah masjid-masjid yang penuh dengan kemakmuran bahkan saya difahamkan dalam rekod dan laporan di negara kita bahawa masjid Selangor ini menjadi adalah antara masjid yang paling makmur sekali di Malaysia dan ini kita rasa berterima kasih tak terhingga pada Yang Amat Berhormat dan Jabatan Agama Islam Selangor yang menguruskan masjid yang sebegini baik. Cuma kita nak melihat bahawa, yang paling penting bukan soal kita memantau masjid yang sedia dengan aktiviti yang sangat yang sangat makmur tetapi kita nak pantau daripada 2 ribu lebih, surau-surau yang ada di negeri Selangor. Berapa surau lagi yang tidak makmur? Banyak lagi surau yang tidak ada lagi kuliah maghrib. Banyak lagi surau tidak ada lagi kuliah subuh pada hari Sabtu pada hari Ahad. Banyak lagi bahkan 7 ratus lebih kurang masjid di Selangor dan masjid termasuk masjid Jumaat. Ini adalah

lagi masjid-masjid yang masih juga tidak ada kuliah subuhnya. Ada lagi masjid yang tidak ada kuliah-kuliah sedang ada masjid lain bukan sekadar kuliah-kuliah subuh ada masjid yang semua waktu ada waktu kuliah, Masjid Taqwa di Meru tak cukup dengan kuliah subuh kuliah zuhur dan alhamdulillah ini dapat meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap ilmu dan ilmu ini lah yang menjadi asas keharmonian menjadi keharmonian kehidupan bila kita tengok ADN Meru itu sudah menggambarkan satu keharmonian. Dengan dia tak kurang dengan Adunnya dengan presiden 52 dan sebagainya itu melihat kepada keperluan untuk menyalurkan ilmu yang ini yang sangat saya fikir menjadi satu *homework* kepada kita untuk melihat bagi mana kita nak membangunkan bersama surau-surau umpama sekali yang masih belum lagi dimakmurkan semaksimum yang mungkin dan keperluan untuk meletakan tenaga-tenaga pengajar dan untuk membanyakkan.

**Y.B. TUAN LAU WEN SAN:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Sabak beri satu gambaran ataupun *point* yang cukup bernes dalam dewan ini. Makna saya kira di Masjid Kampung Tunku Masjid Al-Rahman ada diadakan kelas bahasa Arab dan dibuka kepada *non muslim* kawasan saya. Dengan izin saya juga mengambil bahagian dalam kelas ini. Bukankah masa akan datang ini kalau sekiranya kelas bahasa Arab ini dapat dibuka kepada Non Muslim di seluruh Masjid dan Surau di negeri Selangor maka kita boleh menambahkan peruntukan kepada masjid berkenaan supaya boleh mendekatkan masyarakat bukan Islam bukan muslin kepada ajaran Islam dan bahasa Arab itu sendiri. Itu cadangan saya, saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Itu cadangan yang cukup baik untuk terima kasih kepada ADN Kampung Tunku, tapi Adun Kampung Tunku boleh belajar bahasa Arab tetapi tidak jangan jadi imam di masjid dulu, baca bahasa Arab. Dan ini ialah satu keterbukaan yang kita rasa satu yang boleh dilakukan dalam ruang-ruang di luar daripada masjid yang boleh digunakan untuk proses pembelajaran bahasa Arab termasuk juga bahasa Cina buat di buat di masjid supaya masyarakat lebih terdedah dan memahami.

**Y.B. TUAN LAU WEN SAN:** Itu pun saya cadangan kepada masjid di masjid Ar Rahman Kampung Tunku SS3 ini.

**Y.B. TUAN SALEEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih kepada Kampung Tunku atas keprihatinan. Jadi, ialah apa sahaja ilmu, apa sahaja ilmu yang boleh kita, yang boleh kita sampaikan supaya keharmonian itu bermula daripada, daripada masjid. Saya percaya bahawa bukan sekadar kita dengan masyarakat orang bukan Islam. Keceluaran antara masyarakat Islam dengan masyarakat Islam sendiri. Perbalahan dalam soal mazhab umpamanya yang mencetuskan keimbangan Tuanku terhadap keceluaran dalam soal pengamalan. Amalan-amalan ibadah, bercampur sana dengan pengaruh *wahabi* dan sebagainya. Ini sudah tentu menjadi satu gambaran terhadap

sedikit sebanyak masjid yang menjadi wahana yang paling penting untuk menyatukan fikrah dan menyatukan masyarakat Selangor dengan satu pengamalan ataupun dengan pemantapan bermula daripada Akidah Ahli Sunnah Wal Jemaah. Jadi ini yang paling penting yang saya, saya sebutkan apatah lagi apabila kita nak menggarap keseluruhan daripada ilmu. Maka, oleh sebab itu kita mempunyai pentadbiran masjid. Apatah lagi kita kalau benar cadangan untuk menjadikan bahawa masjid imam ini akan datang, kita akan perkenalkan tentang apa ni masjid di, diketuai oleh Ketua Imam yang akan jadi Pengurus Masjid yang akan beroperasi pada waktu pejabat, ini sudah tentu menjadi peluang kepada kita untuk menjadikan masjid benar-benar berfungsi kepada masyarakat, menjadi tempat rujukan pada setiap masa terutama pada waktu-waktu pejabat. Dan ini menjadi kerja masjid untuk mengolah bagaimana masjid boleh didekatkan dengan, dengan masyarakat. Saya fikir ini perlu, kita jangan, saya sebut ini sebab kita jangan mengulang lagi sejarah-sejarah dulu. Apabila melihat masjid makmur, surau makmur, surau ditutup kerana kemakmuran itu. Akhirnya teguran daripada Allah sampai. Jadi, sebab itu apabila melalui Jabatan Agama Islam ini, kita telah memakmurkan masjid. Cuma suara daripada baik Kampung Tunku dan juga rakan-rakan yang lain ialah untuk kita menambah terus bagaimana masjid ini dapat merapatkan bukan sekadar hubungan silaturahim antara masyarakat Islam dengan masyarakat Islam tetapi juga kita boleh menyebar luaskan dalam konteks dakwah melalui bahasa orang lain, dengan, dengan, dengan, dengan, dengan apa ni pembelajaran. Memberi peluang kepada mereka untuk sekurang-kurangnya memahami bahasa Arab sebab saya pernah belajar di Jordan dulu, saya tengok satu kumpulan masyarakat Cina, dia betul-betul belajar bahasa Arab. Dan suatu ketika, bila saya pergi ke Zhian, saya bercakap si an, saya bercakap Arab dengan seorang Cina. Saya bersama dengan EXCO daripada Seri Kembangan ketika itu. Si an bercakap Arab dengan orang Cina. Saya cukup seronok bila ada orang Cina boleh cakap Arab dengan saya. Bukan sekadar Jawa cakap Arab, Cina pun cakap Arab juga.

Jadi, saudara apa ni, Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Dan isu yang terakhir, yang saya nak bangkitkan dalam kesempatan pada pagi ini ialah isu terhadap, terhadap kerjasama kita dalam konteks sebuah kerajaan. Saya telah menyebut pada hari semalam tentang keperluan dan keutamaan kita untuk menjadikan kerajaan ini bukan sekadar, bukan sekadar kita membina kekuatan politik tetapi yang paling penting ialah membina ataupun kita melayan maslahat rakyat Negeri Selangor itu sendiri. Kita melayan semua kerentah. Sama ada mereka yang siapa sahaja mereka yang meminta, kita layan mereka. Dan ini menjadi asas kepada kekuatan sebuah kerajaan. Dan tanpa kita melihat perbezaan kaum, perbezaan politik, itu sebagai halangan kita untuk membantu. Yang paling penting, kemaslahatan rakyat itu menjadi keutamaan dalam urus tadbir sebuah Kerajaan Negeri. Sebab itu kita boleh melupakan perbezaan melalui urus tadbir sebuah Kerajaan Negeri. Perbezaan parti, perbezaan

pembangkang ke tidak pembangkang. Kita boleh memberi layanan yang sama kepada semua orang. Ini juga termasuk dalam ayat yang kita sebut. Jangan sebab kerana kebencian kita kepada satu-satu kumpulan, golongan, menyebabkan kita tidak berlaku adil. Sebab itu kerjasama ini boleh kita bina. Ataupun yang kita katakan sebagai *Tahaluf* dalam sebuah kerajaan. *Tahaluf*, kebersamaan kita, kerjasama kita untuk yang paling penting maslahat. Dan kita tidak menjadikan karenah politik di luar untuk kita menghalang daripada kita melaksanakan maslahat kita kepada, kepada rakyat. Maka, bersekali dalam konteks untuk menyebut tentang maslahat inilah, kita nak melihat. Terutama sekali saya nak merujuk kepada masyarakat di luar bandar. Terutama sekali masyarakat di Sabak, masyarakat di luar bandar, di Ulu Bernam, masyarakat di, yang, yang alhamdulillah paling kurang hari ini mereka telah merasakan apa yang mereka tidak pernah rasa. Bas percuma Kerajaan Negeri mereka telah rasa sebagaimana orang di Petaling Jaya, dapat di rasa oleh orang di Sungai Besar di Sabak Bernam. Cuma dalam konteks untuk kita, dalam konteks untuk kita memastikan pelaksanaan terhadap jajaran-jajaran baru yang kita telah pun persetujui. Masyarakat Sabak Bernam bertanya bila akan bermulanya jajaran baru yang telah pun kita, kita putuskan, yang telah pun kita setujui. Majlis Daerah masing-masing telah pun membuat cadangan-cadangan terhadap jajaran-jajaran baru ini tetapi masih belum bermula sehingga ke bulan 3. Bila akan dimulakan. Kerana kita dalam belanjawan dulu, kita ada tak silap saya, kita ada tambahan RM10 juta bagi menjadikan jumlahnya R20 juta jajaran baru. Jadi ini sedang saya telah menyebut bahawa *Insya-Allah* orang di Parit Baru akan boleh pergi ke Shah Alam percuma dengan naik bas sambil main *internet* dalam bas dan cuma perjalanan boleh jadi tidak 2 jam, boleh jadi 5 jam. Tetapi masih lagi percuma dapat dinikmati oleh masyarakat. Itu paling kurang. Termasuk juga di Tanjung Medan. Dapat bas percuma. Ni sekali gus memberi 1 jawapan bahwasanya keperluan pelajar-pelajar sekolah yang terpaksa bermotosikal jauh daripada Tanjung Medan untuk ke Sekolah Bagan Terap. Mereka akan bernaik motor tak kurang mereka yang kemalangan dan juga peristiwa yang terpaksa hilang kaki. Ini menggembirakan masyarakat walaupun saya juga, kita juga maklum bahawa kawasan-kawasan ini juga antara yang paling kuat UMNO dalam dunia. Tapi kita masih melihat keperluan maslahat rakyat tanpa memikirkan soal perbezaan politik kerana mereka adalah *dakwah al-fuqara* di antara orang-orang yang perlu kita layan kehendak mereka kerana mereka dalam keadaan serba kesempitan dengan soal akses bas yang sekolah yang tidak ada apatah lagi apabila dah ada bas percuma, bas ekspres daripada Sabak ke Klang pun sudah dihentikan sekarang ini. Jadi, oleh sebab itu kita harap ada jawapan dan begitu juga saya nak bangkitkan bersekali dengan isu yang terakhir ni

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Mohon Yang Berhormat akhirkan ucapan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN SALEEHEN BIN MUKHYI:** Akhir sekali ialah berkaitan dengan, dengan perumahan yang sedang dibina oleh PNSB di Ladang Air Manis yang nampaknya tidak mengikut jadual. Sampai sekarang tidak mengikut jadual yang sepatutnya kita dah boleh sekurang-kurangnya rumah contoh itu naik. Dan masyarakat dah dibuka peluang untuk mengisi borang untuk membeli tetapi apa masalah sebenarnya sehingga sampai hari ini masih lagi belum dapat, belum naik lagi dan masyarakat yang ternanti-nanti bila untuk, untuk membeli rumah ini. Dan saya harap kalau ianya telah siap, mengharapkan supaya EXCO Perumahan terutama sekali memastikan antara pembelinya paling kurang meletakkan kuota 70% ke 80% mesti diberi kepada masyarakat daripada Sabak Bernam.

Jadi, terima kasih kepada Tuan Speaker atas peluang yang diberikan pada, pada pagi ini dan saya turut menyokong ucapan titah Tuanku pada hari perasmian. Terima kasih. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Sabak. Saya difahamkan Meru akan berucap pendek sahaja. Saya akan bagi Meru kemudian Kampung Tunku selepas itu.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Pendek aje ye.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Meru.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker kerana mengizinkan Meru ingin mengambil bahagian dalam bahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Majlis Perasmian Pembukaan Persidangan Penggal Kelima. Seperti yang disebut tadi, alhamdulillah selepas, bercakap selepas Y.B. Sabak berucap ini, alhamdulillah banyak *point-point* yang telah di, diutarakan. Cuma nak bagi tahu pada awal tahun ini 2017 dengan ihsan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Tan Sri Ambrin Buang ketika itu ya sebagai Ketua Audit Negara telah menjemput, telah menjemput, Tan Sri Ambrin Buang menjemput pada awal tahun, tahun ni, ya, Januari hanya 3 orang Wakil Rakyat daripada setiap negeri untuk pergi ke Sabah, Kota Kinabalu selama 5 hari *all sponsored flight* apa semua, dan di Selangor ni kita ada 3 Wakil Rakyat yang dipilih. Yang pertama ialah Y.B. Ng Suee Lim daripada, daripada Sekinchan dan yang kedua ialah sepatutnya Y.B. Dato' Seri Dr. Wan Azizah tetapi tak dapat akhirnya *last minute* tak dapat jadi Y.B. Rodziah daripada Batu Tiga dan yang ketiganya seorang Y.B. yang pendek-pendek je orangnya. Oh aku, saya lupa pula. Tapi apa saya nak bagi tahu, saya *I was so surprised* dengan izin. Sebab antara benda yang di, di, di , di apa nama, dibentangkan oleh JAKIM ketika itu ya. JAKIM bagi tahu

pada kita semua wakil-wakil daripada Perlis, Kedah, Kelantan, Sarawak, Sabah semua ada, JAKIM bagi tahu bahawa kajian yang dibuat oleh JAKIM sendiri bahawa masjid yang paling makmur ya, di seluruh Malaysia *those of Malaysia* dia kata ialah di Selangor (tepunk). *Sory to say* bukan di Kelante, buke minta maaf orang Kelante ado. Bukan di Kedah, minta maaf kalau orang Kedah ada. Tetapi di Selangor. Tetapi *the point is that, that is* minta maaf dengan izin *is only after 2008*. Sebab alhamdulillah. Sebab sebelum ini kita pun tahu tadi Y.B. Sabak sebut tentang masjid At Taqwa, Masjid As Sharif Meru. Sebelum ni, *sorry to say* semua nazir-nazir *hand picked*. Tidak ada pemilihan, tidak ada pemilihan. Kadang-kadang nazir itu sendiri nak pergi cari kat masjid itu tak ada. Jadi susah. Tetapi selepas 2008, kita buat pemilihan. Hanya ahli kariah sahaja. Kalau ada orang Bangla datang ke masjid tu tak dibenarkan. Kalau ada orang Pakistan pun tak dibenarkan. Hanya ahli kariah di masjid-masjid tersebut itu dipilih siapa untuk yang layak menjadi nazir. Ini yang Rasulullah sebut. Bukan saya sebut, bukan MB sebut. Tapi Rasulullah sebut. (Hadis Nabi) "Kalau kamu berikan amanah dan tanggungjawab ini kepada orang yang bukan ahlinya, tunggulah saat kehancurannya" ya. Tetapi alhamdulillah, yang itu disebut bahawa masjid yang paling hebat selepas 2008 seluruh Malaysia ini ialah di Selangor. Seperti mana sebut.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta mencelah.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Ha, sila, sila.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tahniahlah Meru ya. Saya nak tanya sikit tentang 2008 dengan sekarang ni, ya tentang masjid, kariah dan sebagainya maknanya kajian sekarang lebih telus dan terbuka atau sederhana atau yang dulu? Yang mana lebih? Ya, lebih, lebih terbuka mencapai aspirasi rakyat?

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN:** *Insya-Allah*, itu pun saya, itu pun disebut juga. Ya? Itu pun disebut juga oleh apa nama mereka yang bersidang pada ketika itulah di, di, di, di apa nama tu di Kota Kinabalu bahawa ini memang jelas menunjukkan bahawa selepas kita *take over* 2008 ni kita lebih telus. Dan kita lebih ke depan dan sebagainya. Begitu juga dengan, dengan apa nama tu ni peruntukan. Peruntukan begitu juga. Kita diberitahu peruntukan-peruntukan di Kelantan cuma RM250 ribu je untuk ADN untuk, untuk, untuk apa nama setahun. Begitu juga di apa nama tu, Pahang yang begitu besar pun ehhh, lebih kurang RM350 ribu je setahun. Tetapi di Selangor ni ya, alhamdulillah dah pun diluluskan. Kita dapat RM800 ribu setahun. Satu peruntukan yang cukup besar. Yang ini tak pernah berlaku ya. Sebab itu saya mengatakan bahawa ya bila kita pergi ke sana memang, memang inilah yang, yang disebut

## **29 MAC 2017 (RABU)**

beberapa kali oleh Y.B. Sabak tadi yang saya pun sebenarnya, saya minta sangatlah seperti yang disebut sebelumnya, kita Lembaga Zakat Selangor, ya, RM700 juta yang kita dapat sepatutnya apa salahnya berilah sikit sumbangan kepada pelajar-pelajar kita yang belajar di luar negara. Ya. Saya, saya, saya dulu belajar di Mesir tapi saya nak bagi tahu bahawa saya pergi ke Mesir saya nampak bahawa budak-budak kita yang belajar, belajar di sana, belah-belah Selangor apa semua memang *Masya-Allah*, result cukup bagus. Dia orang yang hafiz Quran dah hafaz Quran ambil *medicine each year they got excellent result*. So, minta maaf ada yang minta maaf kata sampai *final year ni they have to come back*. Sebab bila dia ada area-area yang dia stop dia punya apa di....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Kg. Tunku minta.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI B. OSMAN:** Kampung Tunku. Sila

**Y.B. LAU WENG SAN:** Saya mempunyai perasaan... Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan Meru. Perasaan yang sama dengan Yang Berhormat dari Meru. Penduduk Islam Muslim dari Kampung Tunku, anak belajar perubatan bukan di Mesir ataupun Jordan di Australia tajaan JPA ataupun tajaan MARA dengan lebih tepat dikatakan separuh jalan bahawa tidak ada sumbangan ataupun tajaan untuk tahun ke empat dan ke lima. Anda kena cari jalan sendiri. Saya pun pening. Adakah saya hendak menulis kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk tajaan skim peduli siswa ataupun saya kena keluarkan wang yang diperlukan bukannya puluhan ribu tapi ratusan ribu sebab dia tahun ketiga. Ada dua tiga tahun lagi. Ini *student Malaysia* tajaan MARA nak belajar *medicine* di Australia. Jadi masalah dia saya meminta bantuan dan juga nasihat daripada Yang Berhormat Meru, macam mana kita boleh mengatasi masalah ini. Adakah kita perlu menukar kerajaan di Putrajaya?

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI B. OSMAN:** (ketawa). Itu soalan dan jawapan dah ada dah tu. Itu lah dia. Jadi itu yang saya katakan tadi seperti mana disebutkan tadi memang sebenarnya saya setuju, amat setuju dengan Kampung Tunku dan sebagainya. Tadi disebut ya tentang pelajar Bahasa Arab itu sendiri ya tapi saya pun dulu pernah pergi ke Ghuangzhou, saya terkejut tengok orang Cina di Ghuangzhou pun boleh cakap Arab tapi yang tak berapa sedap tu orang Ghuangzhou ingat aku pulak orang Cina. (ketawa). Hah, dia kata mesti Cina. (ketuk meja).

Jadi apa nama, saya cukup-cukup ini lah, saya minta sangat, minta maaf. Kita tahu kita dapat keputusan daripada Lembaga Zakat tetapi kita kena ingat yang tak boleh tukar hanya Al-Quran Nul Qarim itu Al-Quran sahaja yang tidak boleh tukar selain daripada itu apa yang kita buat ialah bila kita dapat input-input macam ini. Saya berharap sangat

lah, berharap sangat lah ya Lembaga Zakat tengok-tengok balik RM700 juta ni. Ada budak yang dapat tajaan terpaksa balik, balik, balik. Dia punya *parents* tak boleh *cannot effort*. Sedangkan dia punya *result good result, excellent result* untuk ambil *medic* apa semua di Mesir apa semua tapi itu semua yang terjadi.

Kemudian kita nak beritahu jugak bahawa Islam, saya selalu sebut, saya sejak jadi YB ni, sejak 2010 *every year*, minta maaf dengan izin. Bukan, no... 2008 tapi since 2010 *every year* minta maaf dengan izin saya dijemput untuk pergi ke gereja-gereja sampai sekarang *every year* untuk dipanggil oleh bishop dan juga pastor untuk menyampaikan sedikit sebab saya pernah masuk gereja di Klang sampai bishop tengah berucap, dia kata apa? Dia kata Oh!, our YB. Meru has arrive. *I will talk for 15 minutes but YB Meru will talk for 2 hours.* Saya terkejut tapi bila saya masuk yang dengar ceramah saya tak ramai Tuan Speaker, tak ramai yang dengar dalam 3,000 orang aje. *And I told them*, saya beritahu dia saya kata dengan ilmu yang saya ada sedikit sebanyak saya sudah pergi satu dunia, saya dah pergi ke GAZA apa semua. Saya beritahu mereka *you want to be good Muslims you must obeyed to the teaching of the Quran and if you want to be good Christian's you must obeyed to the teaching of the Bible.* Hari ini pun saya hantar dua Bible punya saya hantar dalam group-group kita punya EXCO dan juga saya hantar dan *you want to be good*, jadi orang beragama India, beragama Hindu yang baik hendaklah kamu berpegang kepada kitab-kitab Tirukukural, Vedas dan juga Ramayanas. Ini saya sedang mengkaji ini Tirukukral ni. Tirukukral hah kat rumah saya banyak kitab-kitab Bible ya sebab itu seperti mana disebut tadi, kita dapat duit banyak peruntukan ya kalau ada orang India nak jumpa saya nak minta sedikit apa nama tu peruntukan bantuan saya boleh bagi *one thousand reason*. Eh! Maaf ya tara duit. Orang Cina datang saya boleh cakap boo lui, boo lui. Tak ada, tak ada. Ataupun orang UMNO datang, saya boleh kata *since you* saya boleh bagi itu *reason* tetapi *I will be to answered it to God, I will be to answered it to God.* Saya bagi semua, tadi pun, semalam pun.

YB Kota Damansara, dia keluar pulak Kota Damansara, Eh bila dia keluar Chempaka pun tak ada ya. (Ketawa). *Astaghfirullah*, dua-dua ni mesti ada apa ni lah (ketua) dua-dua tak de lah. (Ketawa). Semalam dia bisik kat saya YB Meru

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Biar sangkaan baik YB.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI B. OSMAN:** Ni sangka baik ni, sangka baik. Semalam dia kata YB Meru, tolong bagi saya jus jihad yang YB, hari ni saya hantar, saya tak kisah bagi *free*, berapa ribu, tak payah. Bukan kata, saya boleh bagi *good reason* macam-macam *reason* tapi saya tak mahu begitu. (Ketawa). *Alhamdullilah* betul Kota Damansara dapat ya. Kota Damansara dapat dah.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT. BOHAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI B. OSMAN:** Bukan ni, tadi tu.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT. BOHAN:** Ni bersangka buruk ni, mana buku peraturan. (Ketawa). Bersangka buruk. Tadi baru cakap fasal Agama kan hah jangan bersangka buruk.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI B. OSMAN:** Bukan bersangka buruk.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT. BOHAN:** Bersangka buruk lah tu saya dengar kat luar.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI B. OSMAN:** Tak saya bagi tu.

**Y.B. LAU WENG SAN:** Jangan guna jari telunjuk.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI B. OSMAN:** Betul kan Kota Damansara saya bagi ubat tadi. Hah betul tu, dia diam. Diam tu tanda setuju lah tu. Betul lah tu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** YB. Meru, teruskan, teruskan.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI B. OSMAN:** Ya, jadi apa nama, saya nak bagi tahu bahawa Islam tidak pernah apa nama sejarah membuktikan pada kita, sejarah membuktikan pada kita Islam tidak pernah go *against the Jesus all the Kristian's*. Sejarah membuktikan pada kita ketika Rasulullah apa nama tu berhijrah pada hal Allah SWT kalau Rasulullah berhijrah tu boleh hantar malaikat yang tinggi bantuan tu boleh hantar tak ada masalah hantar Buraq tetapi kenapa Allah kita tengok dalam sejarah yang datang membantu Rasulullah ketika berhijrah ialah Abdullah bin Uraikid, Abdullah bin Uraikid *is not a Muslim*, minta maaf dengan izin. Abdullah bin Uraikid, bukan seorang Kristian, *no* tetapi Abdullah bin Uraikid adalah seorang Yahudi. (Ketuk meja) Hah! tu dia duduk depan dan dia tak sebut Rasulullah, dia tak sebut nama Rasulullah, dia tak sebut Rasulullah sebab dia tak iktiraf Rasulullah dia sebut apa? Ya Muhammad Al Yameen ya Muhammad Al syiwal ya Muhammad dia tahu jalan nak pergi ni dia yang ajar kalau dia tunjuk Yameen, ikut apa nama kanan ya al syiwal ya Muhammad ikut sebelah kanan. Makna Islam dalam sejarah membuktikan pada kita tak ada masalah, tak ada masalah langsung. Ya, itu saya kata, saya dulu belajar di Mesir, masa saya sampai ke Mesir di awal masa tu masa satu saya pun sampai di bumi Mesir saya dulu Sekolah Menengah Sains Selangor saya tak tahu satu pun Bahasa Arab. Yang saya tahu, ana, anta wa unta, tiga aje tapi nak cerita bahawa di Mesir ni hah mini masjid tak sampai *hundred* meter ada gereja dan hari Jumaat gereja buka pintu untuk orang *parking*. Boleh *parking*, sebab tak cukup *parking* boleh berbalas, berbalas orang Arab kata tak payah bayar duit. Kemudian Jumaat...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sabak minta mencelah....

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI B. OSMAN:** Berapa kali minta mencelah....

**Y.B. TUAN SALLEHEN B. MUKHYI:** Saya nak *landing* kan sikit. Bukan *landing* apa tapi nak, nak, *point* tadi pasal Zakat. Saya nak tanya Yang Berhormat Meru sebab masa saya jadi ADN dengan rakan-rakan lain dengan Sungai Pinang, dengan Antarabangsa pada tahun 99 dahulu. Pernah satu ketika pelajar-pelajar kita di tahan Zakat kerana beberapa isu yang menyebabkan saya terpanggil untuk cari dana melalui sumbangan peribadi dan saya bawa lebih kurang 46,000.00 untuk bantu pelajar-pelajar kita hari itu yang keputusan kewangan. Saya pergi sendiri, saya bawa sendiri dan saya sampaikan. Jadi, boleh jadilah ini antara yang tak berapa nak berkenan kepada ketika itu lah kerana masalah apa ni kerana ataupun Allah lebih berkenan supaya kita melihat pelajar ni bukan, bukan, bukan dia di tahan zakat sepatutnya kepada satu teguran yang baik dan hubungan yang baik dan sehingga pada ketika itu apabila ada pimpinan Kerajaan Negeri yang pergi tidak dilayan oleh pelajar kerana tidak ada ikatan antara pelajar dengan kerajaan ketika itu..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Soalannya Yang Berhormat?

**Y.B. TUAN SALLEHEN B. MUKHYI:** Jadi soalannya ialah apakah Yang Berhormat Meru setuju bahawa kalau kita sekurang-kurangnya ikatan melalui sama ada Zakat ataupun melalui Yayasan Selangor memberi pinjaman bagaimana di buat di negeri Kelantan dan sebagainya pada pelajar ini boleh untuk membela kekuatan lagi kerajaan sebab Allah sebut dalam Al-Quran (ayat Al-Quran) apa sahaja kamu belanjakan pada jalan yang baik Allah akan ganti yang lebih baik. Mungkin hasil negeri akan lebih meningkat dan pungutan zakat akan lebih banyak daripada itu.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI B. OSMAN:** Minta maaf Sabak saya tak berapa setuju seratus peratus tapi saya setuju seratus lima puluh peratus. Setuju sangat, setuju sangat, *insya-Allah*. Perlu ada tu, perlu ada apa nama perjanjian tu mesti ada biar mereka rasa terikat dan *insya-Allah* saya yakin pelajar-pelajar kita tidak akan membuang apa nama masa dan juga ilmu yang mereka ada itu melainkan untuk membantu kita lagi, *insya-Allah*. Saya rasa saya beri peluang lah kepada yang lain juga untuk berucap, minta maaf dan terima kasih. Cukup lah. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku. 25 minit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya berterima kasih kepada ucapan daripada Yang Berhormat Sabak dan juga Meru yang begitu menceriakan Dewan yang mulia ini. Ingin saya memetik ucapan ataupun *blog post* ataupun *facebook posting* yang saya ambil dari Yang Berhormat Sungai Panjang, Yang Berhormat Sungai Panjang, pembangkang ni. Janganlah saya dibenci walau berbeza politik namun bencilah saya kalau saya mengambil rasuah dan

## **29 MAC 2017 (RABU)**

seterusnya ini ada lah ucapan daripada saya. *Fiat justitia ruat caelum (Bahasa Latin)* hendaklah keadilan didekatkan walaupun langit akan runtuh. Itulah tema ucapan saya pada pagi yang mulia ini. (*justice ruin silent*) hendaklah keadilan didekatkan walaupun langit akan runtuh. Saya kira itu satu fasa yang memang dikenali oleh para peguam. Yang Berhormat Sungai Pinang, Yang Berhormat Subang Jaya dan sebagainya. Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Kampung Tunku untuk mengambil bahagian dalam perbahasan USUL Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku Sultan Selangor.

Tuan Timbalan Speaker, USUL Menjunjung Kasih ini barangkali kali yang terakhir sebelum kita memasuki gelanggang PRU Ke 14 nanti. Saya mengimbas kembali ucapan saya di Dewan yang mulia ini sejak 9 tahun yang lalu dan saya kira satu-satu isu yang sering kali dibangkitkan ialah isu integriti dan prestasi penjawat awam. Tuan Timbalan Speaker, Rakyat dan Kerajaan Selangor dikejutkan dengan kes rasuah yang melibatkan mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Mohd. Ariff Abdul Rahman. Tidak lama dahulu beliau telah didakwa di Mahkamah Seksyen di bawah Seksyen 16(a)(P) Akta SPRM 2009 kerana menerima wang suapan sebanyak ringgit Malaysia, ini bukan ringgit ya, ini dollar Singapore RM200,000.00 dan SPRM telah menemui aset yang tidak sepadan dengan pendapatannya, contohnya jongkong emas, wang tunai, beg tangan berjenama dan puluhan jam tangan mewah berjumlah RM3 juta.

Ini membawa saya kepada satu pembongkaran oleh mantan EXCO dan mantan ADUN Gombak Setia. Mantan. Pada tahun 2012 terhadap si tertuduh antaranya ialah si tertuduh terlampau kerap melawat ke negeri ke keluar negeri hingga menjelaskan jumlah gaji, bonus serta elauan yang diterima dalam Mesyuarat MMKN. Serta tuntutan perjalanan yang dibiayai oleh GLC Selangor. Ya. Sila kan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tuanku, Kampung Tunku duduk sekejap

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya Tuan Speaker, Tuan Speaker saya ingin merujuk kepada Peraturan Tetap di mana sebentar tadi Yang Berhormat Kampung Tunku ada menyebut pegawai kerajaan yang melibatkan kes di dalam mahkamah. Peraturan Tetap 36(2) tidak boleh disebutkan tentang apa-apa perkara yang sedang dalam pertimbangan Mahkamah sekiranya pada pertimbangan pengerusi harus merosakkan kepentingan pihak yang berbicara itu. Jadi dia akan memperjudiskan perbicaraan di satu dan yang keduanya adalah 36(9) dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat mana-mana Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Negeri atau mana-mana pegawai kerajaan selain daripada kelakuan menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau pegawai kerajaan. Jadi saya rasa ini peringatan yang harus kita berikan.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Ya saya akur dengan nasihat daripada Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker dan Yang Berhormat Sungai Pinang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya setuju.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Ya saya akur dengan nasihat daripada Yang Berhormat dan juga merupakan mantan Speaker. Saya tidak ada hasrat untuk membawa suatu isu yang di bawah pertimbangan mahkamah. Cuma apa yang perlu saya kekalkan ialah satu isu atau pun '*point*' hendak membawa ialah tentang perisytiharan aset. Ia adalah suatu isu yang besar dan saya kira, sekiranya.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya kira Yang Berhormat Kampung Tunku telah akur dalam Peraturan Tetap harus menarik balik apa yang disebut tadi, nama pegawai sebab dia menyebut kes tersebut termasuk tuduhan-tuduhan yang kita baca di dalam surat khabar. Saya rasa itu akan memperjudiskan keadaan.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Kena tarik balik dulu, kena *gentlemen*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya betul.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Yang telah sebut mesti tarik balik. Kalau tidak kita tidak mengakuri.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Saya tarik balik terhadap ucapan saya yang berkaitan dengan mantan Ketua Setiausaha Menteri Pembangunan Wilayah dan luar bandar itu tetapi saya ingin berucap dengan pengisytiharan aset, tentang pentadbiran yang telus dan bersih di mana saya mencadangkan pada masa-masa yang akan datang supaya pihak eksekutif menjadikan pengisytiharan oleh pegawai atasan kerajaan dan para ADN Selangor sebagai satu kehendak mandatori dari segi undang-undang dan kita boleh menggunakan untuk mengelak rasuah ini daripada berlaku. Saya kira ini adalah satu cadangan yang boleh dilakukan untuk memastikan bahawa untuk mempertahankan pegawai-pegawai kerajaan di Negeri Selangor ini supaya mereka tidak terjerumus dalam isu-isu ataupun skandal rasuah. Tuan Timbalan Speaker kita

boleh mengambil prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh OSA dengan pemantauan daripada pihak yang bebas daripada pengaruh eksekutif seperti SELCAT dan SPRM dan kesemua tata-tata pengisytiharan aset ini boleh dibuka untuk pemantauan umum selepas dibenarkan oleh SELCAT dan SPRM dan Jabatan Audit Negara dan sebagainya. Tuan Timbalan Speaker masalah rasuah ini saya kira bukan isu bukan calang-calang isu bukan calang-calang masalah. Persepsi rasuah ini serius dan tidak menjasikan imej dan iklim pelaburan negara kita akibat pentadbiran kewangan yang lemah disiplin dan lemah sarat dengan penyelewengan dan korupsi dalam skandal satu Malaysia Development Berhad. Malaysia terkenal seantero dunia sebagai negara katora. Akta nilai ringgit Malaysia meleset dengan kadar yang lebih gawat berbanding dengan mata wang negara-negara asian yang lain. Ada Tok lebai di dewan ini yang mengatakan bahawa isu 1MDB ini sudah lapuk mungkin orang kampung tidak faham saya memetik kata-kata Tun Dr. Mahathir.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya meminta mencelah sedikit.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Orang-orang kampung tidak faham isunya tapi mereka faham apabila...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku, Permatang minta.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Makanan, barang harian, minyak semuanya semakin mahal mencecah langit sehingga di luar kemampuan mereka.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang minta Kampung Tunku.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Silakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Permatang.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Tuan Timbalan Speaker dan juga Kampung Tunku bagi laluan. Saya alu-alukan ucapan Yang Berhormat dalam intro kata rasuah yang melibatkan politik, kakitangan awam dan sebagainya. Saya alu-alukan dan saya menghormati dan saya pun menghargai itu pun sama-sama perjuangan kita. Saya cuma nak minta pandangan Yang Berhormat sebagai Ketua Kerajaan sebuah negeri yang telah pun di dakwa di mahkamah tetapi masih mengekalkan jawatan dan tidak bersedia untuk berundur, tidak bersedia untuk bercuti. Apakah ini tidak akan memberi kesan yang besar seperti di

Pulau Pinang. Kesan besar kepada pelabur, kesan yang besar kepada imej, integriti yang mana Ketua Menteri ini begitu beria-ia sangat bercakap soal rasuah dan dia sendiri terpalit dengan rasuah dan sedang didakwa di mahkamah. Dan sekarang berusaha pula menangguh-nangguhkan kes dengan mencabar beberapa akta SPRM. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat menasihatkanlah supaya Ketua Menteri ini sedia untuk bercuti.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku silakan.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kalau tidak meletak jawatan sebelum nak menuding jari kepada mana-mana pihak sebab saya pun mengambil balik ucapan Tun Mahathir dia pernah sebut seorang pemimpin bukan sahaja mesti bersih, mesti kelihatan bersih, saya nak minta ‘comment’.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila, Kampung Tunku.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker isu yang hendak saya bangkitkan ialah kita membahas dengan membahas isu berkenaan dengan usul menjunjung kasih Titah ucapan Tuanku Sultan Selangor. Apa yang berlaku di Pulau Pinang itu saya kira di luar skop perbicaraan Dewan Undangan Negeri Selangor. Tapi apa pun sekali saya kira perkara itu adalah perkara yang tidak ada berkaitan dengan apa yang tidak ada kita bincangkan pada hari ini. Adakah Yang Berhormat daripada Permatang mencadangkan sekiranya apa yang berlaku terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang berlaku juga ke atas peribadi Yang Berhormat Pekan. Adakah Yang Amat Berhormat Permatang juga cuba mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat Pekan meletakkan jawatan dan berundur daripada jawatan Perdana Menteri. Itu soalan saya.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh saya mencelah.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Maka saya mencadangkan bahawa sekiranya itu adalah hujah.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh saya mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang minta Kampung Tunku bagi atau tidak bagi.

**29 MAC 2017 (RABU)**

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Saya tidak bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, tidak bagi.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tadi Yang Berhormat minta pandangan saya..

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Maka saya mencadangkan supaya..

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tadi Yang Berhormat minta pandangan saya...

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Adakah Yang Berhormat Permatang mencadangkan supaya Yang Berhormat Pekan letak jawatan?

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya percaya kalau letak jawatan atau pun bercuti sekiranya didakwa tetapi sampai hari ini tidak ada satu pun pendakwaan.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Bukan sekadar didakwa mengapa isu ini ialah RM2.6 bilion masuk dalam akaun peribadi.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat tiada satu pendakwaan pun dibuat.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** RM2.6 bilion.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat cakap tidak ada fakta pun

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Akaun peribadi Yang Berhormat Pekan...

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat Speaker..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk dulu saya minta Permatang dan Kampung Tunku duduk.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kes Ketua Menteri Pulau Pinang telah didakwa di Mahkamah Tinggi.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Ini berlaku terhadap Yang Amat Berhormat Pekan selaku Perdana Menteri Malaysia yang masuk dalam akaun dia. Adakah Yang Berhormat Permatang menyarankan supaya Pekan meletak jawatan.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Pekan tidak akan letak jawatan, tiada satu pun pendakwaan dibuat terhadapnya.

**29 MAC 2017 (RABU)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta Permatang duduk, Kampung Tunku duduk.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Malulah nak cakap isu rasuah, tiada pendakwaan.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Kamu yang tiada Ketua Pembangkang. Saya tidak beri laluan, duduk, duduk. Saya tidak beri laluan anda pembangkang yang tidak ada Ketua Pembangkang, duduk. Yang Berhormat Pekan letak jawatan, duduk. Kalau ya saya silakan.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Apa dia?

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Kalau Yang Berhormat Permatang menyarankan Yang Berhormat Pekan letak jawatan saya beri laluan.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kalau ada pendakwaan boleh.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Itu bukan masalah saya. Masalah saya adalah adakah Yang Berhormat Permatang bersetuju kalau Pekan letak jawatan?

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Buat apa nak letak jawatan.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Kalau setuju saya beri laluan.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tiada ada sebab buat apa nak letak jawatan, tiada pendakwaan.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Kalau Yang Berhormat tidak setuju duduk. Yang Berhormat Ketua Pembangkang pun tidak ada.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ketua Menteri, Ketua DAP didakwa rasuah pun tidak letak jawatan.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Duduk, ini laluan saya, ini laluan saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta Yang Berhormat Permatang duduk, Kampung Tunku duduk, Kampung Tunku duduk dulu, Permatang duduk. Saya nak buat *rolling* bahawa bila mana soalan dikemukakan kepada orang yang sedang berbahas dan beliau menjawab mungkin jawapan tidak puas hati atau memuaskan hati tetapi terpulang kepada mereka, Yang Berhormat yang sedang berbahas untuk menjawab. Dan sekiranya Yang Berhormat yang lain tidak berpuas hati yang berhormat boleh berbahas masa dan ketika Yang Berhormat berbahas. Itu mudah dan saya minta isu mengenai letak jawatan ini tidak disambung oleh Kampung Tunku.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Tak apa.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tukar tajuk lain, silakan Kampung Tunku.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Boleh saya minta Tuan Speaker ulang isu tentang letak jawatan ini tidak disambung, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya kedua-dua pihak.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Jadi saya beranjak dengan isu tentang prestasi rasuah ini tidak berkaitan dengan mana-mana ADN atau pun mana-mana Ahli Parlimen. Tuan Timbalan Speaker isu rasuah ini amat menjelaskan imej dan iklim pelaburan negara. Akibat daripada pentadbiran kewangan disiplin yang sarat dengan penyelewengan, yang sarat dengan korupsi dengan skandal 1MDB Malaysia terkena dengan seantero dunia sebagai negara *kleptocracy*. Akta nilai mata wang Malaysia meleset dengan kadar yang lebih jauh lebih bawah berbanding dengan mata wang negara-negara Asia yang lain. Ada Tok Lebai di dewan ini yang menyatakan bahawa isu 1MDB sudah lapuk, maka orang kampung tidak faham tetapi isu ini ialah mereka akan faham kalau apa harga ubat, harga makanan, harga barang harian, harga minyak semakin mahal mencecah langit sehingga di luar kemampuan mereka. Tok Lebai di Putrajaya berkata ini berlaku kerana harga minyak mentah merosot dan nilai dolar Amerika Syarikat naik. Kalau ini benar, Yang Berhormat Permatang mengapakah ringgit tidak naik apabila harga minyak naik. Mengapa 1 dolar Amerika Syarikat bersamaan dengan RM4.40 sekarang dan bukannya RM2.50 semasa Tun Dr. Mahathir dan Datuk Sri Anwar menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada tahun 1990an. Mengapakah negara yang mengeluarkan minyak tetapi mengalami susut nilai mata wangnya kadar susut nilainya tidak seteruk ringgit Malaysia. Pasti ada sesuatu yang tidak mengena dengan ringgit Malaysia di mana asas ekonomi ataupun ekonomi *fundamental* kita menjadi lemah. Ada juga Tok Lebai berkata bahawa ringgit Malaysia yang murah.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Akan membantu eksport negara.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Kampung Tunku, Permatang minta.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Saya cakap fasal eksport.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak tanya fasal Tok Lebai ini, Yang Berhormat sebut dua, tiga kali Tok Lebai, Tok Lebai apa maksud Tok Lebai ini. Adakah itu menghina agama Islam atau pun Yang Berhormat nak tuju kepada siapa? Kena sebut jelas Tok Lebai itu siapa. Itu saya nak Yang Berhormat Speaker, saya tidak nak sebut Tok Lebai, Tok Lebai siapa maksudnya Tok Lebai ini, ulama atau dia

**29 MAC 2017 (RABU)**

menyebutkan Ahli Majlis Fatwa ataupun apa jangan sebarang sebut. Yang Berhormat sebut itu imej yang baik kepada orang Islam.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, saya faham cukup.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak Yang Berhormat sila tarik balik perkataan itu. Jangan gunakan untuk tujuan-tujuan menghina kepada mana-mana kaum atau pun agama.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Saya tidak bermaksud untuk menghina mana-mana.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kenapa sebut Tok Lebai.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kejap Yang Berhormat Kampung Tunku duduk sekejap. Permatang duduk sekejap, duduk dulu. Saya juga bersetuju perkataan Tok Lebai adalah berkaitan dengan satu gelaran bagi golongan agama jadi saya berharap tidak menggunakan gelaran yang sama selepas ini terima kasih.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Saya memohon maaf kalau perkataan Tok Lebai ini menyinggung perasaan Permatang sebab saya lihat....

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bukan saya Yang Berhormat tetapi seluruh negara mendengar ucapan Yang Berhormat.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Saya memohon maaf, duduk, duduk dulu kita tidak ada Ketua Pembangkang, saya memohon maaf sekiranya perkataan Tok Lebai ini menyinggung perasaan mana-mana ahli Dewan Negeri Selangor kerana saya ingat ia telah digunakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ADN dari Bukit Antarabangsa. Jadi sekiranya ia menyinggung perasaan Permatang saya tarikh balik tak apa kita *gentleman*. Tapi isu ini ialah adakah mereka yang mengatakan bahawa ringgit Malaysia yang murah ini dia kata akan membantu eksport negara kita, hakikatnya ialah eksport keseluruhan Malaysia pada tahun 2016 hanya berkembang sebanyak 1% berbanding daripada tahun 2015 dan sekali gus Yang Berhormat Permatang ini menunjukkan bahawa ringgit Malaysia lemah sebenarnya ia tidak memastikan bahawa tidak semestinya bermakna barang Malaysia lebih kompetitif di pasaran dunia. Itu sebab yang saya kata

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya minta penjelasan sedikit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kalau saya tidak menggunakan frasa Tok...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Permatang minta bagi tak bagi?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak bagi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Maka saya gunakan frasa *spin doctor*, ini *spin doctor* di Putrajaya Yang Berhormat Permatang tadi keluar dari Permatang bukan dari Putrajaya, jadi saya kira tidak ada isu. Tapi apa pun sekali saya pernahkan....Saya minta izin .....Arwah beri laluan kepada Yang Berhormat Permatang untuk pertanyaan soalan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak tanya Yang Berhormat sebut mengenai mata wang, saya akui negara kita mengalami dan juga negara-negara serantau termasuk di Russia yang pernah jatuhi yang cukup tinggi nilai mata wang. Apakah di Rusia ada 1MDB? Kes 1MDB di Russia atau pun di negara-negara serantau matang wang adakah kes 1MDB Yang Berhormat nak kaitkan dengan isu mata wang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin tanya ialah apa yang berlaku di Malaysia ini susut nilai mata wang Malaysia ini dia lebih dahsyat, teruk daripada susut nilai mata wang Asean dan juga negara-negara jiran Asean yang lain. Itu yang saya kata bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada waktunya dengan mata wang ringgit Malaysia pada masa sekarang. Dan sumber atau faktornya ialah 1MDB kerana pelaburan asing tidak yakin dengan prestasi ekonomi Malaysia. Dia tidak yakin dengan nilai mata wang ringgit Malaysia itulah hujah saya pada pagi ini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya minta penjelasan sedikit lagi. Kalau keyakinan pelabur tidak ada kenapa baru-baru ini Malaysia juga dapat *credit rating* di masa peringkat A. Satu, yang kedua kalau nak berbukti Yang Berhormat tidak tepat daripada segi penghujahan kenapa ada pelabur-pelabur asing daripada China, daripada Arab Saudi dan juga beberapa negara yang sanggup melabur dan semalam pun ada MOU bersama dengan Kerajaan Perancis. Kalau betul-betul tidak ada, tidak ada sesiapa pun peniaga di dunia ini akan mengambil risiko di negara-negara yang berisiko sekiranya dia ada menghadapi masalah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, Kampung Tunku.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Itu bukan pelaburan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila, Kampung Tunku.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Itu bukan pelaburan, Yang Berhormat Permatang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk, Permatang duduk dulu. Ya, silakan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Pelaburan dari China ini dia tidak melaburkan, dia hanya datang ke Malaysia untuk mencari keuntungan. Dia bukan datang ke Malaysia untuk mencari perkara-perkara atau keuntungan-keuntungan yang boleh memberi nilai tambahan kepada rakyat Malaysia. Kalau kita lihat dengan apa yang berlaku dengan....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat kata itu bukan keuntungan saya tak payah berbahas dengan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat Permatang, saya rasa saya sudah jemu dengan apa yang dilakukan di hujahkan oleh Yang Berhormat Permatang ini. Kalau kita baca New Straits Times, Business Times, UMNO sendiri kita boleh lihat dia melakukan pelaburan di so *called* pelaburan di Malaysia ia hanya untuk strategik Investment untuk Arab Saudi sahaja. Dia tidak mahu bergantung terlalu banya terhadap pelaburan daripada Amerika Syarikat, maka dia melanjutkan pelaburannya di Malaysia, di Singapura, di China, di Jepun bukan setakat Malaysia sahaja. Jadi itu bukan Investment.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Tuan Speaker..

**TUAN TIMBALAN SPEKAER:** Kampung Tunku, Morib minta.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Yang Berhormat Kampung Tunku baru cakap pelaburan, pelaburan. Pelaburan dengan Investment itu sama.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Isu-isu yang saya, isu pokok yang saya .....

**TUAN TIMBALAN SPEKAER:** Kampung Tunku, Morib minta.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ada persepsi rasuah. Rasuah Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku tak bagi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Rasuah ini bukan jalan-jalan isu , persepsi rasuah ini jelas dan ia serius menjelaskan imej dan iklim pelaburan negara.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Kampung Tunku boleh minta, Kampung Tunku boleh minta.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya tidak bagi laluan kerana Yang Berhormat Permatang tidak memberi apa yang berlaku...

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Kawan minta yang belakang....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ini boleh ke belakang sedikit, kalau ada isunya sila bahas dalam ..

**29 MAC 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Nanti saya bahas, *don't worry*

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tapi itu ke belakang?

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Jangan bimbang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku, Morib minta. Tak bagi

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ah.... ini isu saya ..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak bagi..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya mohon supaya masa tambahan diberi ya sekurang-kurangnya 10 minit. Ah Morib, saya bagi, kawasan saya daripada Parti Amanah Negara bukannya PAS ya, mohon kepada itu PAN-Islamic Party, Parti PAN, Parti Amanah Negara, Parti Amanah Negara, Parti Amanah Nasional, Parti Amanah Negara sudahlah Morib ini kena bagi rehat lah, budak kecil pun tahu, PAN Parti Amanah Negara. Sudahlah *boring*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sudahlah Morib

**Y.B. DATUK HALIMATON SADIAH BINTI BOHAN:** Ini sakit, sakit, Speaker dia sakit jiwa,

**Y.B. TUAN LAU WEN SAN:** *You dont even have a .....*

**Y.B. DATUK HALIMATON SADIAH BINTI BOHAN:** Sakit jiwa, sakit jiwa. *Hypertension DAP* ini.

**Y.B. TUAN LAU WEN SAN:** *This is Parti Amanah Negara.*

Permatang duduk, Permatang duduk, duduk, duduk.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Terima kasih Tuan Speaker, saya pun tak tahu kenapa sensitif sangat BN, UMNO ini terhadap Parti Amanah Negara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SADIAH BINTI BOHAN:** Bukan BN yang sensitif, yang sensitif itu dia yang sensitif, angin tau songsang.....

**Y.B. TUAN LAU WEN SAN:** Saya tidak sensitif, Kota Damansara duduk ya. Ini laluan Morib Parti Amanah Negara.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Morib, terus soalan, terus soalan.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Ada pandangan pada pakar ekonomi tekan bahawa pelaburan yang dibuat oleh China ini ialah sebenarnya adalah satu bentuk pinjaman dan hutang dan akibat daripada itu mengakibatkan nilai ringgit sukar atau pun khusus atau pun tidak akan membangun atau tidak ekonomi Malaysia akan pulih selagi kita berhutang dengan China. Adakah Kampung Tunku ini bersetuju?

**Y.B. TUAN LAU WEN SAN:** Sekiranya kita terlalu bergantung kepada pelaburan dari China sama apabila kita terlalu bergantung pada pelaburan daripada Amerika Syarikat, daripada United Kingdom, daripada EU maka akan mendarangkan permasalahan kepada Malaysia. Kalau kita berucap dari segi aspek pelaburan *don't put all your eggs in one basket*. Yeah, Yang Berhormat Morib *put all your eggs in one basket* jangan letak semua telur dalam satu *basket*, yeah dalam satu bakul. Leraikan pelaburan anda dan anda akan terselamat daripada pelaburan atau pun krisis pelaburan. Tuan Timbalan Speaker, saya hendak mengunjur kepada masalah rasuah. Ini adalah isu yang serius. Yang Berhormat daripada

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong boleh duduk, tak bagi Yang Berhormat, boleh duduk. Duduk Yang Berhormat

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Sementara saya ucapkan menghabiskan *point* saya. Masalah rasuah bukan calang-calang isu, subsidi rasuah ini menjelaskan imej dan iklim pelaburan negara. Akibat pentadbiran kewangan yang lemah disiplin dan dengan penyelewengan seperti dalam isu 1MDB ini, Malaysia sekarang ini terkenal antara dunia sebagai sebuah negara kleptokrat ini saya ucap pada Sidang Dewan yang lepas. Harga nilai Ringgit Malaysia meleset dengan kadar yang jauh lebih kawat dengan mata wang-mata wang negara-negara Asean yang lain. Ada Tok Lebai yang ada di Dewan ini saya tarik balik. Ada *spin doctor* di dalam Dewan Yang Mulia ini mengatakan bahawa isu 1MDB sudah lapuk saya kata tidak sekiranya harga makanan, harga barang harian, harga minyak dan harga .....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker saya nak minta tolong Kampung Tunku jangan ketuk kuat sangat takut dia naik sengaja, dia naik atas meja,

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Sehingga di luar maka mereka maka mereka akan faham ini adalah angkara UMNO dan Barisan Nasional.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku masa Kampung Tunku akan tamat jam 1.00 petang. Petang saya akan serahkan kepada Wakil Rakyat yang lain.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BIN BOHAN:** Speaker *standby somebody* takut nanti dia jatuh *collapse*.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Harga minyak mentah merosot dan nilai dolar Amerika Syarikat naik, kalau ini benar mengapakah ringgit tidak naik apabila harga minyak naik? Mengapa 1 dolar Amerika Syarikat bersamaan 4.40 ringgit Malaysia sekarang dan bukannya RM2.50 semasa Tun Dr. Mahathir dan Datuk Seri Anwar menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada tahun 1990an. Mengapa negara yang menjadi pengeluar minyak susut nilai mata wangnya tidak seteruk dengan Malaysia dan pastinya sesuatu yang tidak kena dengan ringgit Malaysia iaitu asas ekonomi tak tahu ekonomik fundamental kita yang lemah. Ada juga Tok Lebai yang mengatakan bahawa ringgit Malaysia yang murah akan membantu eksport negara hakikatnya ia hanya berkembang 1% sahaja. Jadi kalau ada lagi Tok Lebai yang tidak mencaya...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker, ini dia ulang lagi.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dia baca skrip, baca skrip.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** 30

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ada Tok Lebai, dia baca Tok Lebai.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Suruh dia tarik balik.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku ingat sedikit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tahap dan perlu lagi membimbangkan itu 10.7%. Kalau pengangguran di kalangan graduan jauh lebih dahsyat 42% maka di sini kita tak payah segan signifikan kolej INPENS dalam melengkapkan kemahiran Vokasional ke tapak bersaing yang menjadi kekurangan ialah peria yang telus pekerja yang tingkatan 5 tanpa apa-apa latihan formal di mana INSPENS tidak ada apa-apa program latihan pasti kerja kerjaya pada mereka.

Tuan Timbalan Speaker, adakah kita menyeru mereka menjadi pemandu atau pemandu Uber atau saya. Itu belum laku sesuatu untuk belia kita agar mereka akan warisi di Malaysia yang kleptokrat, kleptokrat, kleptokrat. Tuan Timbalan Speaker, kleptokrat tak kan kita menyuruh mereka.....

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BIN BOHAN:** Hospital, hospital dekat, sakit jiwa, masuk hospital Kampung Tunku....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kita perlu melakukan sesuatu untuk belia kita. Kleptokrat seperti ..... adakah kaitan ini semua Titah Ucapan Tuanku.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BIN BOHAN:** Timbalan Speaker, *please take action.* Saya rasa dia ini dah sakit jiwa. *Please...*

**29 MAC 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEKAER:** Saya yang *control* Dewan. Sila Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya membawa Titah Ucapan Tuanku semalam, dua hari yang lalu iaitu kita tidak harus melihat ekonomi .....ini sekadar kepada persoalan ekonomi tapi kita perlu melihat .... ketelusan urus tadbir yang baik, Institusi yang baru-baru ini terdapat perbincangan pakar ekonomi, ekonomi terhadap naratif pembangunan berasaskan kebahagiaan atau *happiness* seperti *Gross Wellbeing Index* yang di keluar oleh OFCD. Malahan telah mengetepikan satu laporan *intake* yang merangkumi aspek-aspek berikut termasuk persepsi rasuah dan di sebelah sana daripada Parti Sosialis, Perancis iaitu Parti Sosialis dia juga mencadangkan pas bahawa mengekalkan GDP yang sedia ada harus menyusun semula supaya pendidikan perubatan diberi subsidi agar kebijakan oleh orang miskin dapat di tunduk dengan potensi setiap individu.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kampung Tunku jam 1.00 petang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Boleh saya teruskan lepas petang nanti.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk, duduk

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Mungkin 5 minit.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak apa nanti saya akan buat keputusan selepas rehat nanti.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** 5 atau pun 10 minit. Saya hanya berucap 18 perenggan. Saya ada hanya lebih kurang 32 perenggan lagi bakinya 18 perenggan lagi.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, saya akan buat...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Dia tidak kacau saya pun boleh habiskan 10 minit. Saya sudah *rehearsals* semalam Tuan Timbalan Speaker. Kalau sudah *rehearsals* maksudnya waktu saya *chung-chung*.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BIN BOHAN:** Sekinchan teruklah kawan *you* sudah gila..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kalau Permatang tidak kacau saya boleh habiskan...

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk dulu, duduk....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Dengan aman, terima kasih....

**29 MAC 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sebelum saya menangguhkan sidang, saya menjemput Kampung Tunku sekali lagi untuk menarik balik perkataan Tok Lebai yang telah kamu gunakan sesudah diminta maaf.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya memohon maaf, saya terima dengan sepenuh belas kasihan minta maaf kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya gantikan Tok Lebai dengan *spin doctor* Minta maaf.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan 1 petang saya tangguhkan sidang hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )

**(Dewan Disambung Semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Assalamualaikum dan selamat petang. Dewan disambung semula. Saya persilakan kepada Kampung Tunku untuk menghabiskan ucapan beliau yang saya beri masa tidak lebih 5 minit. Silakan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih diucapkan kepada Tuan Timbalan Speaker. Maka saya meneruskan ucapan saya dan saya ingin menjurus kepada signifikan Kolej INPENS dalam melengkapkan belia kita. Sebab saya tadi menyebut tentang kemahiran vokasional dan pengangguran untuk kalangan belia. Dan saya menyarankan supaya bagi belia yang keluar daripada alam persekolahan bagi mereka yang bekerja selepas tingkatan 5 tanpa apa-apa latihan formal. Di mana INPENS juga tidak menawarkan apa-apa program latihan pasca kerjaya kepada mereka. Maka saya memohon supaya kerajaan melakukan sesuatu untuk menjaga kebajikan dan juga kemahiran dan juga untuk mempertingkatkan daya persaingan golongan belia ini. Saya juga disebut bahawa tak akan kita nak sebut atau pun nak minta mereka ini menjadi pemandu UBER ataupun Grab Car. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan tidak lama dahulu. Seolah-olah ini adalah satu ubat ataupun satu cara penyelesaian terhadap masalah pengangguran belia ini. Kita tidak boleh melakukan itu. Kita harus melengkapkan mereka dengan satu daya persaingan ataupun satu latihan vokasional yang berjangka panjang, untuk memastikan bahawa mereka mempunyai daya persaingan.

Jadi kaitan ini dengan titah ucapan tuanku ialah berkenaan dengan ekonomi dunia. Saya, barangkali tadi telah menyebut tentang angka-angka ekonomi yang tidak harus ditumpu kepada persoalan angka-angka ekonomi tapi merangkumi soal integriti, ketelusan, tadbir urus baik serta institusi yang berwibawa. Dan baru-baru ini saya juga telah menyebut bahawa, saya tidak pasti sama ada Datin Seri Azizah tentang *intake* kebahagiaan yang telah pun dipelopori oleh negara dan juga organisasi seperti OECD yang menyebut tentang banyak indikator. Enam indikator dan yang terakhir adalah persepsi rasuah. Calon, saya cuba menyebut tentang Presiden Perancis. Calon Presiden Perancis dari Parti Sosialist, North Harmon, yang menyebut tentang kepentingan untuk mengekalkan kadar pertumbuhan SDP yang sedia ada di samping mengekalkan, menyusun semula kekayaan negara supaya bidang pendidikan, perubatan diberi subsidi yang banyak oleh kerajaan terhadap orang miskin. Dan saya seterusnya ingin berbalik kepada satu lagi *in take*, kebahagiaan yang saya rasa berkaitan dengan kaum hawa. Tuan Timbalan Speaker, sumbangan kaum wanita terhadap masyarakat terhadap pembinaan masyarakat dan pertumbuhan ekonomi

adalah sangat penting. Dan mengikut Kajian *True Voice Asia*, ini adalah kajian terbaru. Hampir 70 peratus daripada wanita di Malaysia yang terpaksa berhenti bekerja kerana penjagaan kanak-kanak. Dan hampir separuh daripada suri rumah tangga berharap supaya mereka diberikan gaji, peluang naik pangkat yang adil serta waktu bekerja yang fleksibel. Kerajaan Selangor harus dipuji, Tuan Timbalan Speaker, kerana mencatat sejarah apabila buat julung kalinya, dua orang hakim wanita telah dilantik sebagai hakim wanita, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di Malaysia. Namun ramai lagi kaum hawa berharap Kerajaan Selangor boleh melakukan lebih banyak untuk memperkasakan kaum wanita. Maka sudah sampai waktunya, di mana dasar kerajaan tentang pemerkasaan kaum wanita perlu dimaktubkan dalam peruntukan undang-undang. Dan sudah sampainya kita perlu memastikan isu-isu seperti bilik menyusu, seperti kemudahan taska dan tadika ini di tempat kerja, ia dijadikan sebagai syarat-syarat mandatori. Daripada segi undang-undang yang perlu, bukan sahaja dipatuhi oleh pihak kerajaan tapi juga sektor swasta. Dan menjadikannya sebagai sebahagian peruntukan undang-undang. Kerajaan Selangor juga harus mengambil langkah tegas untuk membantu bekas isteri mendapat bayaran alimoni mereka tepat pada waktunya oleh bekas suami. Tindakan undang-undang mesti diambil terhadap bekas suami yang gagal. Kerajaan tidak boleh menolak tanggungjawabnya dalam hal ini kerana hal ehwal wanita merupakan sebahagian daripada senarai bersama Jadual Ke 9 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin beralih kepada Inisiatif Peduli Rakyat yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa, tahun lepas. Ia tepat pada waktunya kerana ia mampu mengatasi beberapa kekurangan terhadap program merakyatkan ekonomi Selangor yang dilancarkan sejak tahun 2008. Kini, kita ada Skim Peduli Sihat, Skim Peduli Siswa, Program Dialisis Rakyat, Hijrah, Skim *Smart Saver* dan Bas Percuma *Smart Selangor* dan sebagainya. Tujuannya adalah untuk membina Selangor yang bersih, indah, aman, makmur dan sejahtera. Tapi kita juga menghadapi banyak kekurangan. Contohnya, Tuan Timbalan Speaker, aduan lubang jalan melalui aplikasi waze. Walaupun cara membuat aduan sudah dipermudahkan tapi penyelesaian masalah masih sebenarnya masih bergantung pada kecekapan dan prestasi penjawat awam. Iaitu sekiranya penjawat awam itu tidak bergerak, masalah itu tidak akan diatasi, walaupun secara waze. Seterusnya saya ingin menyebut tentang rumah mampu milik dan saya ingin membangkitkan satu isu ataupun cadangan yang pernah saya bangkitkan sebelum ini iaitu *reverse privatization*. Apakah salahnya kalau Kerajaan Selangor melalui PKNS ataupun DEIG, kalau boleh menjalankan *reverse privatization* swasta yang mempunyai *land bank* yang banyak untuk membina lebih banyak rumah mampu milik di Petaling Jaya supaya kita boleh membina rumah yang mencukupi untuk kaum-kaum belia. Isu ini pernah dibangkit tapi masih belum terima apa-apa maklum balas.

## **29 MAC 2017 (RABU)**

Seterusnya Tuan Timbalan Speaker, cukai tanah dan premium. Di peringkat Lembaga Pelabuhan Klang, sebanyak RM32 juta yang masih belum dibayar kepada Kerajaan Negeri Selangor setakat tahun 2015. Laporan tahunan PKA Port Klang Authority Tahun 2015 mengatakan bahawa bayaran akan dibuat setelah mengambil kira peruntukan dalam perkara 85 (2) Perlembagaan Persekutuan. Difahamkan bahawa rundingan masih berjalan. Soalan saya, bilakah rundingan ini akan dimuktamadkan? Bilakah bayaran akan dibuat? Dan apakah yang boleh dilakukan oleh kerajaan Selangor kalau rundingan itu gagal dan bayaran tidak dibuat? Soalan saya. Saya mohon jawapan daripada eksekutif.

Seterusnya isu perancangan bandar di Selangor. Pertama isu, High Speed Rail KL Klang, KL Singapore. Adakah benar bahawa permintaan kerajaan Selangor untuk membina perhentian di Selangor ditolak oleh Kerajaan Persekutuan. Kampung Tunku mohon jawapan. Kedua berkenaan East Coast Rail Link (ECRL). Apakah penglibatan Kerajaan Selangor dalam projek mega ini. Ketiga, adakah tidak mungkin untuk kerajaan berkenaan dengan pembinaan hospital swasta di tanah SS10, di tanah mantan tapak kontena *Cernotis*, Petaling Jaya. Saya memohon jawapan daripada Menteri Besar terhadap situasi terkini. Saya kira ia perlu dilakukan. Tanah boleh di rizab walaupun pembeli tanah tersebut tidak dapat mengambil alih tanah tersebut atas sebab kos. Tapi rizab tanah itu boleh dilakukan. Dan saya boleh, perizaban tanah itu boleh dilakukan. Saya mohon jawapan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Tuan Timbalan Speaker seperti perbahasan Sekinchan yang lepas, semalam, tidak lengkap kalau tidak menyentuh tentang isu pertanian ataupun isu pelancongan. Jadi kebiasaan perbahasan Kampung Tunku tidak lengkap juga, kalau tidak menyentuh Institusi Dewan Negeri Selangor yang telah disentuh dalam titah ucapan Sultan Selangor iaitu Institusi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Tuan Timbalan Speaker, Dewan Negeri Selangor bukan *rubber stamp* semata-mata, oleh itu ADUN harus diberi peluang secukup-cukupnya sesuatu rang undang-undang tanpa paksaan. Saya difahamkan masih ada sesetengah GLC yang masih belum dapat dipanggil untuk memberi keterangan di JP ABAS, sedangkan GLC, GLC ini ditubuhkan melalui enakmen yang diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Dan mereka mendapat suntikan tanah daripada Kerajaan dan telah beberapa kali telah di audit oleh Jabatan Audit Negara. Saya kira Yang Berhormat dari Hulu Kelang, jiran saya, boleh memberi pencerahan yang lebih banyak dalam isu ini. Selain itu, Tuan Timbalan Speaker, harus juga diingat bahawa eksekutif mesti menjawab semua soalan bertulis dan lisan oleh ADN yang ada di dalam Dewan yang mulia ini. Dan pagi ini saya rasa amat berterima kasih kepada Speaker, kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Yang Berhormat dari Seri Muda kerana telah membekalkan begitu banyak jawapan kepada soalan yang saya tanya di dalam Dewan yang mulia ini. Saya

berharap prestasi ini boleh dikekalkan dalam sidang-sidang Dewan yang akan datang. Dan saya memohon supaya isu bukan saja kali ini. Semua soalan, semua Ahli Dewan, baik pembangkang ataupun kerajaan, dijawab. Walaupun isu itu barangkali telah pun dijawab dalam bentuk yang lain sepanjang sesi Dewan.

Satu lagi saranan terakhir iaitu berkenaan dengan belanjawan, iaitu tentang pembentangan, saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, memandangkan sidang kedua pada pertengahan tahun ini, kerana tidak ada perbelanjaan tambahan dan barangkali kita pun tidak ada rang undang-undang tambahan, maka saya memohon kepada Kerajaan, mungkin kita boleh mempertimbangkan. Kalau ada *mid term review*. Kalau kita kira apa yang berlaku di peringkat Kerajaan Persekutuan, rancangan Malaysia ke lapan, ke sembilan, ke sepuluh, dan ke sebelas, ada *mid term review*. Kita barangkali pun boleh mengadakan bahawa *mid term review* terhadap belanjawan tahun 2017 yang dibentangkan pada akhir tahun 2016. *Mid term review* diadakan pada tahun, pertengahan tahun 2017 dan kita boleh melihat kembali apa yang telah kita laksanakan untuk setengah tahun yang lepas. Dan kita memastikan bahawa segala perancangan untuk separuh tahun 2017, dapat dilaksanakan dengan baik sekali. Jadi itu adalah cadangan saya untuk memperkasakan Dewan yang mulia ini sebagai, Dewan ataupun platform yang tersohor untuk Ahli Dewan Negeri untuk membahaskan isu-isu di dalam Dewan dengan ataupun berkaitan rakyat negeri Selangor ini. Jadi itulah apa yang saya ingin sampaikan pada perbahasan usul ini. Dan Kampung Tunku memohon menyokong. Pada seluruh Ahli Dewan Negeri Selangor. Itulah apa yang saya ingin mengatakan, janganlah saya dibenci walau berbeza politik. Tapi bencilah saya kalau saya mengambil rasuah. apa maksudnya. Iaitu hendaklah keadilan ditegakkan, walaupun langit akan runtuh. *Lets justice revel those heaven falls. Thank you.*

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Kampung Tunku. Saya akan persilakan Morib, selepas Morib, Kota Anggerik. Tidak lebih 15 minit. Sila.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Terima Kasih, Tuan Timbalan Speaker. Assalamualaikum salam sejahtera. Morib turut ingin mengambil bahagian Usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Timbalan Speaker, pertamanya, saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato; Menteri Besar kerana telah berjaya dalam pentadbiran beliau melaksanakan berbagai perkara yang memberikan kebaikan kepada rakyat, kepada Kerajaan Negeri Selangor, kepada rakyat Selangor. Dan di antara perkara yang terbaru yang telah kita laksanakan, walaupun telah disebut banyak pihak, banyak pembahas-pembahas, ADN-ADN, iaitu Skim Peduli Sihat yang mana telah diperuntukkan sebanyak RM125 juta dan Alhamdulillah, untuk di kawasan Morib kita

telah menerima kelulusan sebanyak 403 kad telah diterima. (TEPUK). Untuk rakyat menerima rawatan ini. Yang mana dikatakan skim ini adalah skim yang tidak memberikan manfaat kepada rakyat tetapi kita tahu, kita, apa yang telah dibentangkan, dijawab dalam soalan tadi oleh EXCO Kesihatan. Saya kira telah banyak memberikan banyak kebaikan kepada rakyat negeri Selangor. Iaitu satu-satunya di Selangor, terunggul di Malaysia. Walaupun dikatakan di Johor, di Selangor ini tiada satu pun hospital, di Johor ada banyak hospital, banyak KPJ di seluruh negara tetapi itu semua berbayar dan juga kita tidak semua, tidak semua rakyat Selangor, rakyat Selangor dapat menikmatinya. Dan Alhamdulillah, banyak perkara yang telah dilaksanakan Kerajaan Negeri Selangor daripada Air Percuma, Insentif Perkahwinan Belia dan semua yang telah kita laksanakan. Dan yang terbaru juga adalah Bas Percuma. Dan di dalam lawatan Dato' Menteri Besar ke Kuala Langat baru-baru ini, Dato' Teng Chang Khim memberikan maklum bahawa akan ada laluan kedua untuk di daerah Kuala Langat, tetapi hingga ke saat ini masih belum kita terima di mana laluan tersebut. Dan saya mencadangkan laluan itu adalah meliputi kawasan-kawasan pelancongan, melibatkan Pantai Morib, Pantai Kelanang, Bukit Jugra dan lain-lain lagi. Dan kampung-kampung yang berdekatan.

Seterusnya, adalah berkaitan dengan isu rumah terbengkalai, pembinaan terbengkalai yang terdapat di Kampung Tongkah di Morib, iaitu di Ladang Dusun Durian. Yang mana ini adalah projek yang lama dan ia bukanlah melibatkan pihak swasta yang gagal untuk melaksanakan projek ini kepada orang awam, tetapi ia melibatkan pada awal, pada tahun 2004, melibatkan Kerajaan Negeri juga. Dan harga rumah tersebut adalah RM35,000.00 untuk yang berukuran 20 x 55 kaki, RM65,000.00 untuk 20 x 65 kaki, dan RM80,000.00 untuk 20 x 70 kaki. Kalau kita mengikut kepada harga ini dan dalam keadaan harga semasa, tentulah pemaju yang bertanggungjawab agak sukar untuk melaksanakan, meneruskan projek ini. Dan, rumah-rumah ini ada terdapat 109 buah rumah, 109 orang bekas-bekas pekerja ladang di Ladang Dusun Durian. Dan, Alhamdulillah setakat ini Kerajaan Negeri telah berusaha, daripada YB Dr. Xavier, YB Ganabatirau, telah berusaha untuk melaksanakan projek ini dilaksanakan dengan lancar tetapi saya kira tanpa bantuan Kerajaan Negeri secara khusus untuk memberikan bantuan berbentuk subsidi setiap rumah mungkin memerlukan sekitar RM30,000.00 ataupun RM50,000.00 setiap unit, untuk kerajaan meneruskan projek ini. Mungkin melalui PKNS atau syarikat yang lain. Sebab, pendapat saya, syarikat yang sedia ada tidak mempunyai kemampuan untuk meneruskan projek ini. Yang mana, pada dua tahun lepas telah diberikan masa untuk mereka membayar premium, pembeli-pembeli membayar premium. Dan tanggungjawab itu seharusnya ditanggung oleh pihak pemaju. Dan tahun kedua juga yang akan tamat tempohnya sehingga bulan lima ini. Pemaju masih lagi gagal, jadi saya harapkan pihak Kerajaan Negeri mengambil serius. Dato' Menteri Besar akan mendapat satu pujian yang tinggi sekiranya dapat

melaksanakan, menyelesaikan masalah ini dengan sebaiknya kerana ia adalah melibatkan rakyat yang berpendapatan rendah.

Seterusnya adalah berkaitan dengan pelancongan, iaitu tadi, dalam soal jawab, EXCO Pelancongan telah menyatakan bahawa kita telah memperuntukkan RM2.5 juta setiap tahun untuk projek-projek di kawasan-kawasan pelancongan. Di kawasan DUN Morib, pada dua minggu lepas, kita telah diisytiharkan sebagai johan bagi Pertandingan Pantai Angkat Seluruh Selangor iaitu di Pantai Kelanang. Dan tentulah, lebih banyak kemudahan-kemudahan kita perlukan untuk menaiktaraf di Pantai Kelanang ini. Setiap tahun, saya tahu, pihak EXCO Pelancongan ada menurunkan pelbagai bajet, yang saya kira telah dapat menaiktaraf di Pantai Morib, di Pantai Kelanang juga. Tetapi khusus untuk kemudahan, saya ingat kemudahan pelancongan bukan setakat di tempat saya saja, tapi di semua tempat. Iaitu kemudahan tandas. Ya, kalau kita ada pantai yang cantik, kita ada gerai-gerai makanan yang enak-enak tetapi kalau kemudahan tandas kita begitu daif, ini akan memberikan imej yang buruk kepada pentadbiran. Rakyat akan bertanya, rakyat akan menuding jari kepada Kerajaan, rakyat akan menuding jari kepada pihak Majlis Perbandaran, rakyat akan menuding jari kepada ADN. Dan wakil rakyat. Jadi saya berharap pihak Kerajaan mengambil inisiatif khususnya di kawasan Pantai Morib. Kita ada dua kawasan yang berasingan, untuk rakyat menjadi tumpuan. Di satu tempat di pantai utama, telah wujud tandas, di tempat yang kedua, saya kira perlu dinaiktaraf. Dan juga di Pantai Kelanang, yang telah mendapat tumpuan daripada seluruh rakyat yang berdekatan, seluruh Selangor. Saya kira perlu untuk kita mewujudkan tandas yang lebih baik, tandas yang lebih selesa. Dan kita harapkan rakyat juga mengambil sikap yang positif, tidak melakukan vandalisme atau seumpamanya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Morib, Kampung Tunku minta bertanya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kampung Tunku ingin bertanya, kepada Yang Berhormat Morib, sama ada Yang Berhormat Morib sedar atau tidak, kalau mengikut tulisan Spencer Chapman ataupun Panglima ataupun pegawai tentera British semasa Zaman Perang Dunia Kedua yang menyatakan bahawa Pantai Morib sebenarnya merupakan satu tempat di mana pendaratan tentera-tentera British yang dianggotai oleh rejimen-rejimen daripada India, yang mendarat di Semenanjung Tanah Melayu selepas penyerahan kalah tentera Jepun. Dan ia merupakan satu tempat yang ada nilai-nilai istimewa dari segi sejarah, di situ, iaitu tempat di mana tentera British dari rejimen askar dari India mendarat di Pantai Morib dan sebagai tanda pemulihan ataupun kemunduran kuasa penjajah Jepun di Tanah Melayu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Soalannya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya minta pencelahan, sedar atau tidak.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Untuk makluman Kampung Tunku dan semua, kita di Pantai Morib, ada tugu pendaratan tentera tersebut. Memang pada waktu itu, lebih kurang 18,000 tentera telah mendarat di Morib. Dan berbagai-bagi

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tulisan Sir Spencer Chapman, *The Jungle Is Neutral*.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Ya. Seterusnya, adalah berkaitan dengan *Wifi* Selangorku. Tadi dimaklumkan terdapat 28, 28 tempat yang telah dibekalkan dengan *Wifi* Selangorku. Tetapi saya tidak maklum, walaupun satu tempat ada yang berfungsi dengan baik. Kalau tadi, Kota Anggerik pun ada sebut, ada 400, beliau pun tidak maklum. Jadi kita harapkan pihak EXCO dapat berikan maklumat yang terperinci dan kita harapkan prestasi, prestasi *Wifi* ini juga dapat diberikan dalam keadaan yang baik dan tidak lah macam semut. Kata orang.

Seterusnya adalah berkaitan dengan Bazar Darul Ehsan, di Kanchong Darat, yang mana kemudahan ini telah disiapkan sekitar tahun 2010, yang mana bazar ini tujuan asalnya adalah untuk pengumpulan bahan-bahan pengumpulan hasil-hasil pertanian di kawasan Banting, kawasan Kanchong Darat dan yang berdekatan. Tetapi kerana keadaan lokasinya yang tidak berapa, yang agak jauh daripada tumpuan orang ramai. maka pihak EXCO, sebenarnya telah dua kali. Melalui EXCO Usahawan, melalui EXCO Wanita, melalui PWB, telah, sebenarnya dah nak bergerak dah. Dah nak *launch*, dah nak mula berniaga. Tetapi kerana disebabkan terlalu jauh, segala kemudahan yang telah dibaikpulih, segala *aircond*, segala pintu tingkap, telah dicuri, telah dirosakkan. Jadi saya berharap pihak EXCO Usahawan akan dapat mempertimbangkan cadangan-cadangan daripada pihak saya, Pusat Khidmat DUN untuk kita teruskan usaha-usaha untuk memajukan di Bazar Darul Ehsan ini.

Yang seterusnya adalah berkaitan sekolah KAFA Integrasi Kampung Sawah, yang mana dalam program Kampungku Kesayanganku yang telah dilaksanakan oleh EXCO Agama, EXCO Kampung Tradisi, iaitu melawat beberapa tempat-tempat yang perlu di naiktaraf dan dibaikpulih. Antaranya adalah sekolah KAFA Integrasi Kampung Sawah. Perbelanjaan yang diperlukan agak tinggi. Sekitar mungkin mencecah RM100,000.00 lebih kurang. Jadi tentulah pihak DUN tidak dapat membantu secara terus kerana isu ini telah lama berlanjutan sejak tahun 2010 juga lagi. Jadi saya harapkan pihak EXCO Kampung Tradisi dapat *follow-up* dan juga mengambil perhatian untuk menaiktaraf keadaan pagar dan juga keadaan longkang yang hampir runtuh dan akan memberikan masalah kepada murid-murid yang mana ia akan melibatkan soal keselamatan juga.

Dan yang terakhir, tadi telah disebut tentang kemakmuran masjid, disebut oleh Meru, disebut oleh Sabak. Di Negeri Selangor ini adalah, telah kita adalah sebuah negeri yang telah memakmurkan, yang mempunyai program-program yang begitu yang memakmurkan masjid-masjid seluruh negeri Selangor. Dan kita harapkan perkara ini dapat diteruskan. Dan kerjasama politik di negeri Selangor ini adalah tidak ada masalah dalam isu-isu melibatkan agama Islam dan juga Islam terus makmur terus maju dalam perkara-perkara yang kita hajat dan kita hendak laksanakan. Dan yang terakhir, juga sedikit cadangan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga barisan EXCO, kita telah laksanakan pelbagai program, inisiatif rakyat dan antara yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah memberikan hadiah kepada tahfiz, pelajar-pelajar tahfiz secara *one-off*. Ini pun boleh dipertimbangkan, juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang, juga memberi bantuan *one-off* kepada nelayan, jadi memanglah kita telah memberikan pelbagai bantuan yang, pelbagai bantuan yang banyak kepada nelayan, tetapi katalah sebagai contoh kita ada di Kuala Langat ada lebih kurang 300 orang nelayan, sebagai contoh, tetapi yang mendapat bantuan tersebut, mungkin hanya sebilangan, sejak 2008 hingga sekarang mungkin yang menerima itu tidak sampai 100 orang. Jadi tidak semua nelayan yang mendapat bantuan secara khusus. Jadi saya kira, kita berharap Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk mewujudkan satu program berbentuk *one-off* kepada nelayan. Jadi, sekian terima kasih, kepada Tuan Timbalan Speaker. Dan saya menyokong Usul menyembah Ucapan Terima Kasih serta Menjunjung Kasih ke atas titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Morib. Penggunaan masa yang baik. Saya harap Kota Anggerik juga menggunakan masa yang baik, 15 minit.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Timbalan Speaker, terima kasih kesempatan yang diberikan kepada Kota Anggerik untuk sama-sama membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor. Saya tertarik dengan satu *statement* itu, ‘Sayugia, Beta mengingatkan ahli-ahli Dewan Negeri bahawa *Economic Fundamentals* bukan lagi tertumpu pada persoalan *Balance Of Payment* dan angka-angka ekonomi semata-mata tetapi asas ekonomi hari ini mestilah merangkumi integriti, ketelusan, urus tadbir yang baik dan institusi yang berwibawa. Tuan Speaker inilah kekuatan kerajaan Pakatan Selangor yang meletakan integriti sebagai asas kepada pentadbiran. Tahniah kepada Dato’ Menteri Besar dan Barisan EXCO dan seluruh pegawai kerajaan yang berpegang kepada prinsip ini yang menjadikan Selangor unggul dalam menguruskan kewangan Negeri dan akhirnya rakyat Selangor menikmati berbagai-bagai kemudahan kebajikan kerana sumber negeri ini diurus dengan baik. Kita harapkan supaya semua kakitangan awam faham bahawa inilah asas bagi Negeri Selangor yang meletakkan integriti ketulusan dalam urusan

tadbir dan kalau boleh semua peringkat melaksanakan dasar ini. Jangan kita mengikut seperti berlaku baru-baru ini sebuah agensi kerajaan pusat yang diberi amanah untuk menjaga kepentingan Melayu telah menyelewengkan peruntukan untuk Uni KL. Pengerusinya dilucutkan jawatan kerana salah guna perbelanjaan sepatutnya untuk pelajar-pelajar Uni KL tetapi menaja Persatuan Bola Sepak Kelantan. Sekinchan penggerusi MARA, DAP ke UMNO, UMNO bukan DAP.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** UMNO.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Bukan DAP, jadi yang tipu MARA ini ialah pengerusinya UMNO dan dia adalah Ketua Penerangan UMNO Malaysia. Jadi inilah yang menipu orang Melayu, pemimpin Melayu sendiri bukan pemimpin yang bukan Melayu. Yang keduanya ialah FELDA, pengerusinya juga yang baru diakui ada kehilangan wang sebanyak 4 bilion kerana salah urusan orang yang telah didapati bersalah oleh UMNO kerana rasuah ketika kehilangan parti menjadi penggerusi FELDA. Akibatnya FELDA hampir bankrap. Jadi inilah kita nak beritahu bahawa kepada Kerajaan Negeri supaya soal integriti dan ketulusan ini tidak boleh kita kompromi siapa-siapa pun bahkan ini teras kepercayaan rakyat Selangor kepada Kerajaan Negeri yang menjadi kekuatan kepada pentadbiran Negeri Selangor yang hari ini 62 peratus rakyat Selangor berpuas hati dengan dasar-dasar Kerajaan Negeri. Tahniah kepada Menteri Besar di atas kesungguhan untuk meneruskan sifat integriti seperti mana yang telah dijelaskan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kalau belajar, belajar dengan Selangor, itulah kita punya keyakinan seandainya Putrajaya diserahkan kepada kita, kita akan uruskan dengan baik dan pastikan bahawa soal integriti ini menjadi teras tiada siapa yang dilindungi baik Perdana Menteri ataupun mana-mana menteri-menteri. Akhirnya rakyat yang akan mendapat keuntungan. Baru-baru ini ada pelajar dari Uni KL datang ke pejabat terpaksa bekerja, terpaksa dua kerja kerana *loan* tahun lepas tidak dibayarnya. Belum bayar lagi terpaksa kerja untuk menyara untuk belajar, bukan dia seorang tapi ramai pelajar-pelajar Giat Mara ditangguhkan untuk mendapat '*loannya*' kerana pemimpin MARA sendiri sudah hilang soal integriti. *Point* kedua saya ialah sebagai ADN Kota Anggerik saya bangga dengan kejayaan yang dicapai oleh Shah Alam. Banyak isu-isu yang menaikkan telah pun diselesaikan. Cuma baru-baru ini keluar dalam Sinar Harian 10 bandar terbersih dalam dunia. Saya mengharapkan tersenarai Shah Alam sebagai bandar terbersih dalam dunia. Tentulah dalam soalan saya apakah rancangan MBSA dalam masa 5 tahun untuk menjadikan bandar raya Shah Alam ini sebagai top 20 paling bersih dalam dunia. Saya sempat ketemu dengan Datuk Bandar Bandung ketika dia melawat ke Shah Alam kerana merasmikan sebuah restoran di Shah Alam. Saya tanya dia wah bapak kok begitu bekerja keras sekali pak. Dia kata ya maklum saja kerana pemilihan Datuk Bandar Bandung itu melalui pemilihan rakyat. Kalau prestasinya tidak bagus gak mungkin saya disambung semula katanya.

Maknanya saat Datuk Bandar tidak bagus prestasinya rakyat akan menilai sebab itulah kita kena berani buat ‘*reform*’ kenapa Menteri Besar, EXCO, wakil rakyat kerja kuat sebab kita dinilai oleh rakyat. Seandainya kita tidak *perform* rakyat tidak akan sokong kita lagi. Sebab itulah pagi-pagi lagi Menteri Besar, saya sampai dia sampai dulu dah kayuh basikal ke Kuala Selangor dah, tengok kawasan kebersihan di Kuala Selangor. Bila sampai ke Hulu Langat, Menteri Besar sampai dulu ADUN datang kemudian Menteri Besar dah ‘*check*’ kawasan Hulu Langat sebab Menteri Besar dipilih oleh rakyat. EXCO dipilih oleh rakyat, kalau berani kita buat ‘*reform*’ Dato’ Bandar, YDP dipilih oleh rakyat, dinilai oleh rakyat 5 tahun sekali. Pastilah Dato’ Bandar akan bekerja 14 jam sehari. Kalau saya Dato’ Bandarnya sesudah subuh sudah bekerja nak pastikan kebersihan Shah Alam dan kita nak pastikan bahawa Shah Alam dalam masa 5 tahun jadi bandar terbersih antara terbersih dalam dunia. Kalau Singapura boleh bersih sana Melayu sini pun Melayu, sana Cina sini pun Cina, sana India sini pun India kenapa mereka boleh bersih tetapi bandar-bandar di Selangor tidak boleh bersih. Jadi apakah sistemnya yang perlu kita perbaiki mungkin dengan seandainya Dato’ Bandar dipilih oleh rakyat, dinilai oleh rakyat 4 tahun sekali mungkin kita boleh tingkatkan tahap kebersihan bandar-bandar di Negeri Selangor. *Point* ketiga saya ialah saya dapati di Selangor tiada pulau pelancongan, di Perak ada Pangkor, Kedah ada Tioman. Saya naik basikal sampai tujuh jambatan di Pulau Ketam.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Maknanya tak betullah fakta itu, ada pulaunya, sekarang sudah tambah lagi 4 botnya.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya dapati antara pulau yang cantik, yang masih cantik, masih *fresh* ialah Pulau Indah. Saya cadangkan tadi pada EXCO supaya Pulau Indah di *upgrade* menjadi Pulau Pelancongan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta laluan sedikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, apa Yang Berhormat Kota Anggerik katakan tiada pulau yang indah, yang cantik tapi adakah Yang Berhormat Kota Anggerik pernah pergi ke *sky mirror* berdekatan dengan Pulau Angsa di situlah menjadi tarikan sekarang ini, panas pelancong-pelancong China. Boleh pergi teliti.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya sudah tujuh kali buat lawatan ke Sekinchan tetapi belum ke *sky mirror*, tengok gambar-gambar di *sky mirror* memang sangat cantik. Cuma saya cadangkan ialah Selangor kena ada satu pulau yang cantik untuk pelancongan dan saya dapati Pulau Indah punya ciri-ciri untuk jadi pulau

## **29 MAC 2017 (RABU)**

pelancongan yang baik. Saya mencadangkan Central Spektrum Dato' EXCO supaya lit bukan hanya menumpu kepada industri ada sebahagian kawasan boleh buat hotel yang menarik, *resort-resort* yang cantik supaya kita boleh sekalian Pulau Indah dengan Pelabuhannya. Ada pantai yang jernih itu sebagai kawasan pelancongan dan boleh belajar dengan Sekinchan. Saya hairan kenapa pelancong melangkah Tanjong Karang singgah Sekinchan kenapa tidak Tanjong Karang. Dia boleh langkah Tanjong Karang tetapi pelancong-pelancong kagum dengan Sekinchan. Sekinchan bolehlah tolong Pelabuhan Klang macam mana kita nak jadikan Pulau Indah itu sebagai satu Pulau yang cantik. Mungkin pengalaman Dato' Menteri Besar, orang korporat untuk kita *upgrade facilities* cuma jalannya hancur, Pulau Indah pun jalannya teruk. Baru ini AJK saya buat program di situ pecah dua tayar di Pulau Indah, jadi saya cadangkan supaya pemaju Central Spektrum ini tidak hanya fokus kepada industri tetapi membangunkan Pulau Indah sebagai pulau pelancongan dan banyak program-program Kerajaan Negeri ke Pulau Indah. Saya difahamkan Almarhum Tuanku dahulu dia suka pergi ke Pulau Indah. Dan seterusnya ialah saya menyokong penuh usul Kerajaan Negeri mewujudkan Institut Wanita Berdaya suatu inisiatif baru Kerajaan Negeri untuk memperdaya wanita. Memang Kota Anggerik ini terkenal dengan EXCO dan sekarang ADN yang sangat mesra wanita. Jadi memang kalau boleh program-program ini supaya dapat dibangunkan keupayaan wanita saya bangga hari ini kita ada dua YDP wanita, seorang DO wanita. Sebelum 2008 tiada, zaman kita iaitu sepatutnya Yang Berhormat daripada Hulu Bernam sokong Kerajaan Negeri. Sebab kita naik taraf wanita, yang saya bangga ialah hari ini yang mengetuai PKNS wanita. Bila ambil piala PKNS itu saya dapati dia punya Presiden Bola Sepak PKNS wanita mengalahkan Presidennya yang EXCO. Maknanya wanita memimpin Bola Sepak boleh masuk ke peringkat yang lebih baik. Jadi cuba saya lihat untuk hubungan keluarga saya dapati banyak masalah keluarga yang perlu diperbaiki sebab banyak pertemuan-pertemuan di dalam pejabat saya yang menjadi mangsa perceraian ialah wanita. Jumlah perceraian di Negeri Selangor meningkat 6,000 lebih dan mangsanya ialah wanita. 4,500 anak-anak luar nikah Islam berdaftar pasti ibu yang mengandung adalah wanita. Apakah nasib mereka ini dibela oleh Kerajaan Negeri? dan.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ya

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Kota Damansara.

**29 MAC 2017 (RABU)**

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Minta sedikit penjelasan daripada Kota Anggerik ini. Apakah faktor utama berlakunya perceraian ini?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya tidak dapat bentangkan statistik yang jelas di sini cuma bagi saya pegangan agama mereka agak longgar yang menjadikan masalah ini meningkat begitu tinggi. Cuma Institut Wanita Berdaya ini kena mengkaji agar peruntukan mengkaji supaya dapat kita bantu wanita-wanita ini supaya mereka dapat dipertingkatkan. Saya pernah cadangkan dalam dewan ini bagi insentif kepada mereka yang mampu supaya nak ambil ibu-ibu tunggal ini tetapi dewan ini telah menolak jadi tidak dipersetujui. Jadi esok Institut Wanita Berdaya ini supaya diperdayakan lagi supaya program-program wanita ini dapat dipertingkatkan supaya daya saing dan keyakinan mereka terus dimajukan. Hari ini 1 Rejab lepas Rejab ialah Syaaban lepas Syaaban, Ramadhan biasanya dalam bulan Ramadhan Kerajaan akan umumkan bonus raya jadi kali ini jangan sampai kita jatuh standard tahun lepas Menteri Besar umumkan sebulan setengah bonus raya jadi kitakekalkan standard kita jangan turun kalau tidak boleh sama kita naik. Jadi saya rasa Kerajaan Negeri kakitangan kerajaan ini sangat-sangat mendukung kita, semua polisi-polisi kerajaan berjalan dengan baik. Jadi saya rasa Kerajaan Negeri pastikan standard Selangor ini tinggi jangan diturunkan. Saya hari ini memang cukup menghormati waktu yang ada, Tuan Speaker terima kasih. Saya menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya persilakan Kota Damansara, dan lepas Kota Damansara bagi Seri Serdang, 15 minit.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh salam sejahtera, salam negara ku Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Boleh saya mencelah sedikit.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Belum lagi baru mukadimah Sekinchan, nak tanya apa.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tadi salam itu satu Malaysia, hilang ke dah lupa ke atau disimpan.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Itu terus apa masalah, ingatan tidak hilang saya masih belum hilang lagi ingatan seperti mana yang

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat masa sangat pendek.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih terlebih dahulu saya nak rakamkan terima kasih kerana Kota Damansara diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam ucapan dalam perbahasan mesyuarat pertama persidangan penggal kelima Dewan Negeri Selangor ketiga belas tahun 2017. Ada beberapa isu di kawasan yang ingin saya kemukakan iaitu pagi tadi saya pun dah maklumkan tapi rakyat saya kata minta lah dikemukakan juga dalam Sidang Dewan ini bahawa Kota Damansara pagi tadi dikejutkan dengan berita iaitu sebanyak 30 gerai telah dirobohkan di Kampung Melayu Subang Tambahan kerana kawasan mereka terlibat dengan pembinaan lebuh raya mereka faham peniaga-peniaga itu juga faham bahawa mereka perlu pindah kerana tanah yang mereka gunakan itu adalah tanah Kerajaan Negeri tetapi mereka telah bermula berbelas tahun di kawasan tersebut dan itu lah sebenarnya mata pencarian mereka jadi mereka memohon supaya saya membawa rayuan mereka supaya Kerajaan Negeri mengambil berat masalah mereka supaya tapak meniaga mereka itu digantikan atau diberi lahan peluang kepada mereka untuk mereka bermula di gerai yang boleh di elocate kan oleh kerajaan Negeri.

Dan ini adalah rayuan yang mereka buat kepada saya melalui *whatsapp* jadi saya .. eeh sekarang dah zaman canggih, ialah kan itu macam pelik sangat Sekinchan ni, macam Sekinchan datang daripada hulu la, memang hulu la pun Sekinchan datang dari hulu la Sekinchan minta maaf la Sekinchan betul nama pun dah Sekinchan apa makna pun tak tahu. Ok, jadi itu lah dia permasalahan pertama yang saya kemukakan yang kedua nya, masyarakat yang tinggal di kampung Subang di mana merangkumi keseluruhan kampung Melayu Subang mereka memohon untuk meluaskan tapak perkuburan di mana surat telah diperolehi daripada Majlis Bandar raya Shah Alam, perkuburan tapak seluas 33.70 ekar di mana lokasi tapaknya adalah di no.8, Jalan Meteor U16/53 di kawasan Elmina adalah lokasi tapak perkuburan di mana Majlis Bandar raya Shah Alam telah memberi surat kelulusan tetapi masalahnya sekarang pihak JAIS pula kata belum lulus jadi penduduk di sana memerlukan jawapan yang cepat disebabkan sekarang ini tapak kubur yang sedia ada di mana digunakan oleh semua penduduk kampung Melayu Subang itu, adalah merupakan tapak wakaf sebanyak 4 ekar hampir-hampir penuh dan waktu ini pula bukan sahaja penduduk kampung Subang sahaja menggunakan tapak kubur itu tetapi penduduk di sekitar Subang Bestari juga telah menggunakan tapak tersebut jadi saya nak minta kepada kerajaan kalau boleh ambil perhatian terhadap perkara ini dan kalau boleh dipercepatkan proses kelulusan tapak kubur tersebut.

Perkara ketiga yang ingin saya bangkitkan iaitu, semalam Seri Andalas ada sebut katanya Klinik 1Malaysia ini adalah klinik panadol. Saya rasa sedih lah sebab setahu saya Klinik 1Malaysia ini lah merupakan klinik di mana ramai di antara masyarakat dan

juga penduduk setempat menggunakan klinik ini untuk mereka yang tidak sihat mengambil ubat yang tak perlu bayar banyak pun hanya seringgit sahaja untuk maklumat Kerajaan Negeri Klinik 1Malaysia kalau di Selangor ini jumlahnya ada sebanyak 45 unit keseluruhannya dan untuk makluman Kerajaan Negeri Klinik 1Malaysia yang berada di Selangor ini pada tahun 2016 pesakit-pesakit yang mengunjungi klinik ini adalah sebanyak 896,391 orang mereka ini adalah terdiri daripada mereka-mereka yang tidak mampu sama ada pergi ke klinik swasta atau pun beli ubat farmasi-farmasi. Dan untuk makluman juga klinik ini sebenarnya ditubuhkan pada asalnya adalah untuk menyediakan rawatan perubatan ringin kepada penduduk-penduduk setempat di mana kalau penduduk ini mempunyai demam, batuk, atau selesema jadi mereka boleh pergi ke klinik ini, sebab itu klinik ini hanya ada jururawat dan pembantu perubatan sahaja ini kena faham kerana saya rasa Seri Andalas dia tak faham banyak kali juga dia tak faham saya tengok mungkin dia tak faham kalau nak ikut pada bahasa dia pandai pulak berbahasa tetapi mungkin tak faham kan. Ijok pun tak faham tapi tak per la, dia tak faham jadi ini lah saya nak bagi kefahaman dan perkhidmatan yang diberikan oleh Klinik 1Malaysia ini beroperasi daripada 10 pagi sampai 10 malam lama operasinya. Jadi saya rata-rata saya lihat penubuhan Klinik 1Malaysia ini disukai oleh semua penduduk-penduduk yang di mana yang kita letak kan klinik di tempat yang strategi di mana senyum pulak Menteri Besar macam dia tak percaya macam dia tak setuju, tak setuju nampaknya la kan tetapi ia nya diletakkan di lokasi-lokasi tertentu di mana kawasan itu adalah merupakan kawasan di mana penduduknya memang memerlukan perkhidmatan Klinik 1Malaysia ini. Nanti saya *whatsapp detail* kepada Menteri Besar kalau untuk 1Malaysia lagi banyak lah, jadi untuk Selangor ini kita akan tambah perkhidmatan Klinik 1Malaysia di beberapa kawasan lagi sebab memang ada permintaan.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ok satu lagi,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tanjung Sepat ingin bertanya

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sempat lagi kan, ok

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Tanjung Sepat

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Timbalan Speaker dan juga Yang Berhormat Kota Damansara saya nak tanya sikit tentang permintaan daripada pesakit untuk hadir melawat ke Klinik 1Malaysia bole tak Kota Damansara menyatakan berapa secara purata jumlah pesakit yang hadir atau pun yang mendapat rawatan di Klinik 1Malaysia

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tadi kan saya dah sebut jumlah keseluruhan tapi saya tak ada la *figure* terperinci tak sempat pun nak minta tadi, kalau nak saya boleh *whatsapp* juga kepada you jumlah keseluruhan tahun 2016

## **29 MAC 2017 (RABU)**

adalah 896,391 ada kalkulator tak *divide* la by 45 unit itu la anggaran satu unit itu berapa cuba kira minta tolong saya, ini nak tahu juga tak boleh nak bayangkan bagi tahu 2017 untuk Januari dan Februari ya Menteri Besar senyum lagi adalah sebanyak 50,570 bermakna kalau bahagi dua tu senang la saya nak kirakan 19,900 untuk satu unit, ini anggaran purata ada lagi soalan, ok.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Meru tanya,

**Y.B. DATUK HALIMANTON SAADIAH BINTI BOHAN:** Silakan

Saya nak tanya sikit, terima kasih Timbalan Speaker dan Kota Damansara, saya tadi bagi tahu ini Klinik 1Malaysia untuk orang yang sakit lah, Alhamdulillah bagus tapi tahu tak Kota Damansara dekat Meru Klinik 1Malaysia ini (*Orak Eneng Bahasa Jawa*) tak ada kena mohon ker?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Kota Damansara

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Kalau *Orak Eneng Bahasa Jawa* buat la surat buat la buat la permohonan hantar kepada Jabatan (mencelah) belum jawab lagi, ini tak main *whatsapp*s dia kena ada hitam putih sekurang-kurangnya.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Kota Damansara, saya nak bertanya dengan Kota Damasara sama da Kota Damansara sedar bahawa pengoperasian klinik perkhidmatan kesihatan perlu dioperasikan oleh seorang doktor seperti mana yang dikenakan kepada klinik-klinik swasta atau ini kah amalan *double standard* yang dilakukan oleh kerajaan yang memerintah di Malaysia pada hari ini.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** ialah EXCO ini kan saya dah kata tadi dia kan rawatan perubatan ringan kepada penduduk setempat kalau setakat batuk, kalau kadang-kadang kita pun setakat batuk kita pergi farmasi beli ubat batuk cap apa tu, Ibu dan Anak mana nampak sangat ketidakpandaian mana ada cap Ayam, cap Ayam tahu apa cap Ayam, Sardin ya cap Ayam itu lah kadang-kadang cakap-cakap tak guna akal dan fikiran, betul tak setakat batuk kalau selesema kalau kita selalunya pergi mana pergi farmasi beli... pandai pula ada juga yang tak pandai rupanya.

**YB DATUK HALIMANTON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ada lagi soalan. Tanya pula soalan macam aku ni EXCO pulak.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Ya Sungai Pinang, mahu bertanya

**YB DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Timbalan Speaker saya cuma nak ingatkan kalau ikut Peraturan Tetap 31(61) soalan itu hendaklah mengehadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sekarang ini apa yang dibangkitkan itu tidak ada dalam titah ucapan Tuanku pertama, kedua Klinik 1Malaysia itu ia di bawah

Kementerian Kesihatan itu patut di bincang di Parlimen di sini kita bincangkan Peduli Sihat, Peduli Sihat klinik yang terlibat satu ribu, satu Selangor tapi Klinik 1Malaysia 45 sahaja kalau nak bagi satu kawasan pun tak ada kita ada 56 kerusi 56 kawasan tak cukup sekarang pun gajah besar di Selangor kita nampak semua kecil kat Putrajaya 10 minit. Tolong balik lah ke Selangor jangan pergi sampai ke Putrajaya bertapak di sini, Kota Damasara.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damasara

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Kena faham bahawa

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tinggal satu minit setengah

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Oklah saya habiskan ada benda yang saya nak bawa, tapi tak apa lah, kena faham bahawa saya nak menyatakan bahawa semalam Seri Andalas kata Klinik 1Malaysia Klinik Panadol, *which is* tak betul la klinik ini sebenarnya adalah klinik untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat yang tidak berkemampuan itu yang saya nak sampaikan sebab itu saya *emphasized* kat sini hari ini. Apa dia?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik minta penjelasan

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Dekat sini saya nak menjelaskan sebab kacau masa dah habis 1 minit, nampak, ada tambahan tak?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya sini ada, sini ada Sekinchan

**Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI:** Bagi la peluang Kota Anggerik

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Damansara nak beri perkhidmatan yang terbaik di klinik1Malaysia perlu disediakan *long term* kalau tidak macam mana nak bagi perkhidmatan terbaik ayat itu salah, memesongkan dewan

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sakit ringan, kan saya dah kata Pembantu Kesihatan ada dia pun boleh nak *diagnose* dia kata setakat deman, setakat batuk biasa dan setakat selesema biasa tak ada masalah pun tetapi sekiranya pesakit-pesakit ini didapati dia punya penyakit tak boleh nak beri ubat biasa mereka ini akan dinasihatkan suruh pergi ke hospital lah. Ini kena faham kadang-kadang tak faham

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara saya tak bagi yang lain, minta habiskan ada lagi 1 minit

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Allah 1 minit, jadi saya nak memohon kepada Kerajaan Negeri juga bahawa satu isu yang amat besar juga yang berlaku di Sungai Pelempas, di Kampung Melayu Subang di mana peruntukan

sebanyak RM21 juta untuk menaik taraf sungai tersebut di kampung Melayu Subang tetapi saya tengok dalam *signboard* yang diletak di kampung Melayu dia tak sebut Sungai Pelampas, dia sebut Sungai Seri Damansara apa yang terjadi saya dah bangkitkan juga dalam sidang Dewan yang lepas bahawa naik taraf sungai tersebut telah tergenda seketika dan sekarang telah dilaksanakan semula, cuma apa yang menjadi kemesyikilan bagi pihak penduduk di sana sepatutnya untuk mengelakkan banjir, sungai itu sepatutnya dibersihkan dan dipastikan supaya sungai itu didalamkan supaya apabila air hujan, airnya tidak sampai ke taraf, apa kita panggil itu, sepatutnya tetapi apa yang dilakukan sekarang ini kontraktor menjalankan membuat pengadang terlalu tinggi di sepanjang sungai tersebut. Jadi penduduk bertanya kepada saya, saya tak boleh jawab. Dia kata apa fungsi pengadang kita panggil *wall* tau, *divider wall* yang terlalu tinggi sepanjang-panjang sungai di Perlempas itu. Jadi saya tak nampak apakah tujuan untuk hendak diletakkan kita panggil *retaining wall* la kot. Sepanjang-panjang sungai itu dan kalaulah sekiranya terjadi banjir, saya tak nampak kita boleh tahu apa yang berlaku di dalam sungai itu, jadi saya hendak mintalah sangat kepada Kerajaan Negeri Selangor, kalau boleh bagilah maklum balas kenapa kerja-kerja yang sepatutnya dijalankan untuk memastikan pembersihan dilakukan dan mendalamkan sungai itu tidak berlaku seperti yang telah dimasukkan dalam spesifikasi Sungai Perlempas itu, itu sahaja, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Kota Damansara, saya persilakan Seri Serdang dan selepas itu Pelabuhan Klang, silakan.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Timbalan Speaker. Seri Serdang akan mengambil bahagian untuk berbahas untuk tajuk yang tertentu untuk kemakmuran di Negeri Selangor dan Seri Serdang khasnya. Anak burung berlari-lari, sambil berlari terus terjerat, Seri Serdang mohon berdiri untuk berhujah demi rakyat. Terima kasih kepada EXCO Pendidikan, memberi peruntukan sekolah agama, Sekolah Kebangsaan Cina dan Sekolah Kebangsaan Tamil tapi untuk mempertingkatkan prestasi di pendidikan Seri Serdang ingin menyarankan untuk menambah peruntukan kepada Sekolah-sekolah Agama Menengah Persendirian. Di mana 23 buah sekolah SAM tidak akan bertambah lagi dan kita memohon mana-mana tempat yang kosong dan kita mengesyorkan supaya mempertingkatkan dan memperbanyak Sekolah Agama Menengah Persendirian. Ini untuk menjaga prestasi sekolah agama di peringkat Negeri Selangor. Tahniah juga kepada EXCO Pendidikan yang mengurus tuisyen rakyat dan tahun ini berbeza dari tahun-tahun yang lepas iaitu nota-nota yang telah diberi kepada setiap DUN tetapi untuk tahun ini setiap DUN menyediakan sendiri untuk nota-nota tuisyen rakyat tingkatan 5, 4 subjek teras. Seri Serdang ingin menyarankan bahawa tuisyen rakyat ini bermula daripada 2009 dan sehingga hari ini dan memohon supaya kerajaan memikirkan eluan KPMI yang terus dibayar tidak sampai 12 bulan. Jadi Seri

Serdang ingin menyarankan membayar elaun KPMI dari Januari hingga Disember setiap tahun. Begitu juga dengan elaun guru yang dibayar lewat dan Seri Serdang mengharapkan supaya tarikh pembayaran itu disamakan seperti kepada penjawat-penjawat awam, begitu juga dengan PWB.

Berkenaan dengan PWB, alhamdulillahlah dan terima kasih kepada EXCO yang menjaga wanita dan hari ini wanita bangun. Berbagai-bagai agensi wanita kita bangun dan menyedari bahawa hakikat pentingnya wanita dalam pentadbiran dan tahniah untuk mengadakan Institut Wanita Berdaya yang akan tak lama lagi. Seri Serdang ingin menyarankan agar Institut Wanita Berdaya ini diperkenalkan di seluruh hak Adun supaya mereka tahu asas dan terasnya di mana kedudukan Institut Wanita Berdaya ini. Begitu juga dasar-dasar yang telah dibuat dan disepakati untuk dikaji sebaiknya sebelum kita membuat sesuatu perancangan.

Berkenaan dengan tuisyen *online*, Seri Serdang ingin menyarankan kepada EXCO Pendidikan apabila pagi tadi disebut Seri Serdang, Puchong kawasan membangun, betul tidak dinafikan Puchong memang membangun. Tetapi dalam keadaan pembangunan inilah perlunya *wiFi*, kalau tidak ada *wiFi* bagaimana pelajar-pelajar kita hendak ambil tuisyen *online* yang telah diperuntukkan dalam bajet yang lepas. Jadi Seri Serdang ingin menyarankan penambahan daripada 2 *wiFi*, *hotspot* ditambahkan lagi yang sepatutnya yang perlu difikirkan bukan hanya *hotspot* dengan tetapi *hotspot WiFi* juga diperlukan. EXCO wanita senyum sebab *hotspot* dengan di DUN Seri Serdang banyak tempatnya ya. Jadi *insya-Allah* dia beransur pulih berkenaan dengan dengan. Saya tak hendak masuk dengan dengan. Seri Serdang ingin mengucapkan tahniah atas program PWB yang banyak dan juga telah pun selesai seperti mana kelemahan-kelemahan yang dulu telah diperbaiki. Tetapi Seri Serdang ingin menyarankan supaya tidak mempolitikkan PWB ini supaya semua penduduk dan semua rakyat di Negeri Selangor akan mengambil bahagian.

Dan begitu juga peranan wanita, oleh yang demikian akan membawa wanita termasuk PEKAWANIS. Seri Serdang ingin menjemput PEKAWANIS yang cukup penting. Yang dipengerusikan oleh Datin Seri Shamsidar Tahrin yang cukup memberangsangkan dan mendapat sambutan dalam Negeri Selangor dan di luar Negeri Selangor. Seri Serdang ingin menyatakan program-program yang dianjurkan oleh PEKAWANIS dari tahun 2014 sehingga 2016 sebanyak 59 program. Manakala tahun 2017 sebanyak 17 program telah pun dijalankan dan menjalankan program bersama tidak mengira agama, bangsa dan ideologi. Bermula dari tahun 2015 PEKAWANIS juga menjalankan aktiviti bulanan tadabur Al-Quran pada setiap bulan di kediaman rasmi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Inisiatif ini memasyarakatkan Al-Quran melalui program ini. Kehadiran setiap bulan antara 250 ke 350 orang, *alhamdullilah*.

PEKAWANIS juga mengendalikan Rumah Jagaan Puteri Arrafiah, rumah pemulihan untuk remaja-remaja yang tersasar. Antara visi penubuhan RPA ini adalah menjadikan institut pemulihan, pilihan bagi pembangunan insan. Misi penubuhan RPA pula untuk merealisasikan tanggungjawab sosial ke arah membanteras gejala sosial melalui kesedaran, bimbangan dan pemulihan perlindungan dan pembinaan jati diri, keluarga dan masyarakat. Sejak ditubuhkan 2011, RPA telah menerima kemasukan seramai 95 orang remaja berumur daripada 12 tahun hingga 21 tahun. Operasi institusi ini amat mencabar kerana memerlukan masa, kewangan, tenaga kerja yang sabar dan mahir dalam mengendalikan kes-kes remaja ini serta ibu bapa. Seri Serdang mengharapkan sokongan daripada semua pihak terutama dari Kerajaan Negeri yang amat diperlukan untuk memastikan misi dan visi Rumah Puteri Arrafiah dapat dijayakan dengan membangunkan masyarakat yang harmoni. PEKAWANIS bukan sahaja membantu malah tahun lepas memang membantu banjir di Kelantan dan banyak program-program kebajikan termasuk program-program sumbangan tahunan kepada ibu-ibu tunggal, program kemasukan sekolah, perayaan-perayaan tiga perayaan Tahun Baru Cina, Deepavali dan juga Hari Raya.

Jadi di sini saya juga memohon kepada semua Adun wanita dan juga isteri Adun-adun, hah bukan isteri-isteri ya, Sekinchan pandang semacam itu. Isteri Adun-adun menyertai PEKAWANIS supaya kita dapat bergerak seiring supaya kita dapat membantu wanita-wanita di luar sana selain daripada Pergerakan Wanita Berdaya dan juga institut wanita yang akan ditubuhkan nanti. Dan Seri Serdang mengharapkan supaya Kerajaan Negeri permintaan yang ditunggu-tunggu sekian lama iaitu geran kekal bagi Kampung Seri Aman. Hampir setahun Seri Serdang menunggu dan tidak dapat lagi katanya dah siap tetapi saya masih menunggu untuk rakyat di Seri Serdang. Begitu juga dengan pembangunan di Seri Aman ini di mana peruntukan khas, Dato' Menteri Besar telah pun meluluskan bajet sebanyak RM8 juta untuk pembangunan di kampung Seri Aman iaitu daripada segi longkang dan sebagainya dan masih belum lagi dijalankan. Yang terakhir Seri Serdang ingin menyebut kepada pihak JPS berkenaan dengan laluan utama, jambatan di Kampung Seri Aman ini masih terbengkalai dan masih belum disiapkan lagi.

Denggi menurun di Seri Serdang, tetapi walau macam mana pun Seri Serdang tetap membuat program-program membantu EXCO Kesihatan kita bersama dengan Pejabat Daerah Petaling yang begitu memberi komitmen yang baik. Dan terakhir sekali Seri Serdang ingin memohon untuk permintaan pengganti kepada Penghulu Mukim Petaling 1 yang telah dipindahkan. Ya, sekarang di Seri Serdang ada seorang yang dipinjam dari Petaling 2 untuk mengawasi kawasan yang begitu luas untuk jawatan Penghulu ini. Dan itu saja dari Seri Serdang, Seri Serdang tak hendak cakap banyak sebab banyak

dah idea-idea dah diambil oleh orang tadi dah depan-depan itu, Sekinchan ya dan banyak lagi lah. Hah, Sekinchan stop sekejap, jadi *insya-Allah* itulah harapan dari Seri Serdang supaya apa-apa yang disebut dalam Dewan ini menjadi kenyataan, *Wabillahi Taufik Walhidayah Assalamualaikum Warahhmatulallah Wabarakatuh*, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Seri Serdang, menjimatkan masa saya persilakan Pelabuhan Klang.

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** *Bissmillahhir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya, wakil Pelabuhan Klang, untuk menyertai perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-haj. Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyentuh tentang Selangor, sebagai sebuah negeri yang terpenting dalam Malaysia, dan bagi memastikannya mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Ramai berjumpa saya dengan mengatakan bahawa mereka sangat rasa gembira dengan ucapan Tuanku tersebut tetapi mereka meminta kepastian daripada saya, iaitu adakah semuanya itu dapat dilaksanakan?

Jawapan saya, itu semua adalah tanggungjawab kerajaan dan wakil rakyat serta kakitangan negeri untuk menentukan kejayaan pelaksanaannya.

Tuan Speaker, saya hendak tunjukkan gambarannya, walaupun Duli Yang Maha Mulia Tuanku sudah memberikan gambaran baginda tentang keadaan Negeri Selangor, tetapi saya hendak berikan gambaran lebih terperinci, iaitu apa yang disebut *gross state product*. Dalam kiraan negara, ia disebut *gross national product* tetapi dalam keadaan negeri disebut *gross state product*, iaitu maknanya Keluaran Negeri Kasar. Dalam hubungan ini, Keluaran Negeri Kasar saya bandingkan sejak 2006 hingga 2016. Pada 2006 keluaran negeri kasar Selangor adalah sebanyak RM118 bilion tetapi pada tahun 2016 ia meningkat menjadi RM672 bilion. Ia naik lima kali dalam 10 tahun dibanding dengan Kuala Lumpur, pada 2006 sebanyak RM72 bilion dan di sekarang, pada 2016, sebanyak RM329 bilion.

Saya mengambil juga angka-angka untuk perbandingan supaya kita tahu di mana kedudukan Negeri Selangor walaupun Negeri Selangor adalah negeri yang memberi sumbangan yang terbesar. Kita bandingkan dengan Sarawak.

Keluaran Negeri Kasar Sarawak, pada tahun 2006 adalah sebanyak RM60 bilion tetapi sehingga 2016, meningkat menjadi RM249 bilion. Di Johor, pada 2006 sebanyak RM53

## **29 MAC 2017 (RABU)**

bilion, dan meningkat pada tahun 2016 menjadi RM248 bilion. Pulau Pinang, sebanyak RM43 bilion pada 2006, meningkat ke RM228 bilion pada 2016.

Saya ambil juga angka yang terakhir. Negeri yang terakhir, banyak negeri, tetapi saya ambil Perlis. Keluaran Negeri Kasar Perlis pada 2006 adalah RM3 bilion dan pada 2016, sebanyak RM88 bilion. Maknanya, Perlis lebih kurang sama nilai pendapatan dengan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor!

Ini adalah angka yang menunjukkan pertumbuhan yang sangat pesat untuk Negeri Selangor dan juga (sekiranya) dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Tetapi angka ini tidak mencerminkan kekuatan Negeri Selangor. Hal Itu yang saya ingin tunjukkan hari ini, iaitu pendapatan per kapita. Ia bermaksud bahawa walaupun pembangunan sangat meluas tetapi pendapatan per kapita yang paling tinggi di Malaysia adalah Kuala Lumpur bukan Negeri Selangor.

Pendapatan per kapita Kuala Lumpur adalah sebanyak RM79,752.00 setahun; Sarawak, RM41,115.00; Pulau Pinang, RM38,356.00 manakala Selangor, RM37,851.00. Walaupun Selangor tertinggi dari segi angka Keluaran Negeri Kasar tetapi ia jatuh nombor empat (4) dari segi pendapatan per kapita.

Angka ini sangat penting untuk kemakmuran seluruh Negeri Selangor. Sebab itu, saya berikan angka-angka ini supaya jurang tersebut dapat kita rapatkan demi kemakmuran Negeri Selangor. Kita sudah sama-sama mempunyai impian dan keputusan untuk mengisyiharkan Selangor menjadi negeri maju. Sudah ada impian dan keputusan itu tetapi tidak berapa betul. Justeru, di sini saya ingin membetulkan bahawa hal tersebut sudah diisyiharkan dan diumumkan pada tahun 2006.

Walau bagaimanapun, beberapa kriteria dalam perancangan negeri ini mesti kita lihat semula. Selain pendapatan per kapita ataupun Keluaran Negeri Kasar Selangor untuk menentukan Negeri Selangor ini sebagai negeri maju, iaitu lebih awal daripada Malaysia, tetapi saya juga mengingatkan perlunya kita cara untuk mengurus Negeri Selangor .....

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon mencelah

**TUAN TIMBALAN SPEAKAR:** Bukit Gasing minta.

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** Baiklah, boleh.

**TUAN TIMBALAN SPEAKAR:** Sila Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Tan Sri.....

**TUAN TIMBALAN SPEAKAR:** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** State produk yang dikatakan oleh Tan Sri yang di mana Kuala Lumpur dikatakan jauh lebih tinggi daripada Selangor. GDP per kapita Kuala Lumpur lebih tinggi daripada Selangor. Adakah itu disebabkan ekonomi aktiviti di Kuala Lumpur yang tinggi itu sebenarnya pekerja-pekerja yang mendapat gaji daripada syarikat-syarikat tersebut, pekerja-pekerja yang membantu untuk menjana ekonomi aktiviti tersebut mereka tinggal di Selangor. Jadi *population* di Selangor tinggi berbanding Kuala Lumpur tetapi tenaga pekerja daripada Selangor bergerak dari Selangor setiap pagi. Tengok *jammed* dekat *Federal Highway* dan sebagainya sebab dia bekerja di Kuala Lumpur dan GDP Kuala Lumpur itu dicatat lebih tinggi disebabkan syarikat-syarikat tersebut beralamat di Kuala Lumpur tetapi sebenarnya penyumbang tenaga dan hasil gaji itu datang balik ke Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKAR:** Sila, Pelabuhan Klang.

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gasing.. Hal tersebut, menunjukkan bahawa saudara sudah membuka minda untuk kita semua membuat analisis. Tetapi pendapatan per kapita bukan dikira menurut tempat, ia dikira menurut individu. Jadi, walaupun seseorang itu bekerja di Kuala Lumpur, tetapi balik ke Selangor, gajinya, katalah RM10,000.00 sebulan, maka dia dikira masih lagi di Selangor. Perkara yang semacam itu membuatkan kita mula memikirkannya tetapi saya tidak berhajat untuk membincangkannya secara lanjut sekarang. Pertama, di Selangor ini boleh jadi terlalu banyak pertumbuhan, yang menyebabkan ramai juga orang datang. Maknanya, peratus pertumbuhan tinggi tetapi orang ramai. Dan kita tidak boleh sekat. Hal ini menunjukkan keadaan yang bebas.

Kedua, satu angka yang saya lihat, tetapi tidak sempat mencarinya semalam. Iaitu, bahawa jumlah orang yang duduk di Selangor ini lebih tinggi daripada kenyataan rasmi yang kita berikan. Misalnya, jikalau di Klang ada 1 juta orang, sebenarnya ada 1.5 juta orang. Maknanya, ada yang tidak dalam kiraan perangkaan negeri. Saya beritahu angka ini supaya kelak apabila EXCO dan wakil kita membuat perancangan, kita mesti ambil kira perancangan ini sebab untuk menjadi negeri maju kita mengambil kira angka-angka yang sebenarnya.

Apakah angka-angka yang menunjukkan Selangor ini boleh menjadi negeri maju? Pertama, dikatakan *highly developed economy*, iaitu ekonomi yang bertumbuh. Seperti yang dinyatakan dalam titah Tuanku, Negeri Selangor sudah bergerak daripada negeri pembuatan atau pun pertanian kepada negeri perkhidmatan. Ia menunjukkan bahawa

peratus pendapatan dalam sektor perkhidmatan adalah lebih banyak. Itu benar, yang bermakna sistem perbankan kita atau pun sistem *finance* kita, perkhidmatan pelancongan semuanya termasuk dalam *service sector* yang melebihi itu. Tetapi kita juga mesti melihat, *the level of industrialization*. Namun, Negeri Selangor sekarang dalam keadaan belum sampai ke tahap yang dikatakan *level of industrialization* ini. Dalam kriteria yang dibuat dalam kajian *United Nation* dan seterusnya, kriteria yang digunakan adalah *the automation of the industrialization*. Tetapi kita belum sampai ke taraf itu. Ada beberapa sebab. Antara sebabnya adalah apabila kita mengarah atau pun melaksanakan pelaburan atau pun kempen pelaburan negeri Selangor itu, kita mesti mengambil kira keadaan tersebut. Dengan cara tersebut, kita kelak menggerakkan Negeri Selangor dengan lebih cepat lagi.

Kemudian, perkara yang ketiga, iaitu yang diambil kira selain pendapatan per kapita dan *developed infrastructure and quality of living*. Maknanya, prasarana kita sudah berlaku. Hal itu tidak saya persoalkan sebab pelaburan dalam *infrastructure* sangat tinggi dan kita berharap MRT, LRT, dan jalan-jalan seumpama yang kita luluskan itu kelak mampu menambah nilai kepada kualiti pertumbuhan Negeri Selangor. Oleh itu, seperti yang saya katakan, negara maju dalam sektor perkhidmatan memberikan lebihan hasil daripada sektor industri. Juga, sektor pembinaan dan perumahan sama-sama memberi sumbangan yang besar terhadap keluaran negara kasar. Tetapi saya ingin menngingatkan rakan-rakan semua bahawa angka tunjuk inilah yang menyebabkan kita memperlihatkan pendapatan Selangor ini sebagai yang terendah.

Ada satu angka tunjuk yang kita harap dapat dibincangkan di Selangor, iaitu yang disebut *human development index*. Indeks *Human development* ini serupa dengan konsep yang kita mula bawa dan tunjukkan, iaitu Merakyatkan Ekonomi supaya *human development index* merupakan satu angka tunjuk yang menunjukkan kita ini adalah sebuah negeri yang lebih berupaya. *There is a strong correlation (hubungan) between human development index score and prosperous economy*. Justeru, jikalau *human development index* ini tinggi, maknanya negara itu bukan sahaja kaya tetapi rakyatnya semua adalah dalam keadaan yang sangat baik. Tentang contoh-contoh negeri pula, orang kelak bertanya apakah contoh negeri yang mempunyai *human development index* yang tinggi? Antaranya, Norway, Kanada, Australia, dan German. Tetapi contoh ini tidaklah berapa tepat, saya sekadar memberinya sebagai perbandingan.

Kemudian, soalan yang dikemukakan kepada saya sudah tentulah, apakah indikator yang terpenting dalam *human development index*? Apa indikatornya? Pertama, *Long and healthy life*. Maknanya, orang makin lama makin berumur, *mortality rate* meningkat. Di Malaysia, 72, 74. *I think lelaki mati cepat sikit daripada wanita. There is no equality in life....* Memang ada kiraannya, yang seingat saya sudah dibincangkan yang berkaitan dengan skim kesihatan..

Kedua, yang paling penting saya ingat, adalah *education index*. Ini yang paling penting yang kita mesti tambahkan. Suatu ketika dahulu, ia adalah *years of schooling, expect years of schooling*. Jadi, di Negeri Selangor, kita mesti tentukan tidak ada seorang pun anak yang tidak mendapat pendidikan di sekolah. Maknanya, *schooling for all* itu adalah satu usaha pelaburan jangka panjang kita. Oleh sebab itu, apa cara pun kita kena fikirkan beberapa usaha supaya setiap anak bangsa di Selangor ini mendapat pendidikan di sekolah. Saya menyeru agar wakil rakyat kita atau wakil negeri kita berusaha memperkenalkan beberapa program yang dapat menghalang anak-anak kita daripada ponteng sekolah atau mereka yang tidak pergi sekolah. Saya dapat makluman, juga terbaca berita terdapat ADN Negeri yang tidak diberi kebenaran untuk masuk ke sekolah. Ya, sebenarnya itu masalah kita yang perlu segera diatasi. Sebagai penguasa tadbir urus negeri ini, kita wajar mencari jalan supaya kita dapat bersama Kerajaan Pusat dalam usaha menentukan rakyat Selangor itu diberi bantuan pelajaran dan pendidikan secukupnya, tanpa dikekang oleh perbezaan fahaman politik. Maka, barulah layak ini semua kita anggap kita ini sebagai negeri maju yang menolong membangunkan rakyat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKAR:** Mohon Yang Berhormat mengakhirkan ucapan. Dah merah dah.

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** Baiklah, saya akan..... ada tiga (3) perkara saya belum habis bercakap. Jadi tiga (3), saya akan ringkaskan dalam masa 5 minit. Kalau tidak saya nak terangkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKAR:** Ya, mohon ringkaskan Yang Berhormat.

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** Ya, ringkas, saya hendak ringkaskan. Pertama, saya hendak tunjukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku bercakap tentang ketelusan, pertanggungjawaban, dan seumpamanya. Dengan ini, saya juga hendak mencari contoh negeri, dalam negara, dalam negara besar, negeri yang boleh digunakan untuk kita kaji. Maknanya, supaya transparensi dan akauntabiliti ini dapat kitajadikan contoh, dan dalam hal ini saya dapatkan Kanada adalah sebuah negara yang boleh kitajadikan contoh. Sebabnya, Kanada adalah Negara Persekutuan tetapi ada Quebec, Columbia, British Columbia. Jadi, saya harap keadaan ini pun dapat menambah nilai dari segi usaha kita untuk menentukan tahap transparensi dan akauntabiliti dan itu. Jikalau saudara layari website Portal British Columbia ataupun website British Columbia, ia menunjukkan bagaimana peranan negeri dan peranan Negara Kanada dalam usaha ini. Ia ada pro-aktifnya, transpirasinya dan persoalannya. Akhir sekali, saya hendak juga mengingatkan tentang kekuatan kita dari segi ketelusan. Oleh sebab itu, saya mohon supaya perbincangan mengenai bajet yang dibangkitkan oleh Kampung Tuanku itu disemak semula dan diadakan

perbincangan dari segi penggunaan rizab. Bagaimana, misalnya penggunaan rizab itu digunakan supaya kita sentiasa mengawasi resources kita. Hal ini semua bermaksud supaya kita sentiasa memperlihatkan ketelusan dari segi memberikan penerangan tentang duit yang kita gunakan, duit yang kita salurkan, dan sebagaimana. Justeru, dengan sifat begini, dengan *foundation* yang begini, kita kelak mencapai usaha untuk menjadi negeri maju dan kita kelak makmur, manakala jasa dan khidmat bakti Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor terus dikenang hingga ke akhir zaman. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Balakong

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor pada Pembukaan Persidangan Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Ke 13 Tahun 2017. Balakong berasa bangga kerana menjadi salah seorang anggota Dewan Negeri, Kerajaan Negeri Selangor, kerana Selangor mengamalkan sikap dan amalan pentadbiran peduli rakyat yang telah benar-benar menyentuh hati rakyat Selangor. Dengan adanya barisan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan EXCO yang peduli rakyat, wujudnya satu kerajaan yang peduli rakyat juga. Dengan wujudnya kerajaan peduli rakyat, segala, segalanya akan lebih mudah kerana kerajaan dan rakyat Selangor berganding bahu menghadapi segala cabaran dan rintangan. Ini termasuk tohmahan dan tuduhan daripada UMNO Barisan Nasional yang tidak berdasar dan berniat jahat semata-mata ingin merosakkan imej Kerajaan Negeri Selangor yang telah sambut baik oleh rakyat Selangor. UMNO sebagai pembangkang di Selangor tahu bahawa adalah mustahil bagi mereka untuk memenangi Selangor pada Pilihan Raya akan datang jika mereka, jika pertarungan ini diadakan secara adil dan saksama dan ia telah mendorong mereka menggunakan taktik-taktik kotor termasuk pemindahan pengundi hantu ke dalam kawasan-kawasan tertentu dan kini dengan taktik memburukkan nama baik Kerajaan Negeri Selangor. Kombinasi serangan terhadap Kerajaan Selangor nampaknya dirancang rapi dengan mengaturkan seorang raja badut berlawak di luar Dewan dan mengarahkan Ahli-ahli yang Berhormat pembangkang untuk membuat kenyataan tidak berdasar dan berniat jahat dalam Dewan yang mulia ini. Ini mungkin pada setengah orang Ahli, Ahli Berhormat dari pembangkang adalah perkara baik. Contoh, Yang Berhormat Kuang yang tidak pernah berbahas kalau saya tak silap selama 4 tahun bagi penggal ni. Walau bagaimanapun biar pun dia perbahasan yang, yang ke berapa pun bahaslah dengan fakta. Apa masalahnya duit khairat kematian SMUE dikeluarkan dari luar kawasan? Yang penting sekali duit itu sampai ke tangan penerima yang sah. Bukannya ke dalam poket Ahli Yang Berhormat, bukannya dia masuk ke dalam akaun peribadi kita. Itu yang paling penting. Dokumen yang Kuang dakwa diterima melalui, di dalam peti suratnya hanya menunjukkan jumlah wang yang dikeluarkan daripada mesin ATM. Dan ia tidak boleh membuktikan duit

berkenaan telah di songlap ataupun tak disampai ke tangan penerima. Jadi, saya menyeru kepada pihak pembangkang supaya janganlah bersandiwarasemata-matanya untuk merosakkan imej Kerajaan Negeri Selangor. Lantiklah Ketua Pembangkang yang akan secara wajibnya menjadi Pengerusi PAC yang berhak dan berkuasa untuk mengaudit segala kira-kira yang berkenaan dengan Kerajaan Negeri jika kamu benar-benar ikhlas. Kalau pembangkang begitu serius mengenai dana awam dan duit rakyat, saya mencabar, saya mencabar pembangkang meminta Perdana Menteri mendedahkan secara terperinci dari mana duit RM2.6 bilion dan ke manakah duit RM2.6 bilion yang telah dimasukkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri sendiri?

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Balakong ingin menarik perhatian pihak kerajaan mengenai permasalahan kenderaan buruk yang terbengkalai di sekitar Negeri Selangor. Ini merupakan suatu masalah yang bukan sahaja dihadapi oleh rakyat Selangor malah ianya merupakan permasalahan yang dihadapi oleh semua PBT di negara ini. Kami semua ambil maklum bahawa sebab-sebab pemilik kenderaan-kenderaan berkenaan membiarkannya di tepi jalan adalah kerana sebab-sebab tidak mampu membayar ansuran bank, tidak mampu menampung kos pumbaikan yang tinggi dan sebagainya. Ia menjadi lebih teruk kebelakangan ini berikutan ekonomi negara yang semakin muram terutamanya di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang mengamalkan amalan pentadbiran kleptorasi. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan sekalian, di dalam kawasan Balakong sahaja, saya kami mendapati terdapat melebihi 160 buah kenderaan buruk yang terbengkalai di tepi jalan. Itu kawasan Balakong sahaja bukannya MPKj. Prosedur untuk melupuskan sebuah kenderaan buruk yang terbengkalai memerlukan masa yang terlalu lama. Ini amat merumitkan kerja kakitangan PBT untuk selesaikan aduan rakyat. Tetapi kebanyakannya rakyat atau pengadu, mereka tidak faham biarpun kami sebagai Wakil Rakyat telah beribu kali menjelaskannya kepada mereka. Saya memahami kerumitan yang dihadapi oleh PBT iaitu prosedur yang memakan masa terlalu lama dan ia mengakibatkan stor yang digunakan untuk menyimpan kenderaan-kenderaan berkenaan tidak mencukupi. Selain daripada itu, kos untuk menyelesaikan masalah ini juga tinggi. Justeru itu, saya ingin menyeru pihak Kerajaan Negeri mencari satu jalan penyelesaian mengikhtiaran satu cara yang lebih efektif untuk selesaikan masalah ini agar kesejahteraan anak Selangor lebih terjamin.

Tuan Speaker, Selangor sebagai sebuah negeri termaju di dalam negara ini telah menjadi tumpuan semua sektor termasuk sektor pembangunan harta tanah. Harta tanah di, harga harta tanah di dalam negeri ini juga melambung tinggi sejak beberapa tahun yang lalu dan spekulasi bahawa golongan muda semakin sukar memiliki harta tanah ataupun rumah di dalam negeri ini semakin terbukti. Kami bersyukur kerana kerajaan telah membangunkan projek-projek Rumah Selangorku dan ia telah membantu banyak

remaja di dalam negeri ini. Walau bagaimanapun saya berpendapat bahawa di samping Kerajaan Negeri Selangor sebuah kerajaan yang peduli isu-isu rakyat semestinya menetapkan dasar-dasar yang prihatin rakyat. Tahniah kepada Kerajaan Selangor kerana berjaya memulakan pembinaan 20 ribu buah unit Rumah Selangorku yang kini dalam pelbagai peringkat pembangunan sejak tahun 2014, melalui inisiatif *Smart Partnership* dengan pemaju. Saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri supaya mempertimbangkan adakah ianya keperluan untuk membuat kajian semula terhadap kesesuaian sekatan terhadap warga asing membeli harta tanah yang berharga kurang, tidak kurang daripada, kurang daripada RM2 juta di Selangor? Saya merujuk kepada 1 pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Tanah dan Galian Selangor bertarikh 20 Ogos 2014 yang berkuat kuasa pada 1 September 2014 mengenai sekatan pembelian harta tanah oleh warga asing di Selangor mengikut zon. Warga asing termasuk dan peserta Program *My Second Homes* hanya boleh membeli kediaman strata yang bernilai RM2 juta ke atas di dalam zon 1 dan 2. Manakala sekatan RM1 juta untuk zon 3. Soalan saya, adakah sebarang kajian pernah dibuat sekiranya sekatan ini diturunkan ke satu harga yang lebih rendah. Contohnya RM1 juta untuk zon 1 dan 2? Adakah penurunan tersebut dapat membantu PBT dan Pejabat Tanah untuk menambahkan hasil cukai masing-masing di samping 1 mekanisme mensyaratkan pemaju membina lebih banyak Rumah Selangorku boleh diwujudkan dengan adanya penambahan keuntungan daripada penurunan hak sekatan tersebut? Saya serahkanlah kepada pihak kerajaan untuk membuat pertimbangan dan keputusan dalam isu ini tetapi saya ingin menegaskan bahawa ia wajib dihadkan kepada pembelian harta tanah strata, strata hak milik sementara dan kepada pemegang PR ataupun *My Second Homes* sahaja.

Ahli Yang Berhormat sekalian, cukai tanah merupakan hasil utama untuk Kerajaan Negeri. Menurut laporan tahunan Lembaga Pelabuhan 2015, perkara 25 iaitu aset dan liabiliti luar jangka. Lembaga Pelabuhan Klang sepatutnya membayar cukai tanah dan premium sebanyak RM31,707,000.00 pada tahun 2014 dan RM32,253,000.00 bagi tahun 2015. Walau bagaimanapun ia belum dibayar oleh Lembaga Pelabuhan Klang kerana menurut laporan tersebut, Lembaga menganggap cukai dan premium yang perlu dibayar berkaitan dengan tanah Kerajaan Negeri Selangor yang dipindah milik kepada atau diduduki oleh Lembaga belum diperuntukkan di dalam akaun. Cukai tanah dan premium yang perlu dibayar akan ditentukan setelah diambil kira peruntukan di dalam Artikel 85 (2) Perlembagaan Persekutuan dan Perundingan dengan Kerajaan Negeri masih berlangsung untuk menentukan jumlah yang perlu dibayar. Saya memandang serius perkara ini kerana merujuk kepada Artikel 85 (2) Perlembagaan Persekutuan adalah jelas maksudnya dan tidak memerlukan masa bertahun-tahun untuk berunding dan menentukan kadar yang perlu dibayar. Maka saya mendesak Kerajaan Negeri untuk mengambil pendirian yang tegas memberhentikan segala

rundingan dengan Lembaga Pelabuhan Klang yang sanggup menampung kerugian melebihi RM674 juta sejak tahun 2010 dan mengutip cukai dan premium berkenaan yang merupakan duit rakyat Selangor dengan secepat yang mungkin. Janganlah Kerajaan Selangor baik sangat untuk memberi pengurangan kepada kroni Barisan Nasional yang sanggup menarik balik saman RM720 juta terhadap Kuala Dimensi Sdn. Bhd. Tetapi sikap berleter apabila memasuki konteks membayar cukai kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, Balakong ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeridi bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ke atas kecekapan dan dalam pentadbirannya. Pada awal tahun 2016 Balakong telah membuat permohonan untuk menaik taraf Sungai Balak untuk mengatasi masalah hakisan dan banjir kilat di Kg. Baru Balakong. Dan ia telah diluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta di bawah caruman parit dengan serta-merta. Walau bagaimanapun projek ini tidak dapat dilakukan kerana sebelum ia ditenderkan, kami difahamkan bahawa kutipan caruman parit pada tahun 2016 tidak mencukupi untuk menampung kos projek ini. Balakong amat, justeru, projek ini telah dicadangkan untuk ditangguhkan ke tahun 2018. Balakong amat berterima kasihlah kepada Pegawai-pegawai JPS terutamanya Pegawai JPS Hulu Langat yang telah memberi kerjasama begitu baik untuk selesaikan masalah ini. Ini pun sudah di luar bidang kuasa mereka. Saya memohon jasa baik kerajaan untuk mempertimbangkan semula supaya projek ini boleh dimulakan pada tahun ini untuk mengelakkan kejadian banjir kilat berlaku lagi di Kg. Baru Balakong. Baru-baru ini juga berlaku beberapa kali banjir kilat di Kg. Baru Balakong dan juga runtuhan tebing sungai di Sungai Balak, bahagian Taman Cheras Jaya. Saya faham semua perbelanjaan telah diperuntukkan, dirancang dengan lebih awal tetapi saya masih inginlah memohon jasa baik kerajaan untuk mempercepatkan kerja-kerja ini memandangkan ia agak dalam keadaan yang kritikal.

Ahli Berhormat sekalian, Negeri Selangor merupakan sebuah negeri yang termaju di negara kita dan ia bukan sahaja dari segi pembangunan, malah dari segi kutipan dan keuntungan juga. Peruntukan Kerajaan Negeri juga telah mencatat rekod dalam sejarah iaitu memperuntukkan peruntukan 52.2% daripada bajet tahun 2017 untuk tujuan pembangunan dan bagi pembangunan di bawah JAIS pada tahun 2017 sahaja ia adalah sebanyak RM128.5 juta. Seperti apa yang telah dititahkan...

**TUAN SPEAKER:** Balakong, Balakong kena ringkaskan ya.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Ok. Seperti apa yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor, Kerajaan Selangor giat membangunkan institusi agama Islam termasuk 60 projek pembinaan masjid, sekolah rendah agama dan

## **29 MAC 2017 (RABU)**

Kompleks Islam Daerah dengan kos RM174 juta sejak tahun 2015. Walau bagaimanapun, Balakong ingin mengutarakan aduan yang telah beberapa kali berulang di dalam Dewan yang mulia ini iaitu permohonan peruntukan untuk masjid dan surau dalam kawasan Balakong. Sejumlah 22 permohonan untuk membaik pulih bangunan dan infrastruktur surau, empat masjid di dalam kawasan Balakong telah dibuat sejak tahun 2014. Satu lagi permohonan peruntukan kewangan membina masjid Taman Sutera yang telah diluluskan cadangan pembinaannya sejak lapan tahun yang lalu telah dibuat sejak Julai 2013 tetapi sehingga kini semua permohonan tersebut bukan sahaja tidak menerima satu sen pun peruntukan malah jawapan bertulis pun tidak ada. Saya memohon jasa baik Kerajaan Negeri supaya memandang serius perkara ini kerana penduduk sekitar Balakong sudah mula ada rungutan mengenai perkara ini. Tambahan pula kerja menaik taraf Surau Taman Bukit Belimbing ke masjid yang telah diluluskan beberapa tahun yang dahulu belum lagi dimulakan sehingga kini. Balakong ingin mengakhiri perbahasan saya dengan mengucapkan ribuan terima kasih. Balakong menyokong usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** *Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.* Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1 Malaysia. Sungai Burong ingin mengucapkan setinggi terima kasih serta menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Mesyuarat Pertama, Pembukaan Kelima Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas. Sungai Burong juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker yang memberi peluang kepada Sungai Burong untuk mengambil bahagian menyokong usul titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Tuan Speaker, daripada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, usaha-usaha telah dibuat oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor untuk meningkat ekonomi Selangor supaya terus maju dan berpendapatan tinggi melalui strategi *Smart Selangor* bagi membangunkan bangsa Selangor dan memakmurkan negeri. Hasil negeri juga telah meningkat dan perbelanjaan negeri telah bertambah sehingga RM1.8 billion atau 52.2% daripada anggaran perbelanjaan sebanyak RM3.45 billion dalam tahun 2017. Sungai Burong berharap perbelanjaan tahun 2017 dapat dilaksanakan dengan bertanggungjawab, efisien dan berkesan serta memberi impak yang besar terhadap golongan rakyat yang memerlukan terutamanya golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Sungai Burong juga berharap bahawa segala rancangan program dan projek yang dilaksanakan janganlah hanya cantik di atas kertas sahaja ataupun untuk mencari slogan yang tujuan untuk pilihan raya yang ke belas akan datang. Merancang perbelanjaan hendaklah dibuat dan dilaksanakan secara teliti dan berkesan. Adalah agak malang kerana pada hari ini kita masih dapat mendengar ya,

ada peruntukan yang telah habis dibelanjakan walaupun di awal pada tahun ini iaitu hanya pada bulan Mac 2017 sahaja. Tapi, sebaliknya pula ada juga peruntukan yang belum dikeluarkan ataupun dapat dibelanjakan. Sungai Burong ingin perhatian masalah perparitan yang berlaku di kawasan Sungai Burong baru-baru ini di mana beberapa kampung telah ditenggelami air akibat berlaku hujan lebat beberapa hari kerana parit-parit sebu, tersumbat dan airnya tidak mengalir. Banjir telah menenggelamkan kawasan rumah mereka dan merosakkan tanaman-tanaman kontan yang menjadi punca sumber pendapatan penting harian mereka. Kampung yang saya maksudkan itu ialah Kampung Sungai Sireh, Kampung Sungai Haji Razali dan Kg. Parit Dua. Malangnya apabila JKKN Negeri sendiri telah membuat aduan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran supaya mengorek dan membersihkan parit-parit tersebut, JPS memaklumkan peruntukan masih belum diterima dan sebenarnya jawapan-jawapan ini merupakan jawapan-jawapan yang *standard* yang selalu kita dengar setiap kali masalah berlaku. Jadi, sebagai sebuah negeri maju yang kita mengharapkan pentadbiran cekap dan berkesan maka perancangan, pelaksanaan hendaklah sampai ke peringkat bawahan ini dengan pada masa yang tepat. Kenalah ada *sense of urgency* untuk menyelesaikan masalah. Dan, kita sangat berharap bahawa peringkat pentadbiran di negeri ini dapat menguruskan supaya peruntukan-peruntukan ini dapat dikeluarkan awal terutamanya kepada jabatan dan pejabat-pejabat di peringkat daerah supaya membolehkan mereka dapat menggunakan peruntukan tersebut terutama dalam keadaan-keadaan apabila berlaku bencana seperti ini. Sungai Burong ingin memaklumkan bahawa akibat daripada keadaan tersebut banyak tanaman-tanaman dan sayuran yang telah rosak akibat ditenggelami air dalam beberapa hari sahaja dan tanaman-tanaman ini merupakan sumber pendapatan penting kepada penduduk tersebut seperti sayur-sayuran dan juga sebagainya.

Tuan Speaker, Sungai Burong juga terpanggil untuk menjelaskan sanggahan-sanggahan yang sering kali dibangkitkan berulang-ulang oleh beberapa Ahli Dewan yang menidakkannya sumbangan Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional kepada rakyat Negeri Selangor seolah-olah Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional menganaktirikan rakyat Negeri Selangor dan mengetepikan mereka. Sering dibangkitkan oleh kerajaan, negeri menyumbang KDNK yang terbesar kepada KDNK Kerajaan Persekutuan dan kerana itu mereka menuntut hak supaya sumbangan itu dikembalikan semula kepada mereka dengan jumlah yang sama. Saya ingin menjelaskan bahawa adalah tidak benar bahawa Kerajaan Persekutuan menganaktirikan atau mengetepikan kepentingan rakyat Selangor ini. Kalau kita melihat faktanya, Kerajaan Persekutuan walaupun tidak memberikan peruntukan secara terus kepada negeri-negeri tetapi melalui agensi-agensi di bawah kerajaan telah menyalurkan berbagai peruntukan pembangunan yang bernilai berbilion-bilion ringgit yang telah dapat dinikmati sebenarnya oleh rakyat Negeri Selangor dan juga rakyat di luar Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Speaker.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Pembangunan infrastruktur seperti kemudahan awam....

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Boleh mencelah?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Rangkaian jalan raya, *airport* yang terbesar di Negeri Selangor .....

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, Selat Klang minta mencelah.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Speaker, terima kasih Sungai Burong. Nak minta pencerahan daripada Sungai Burong. Bantuan daripada Kerajaan Pusat kepada rakyat di Negeri Selangor contohnya untuk luar bandar, jalan kampung adakah dia menggunakan SOP ataupun ciri-ciri ataupun dia punya apa, apa dia, BQ seperti yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri ataupun mana-mana tunjuk saja boleh buat.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Untuk menjawab ini saya ingat Selat Klang ya, kena faham bahawa proses struktur pembangunan di luar bandar itu juga, di jalan kampung itu juga melalui proses evolusi selalunya satu kawasan yang hanya dulu penempatan hanya dua tiga rumah di kampung hanya memerlukan jalan, jalan asas sahaja. Tapi, kemudian apabila pembangunan telah berlaku misalnya di kawasan-kawasan sawah padi di tempat saya, jalan ladang lagi telah digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat dan kerana itu maka jalan-jalan yang ada itu telah di *up grade* sesuai dengan keperluan-keperluan kehendak apa ni, semasa. Jadi, SOP nya memang ada ya, dan ini sebenarnya....

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Speaker.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Dilaksanakan oleh....

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Nak minta tanya bukannya padi yang fasal lot persendirian di kampung tradisi. Lot persendirian tu walaupun dia dah ada *banner* tetapi dia masih di bawah nama orang dalam geran tu. Sebab apa, yang kita, saya cuba nak faham bagaimana kaedah Kerajaan Negeri, bagaimana Kerajaan Pusat adakah dia boleh begitu saja, kami baru bercakap, minta mohon dengan negeri, apa pusat dengar saja dah boleh buat. Terima kasih Sungai Burong.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong boleh jawab tak?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** *Private road* ni yang mana-mana jalan satu model yang paling baik adalah Negeri Melaka kerana Negeri Melaka ni rumah-rumahnya telah begitu padat. Jadi, kawasan-kawasan tanah persendirian ini walaupun kata lot pertanian telah diduduki dengan banyak rumah ya. Jadi, di sana kita melihat jalan-jalan kampungnya ditar, dibina dengan SOP yang tertentu. Saya ingin mengajaklah ataupun saya menjemput Selat Klang pergi melawat kampung-kampung tradisi di Melaka sebagai contoh pelaksanaan projek-projek kampung di apa ni, di apa ni, di luar bandar. Saya ingin menyambung tadi bahawa pembangunan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Selangor ini terlalu banyak dan terlalu besar untuk kita tidak nampak ya, ataupun untuk kita mahu tidak nampak. Contoh yang jelas ialah rangkaian jalan-jalan apa ni, jalan raya dan *highway* yang ada di Negeri Selangor, dua *airport* yang terbesar, dua port, dua pelabuhan yang terbesar juga, Pelabuhan Klang Utara, Pelabuhan Pulau Indah, sistem LRT, MRT, secara penswastaan, empat buah hospital yang terbesar di Selayang, Shah Alam, Serdang, Klang dan satu lagi akan dibina di Tanjung Karang, dua tiga universiti awam terbesar, UIA, UKM, UiTM, pembinaan sekolah-sekolah, kolej-kolej ya, dan banyak lagi. Ini merupakan sumbangan

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Speaker, boleh celah sikit tak?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Kepada rakyat Negeri Selangor yang telah pun dan sedang dinikmati pada hari ini.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, Seri Andalas.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tadi, tadi saya dengar betul ke yang Sungai Burong kata hospital, berapa hospital? Lima hospital akan dibina di Selangor oleh Kerajaan Pusat? Betul ke? Lima hospital ke? Tadi you kata, akan dibina kata tadi Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Dia tak dengar ni, dia cakap saja. Baru sampai ke? Tak dengar ya?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tak, tak. Tadi, tadi you kata lima buah hospital akan dibina di Selangor.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya cakap, inilah masalahnya. Kena minta izin dengan Speaker dulu. Kalau Speaker benarkan baru bercakap ya. Saya cakap ada empat hospital yang terbesar yang telah ada di Selangor. Saya bagi hospitalnya ialah Hospital Selayang, Hospital Shah Alam, Hospital Serdang, ni hospitalnya, Hospital Klang. Ini hospital-hospital yang ada.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Ini, ini sudah

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Dan satu lagi...

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Sudah lapan tahun sebelum itu. Sekarang you nak cakap sekarang dia sudah bina itu macam mana? Sekarang di dalam tempoh Rancangan II Kerajaan Pusat berapa hospital nak dibina?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya tak benarkan ya.

**TUAN SPEAKER:** Tadi.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sebab saya dah cakap dia tak faham.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas, Sungai Burong tak benarkan mencelah. Teruskan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ok. Saya sebenarnya ini nak menjelaskan sanggahan-sanggahan yang mengatakan Kerajaan Persekutuan ini ya, menganaktirikan, mengetepikan rakyat Negeri Selangor dan ini adalah tidak benar. Ini satu daripada fakta yang ingin saya bentangkan selain daripada semalam.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Sungai Burong boleh duduk dulu. Kita sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan 4.30 petang. Maka, Dewan akan ditangguhkan sehingga ke hari esok 30 Mac 2017 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)**